

Jilid 1
Bil. 84



Hari Selasa
8hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11865]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 11900]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 11900]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 11967]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N., (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubung).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M., (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S, K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, BELIA DAN SUKAN, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ TIMBALAN MENTERI PELAJARAN, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K., (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (KENINGAU)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HEING DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Perlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUAN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Murudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DASUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWAN GABAN (Bandau)
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.N., (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.(Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Matin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LIANG SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bacok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRIK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPANG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P, P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHBUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

,, TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

,, TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).

,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

,, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTERA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 8hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-
perkerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JABATAN TELEKOM—
KURANG KECEKAPAN

1. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau mengetahui Jabatan Telekom yang di bawah kuasa Kementeriannya, didapati amat kurang cekap seperti:

- (a) selepas menanam kabel di tepi jalan, tempat yang dikorek tidak diturap secepat mungkin dengan sempurna sehingga keadaan ini menyusahkan dan mengancam keselamatan pengguna-pengguna jalan raya; dan
- (b) bayaran bil-bil telefon kerap kali didapati terlalu tinggi dan di luar dugaan; jika ya, sama ada beliau sedar bahawa keadaan serupa ini akan mengecewakan usaha Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Kerajaan yang bercorak "bersih, cekap dan amanah" dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua, kerja-kerja

menanam kabel di tepi-tepi jalan dan menimbus lubang-lubang kabel tersebut adalah dijalankan oleh kontraktor-kontraktor swasta yang berdaftar dengan Jabatan Telekom Malaysia. Tetapi kerja-kerja menurap bahagian jalan yang berkenaan adalah dijalankan oleh kontraktor-kontraktor swasta, ataupun agensi-agensi yang bertanggungjawab ke atas jalan tersebut.

Walau bagaimanapun, Jabatan Telekom Malaysia adalah sentiasa bekerjasama dengan kontraktor-kontraktor swasta dan juga agensi-agensi yang terlibat bagi mengatasi kesesakan yang mungkin dialami oleh pengguna-pengguna jalan raya tersebut. Juga Jabatan Telekom sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat bagi mengurangkan kesesakan ke paras minima dan kesesakan yang kadangkala tidak dapat dielakkan sama sekali berlaku di jalan raya itu dengan cara mengadakan papan-papan tanda yang sempurna serta juga menimbus kembali lubang-lubang yang dikorek dan menurapnya dengan seberapa cepat yang boleh.

Oleh hal yang demikian saya menolak dakwaan Yang Berhormat bahawa dalam perkara ini Jabatan Telekom didapati amat kurang cekap.

Mengenai dengan soalan (b) ianya telah pun dijawab semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 19hb Oktober, 1983 dan juga Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 10hb Oktober, 1983 yang lepas.

Saya tidak mempunyai sebarang tambahan kepada jawapan-jawapan tersebut.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kerja-kerja menanam kabel di tepi jalan ini dikerjakan oleh kontraktor-kontraktor swasta. Dalam masalah kontraktor-kontraktor swasta ini apabila selesai sahaja kerja-kerja mereka dalam menanam kabel ini didapati masih banyak kerja-kerja yang belum selesai.

Jadi apakah tindakan Kementerian ini terhadap kontraktor-kontraktor swasta bagi mengatasi masalah ini agar kerja-kerja mereka ini dapat diselesaikan dengan segera dan supaya tidak menyusahkan kenderaan-kenderaan orang ramai?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, kontraktor yang mengorek dan menanam kabel itu adalah suatu kontraktor yang ditentukan oleh Jabatan Telekom tetapi kontraktor yang menurap jalan itu adalah dipertanggungjawabkan kepada agensi yang bertanggungjawab atas jalan, bahagian mana jalan itu dikorek dan kadangkala berlaku sedikit tidak ada koordinasi di antara kedua-dua kontraktor tersebut iaitu kontraktor yang menanam kabel dengan kontraktor yang menurap jalan itu. Oleh hal yang demikian kadangkala keadaan-keadaan kesesakan tidak dapat diatasi oleh kerana sebab-sebab tertentu, maka inilah yang kita ikhtiar supaya koordinasi yang lebih rapi lagi dilaksanakan di antara kontraktor-kontraktor yang terlibat dan juga di antara agensi-agensi yang terlibat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, suka saya bertanya kepada

Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa khasnya di Bandaraya Kuala Lumpur nampaknya tidak ada koordinasi yang berkesan di antara agensi-agensi Kerajaan ataupun pihak Dewan Bandaraya dengan kontraktor-kontraktor Telekom yang menjalankan kerja untuk menanam kabel dan oleh hal ini nampaknyalah sentiasa timbul satu masalah yang menyusahkan orang ramai khasnya di Bandaraya di mana ada masalah kesesakan lalulintas?

Saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian beliau dapat memastikan bahawa masalah koordinasi tidak akan timbul pada masa yang akan datang kelak.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menyatakan di sini bahawa koordinasi di antara Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat adalah memuaskan, adalah baik. Yang menjadi masalah ini ialah koordinasi di antara kontraktor yang mengorek jalan itu dengan kontraktor yang menurap jalan. Inilah yang menimbulkan masalah. Maka inilah yang kita sedang melaksanakan sekarang supaya kontraktor-kontraktor yang terlibat ini dapat bekerja dengan lebih rapat lagi di masa-masa yang akan datang. Dari segi koordinasi Jabatan-jabatan itu tidak menjadi masalah sangat.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tuan Yang Dipertua, adakah benar bahawa penurapan di jalan-jalan ini yang telah dikorek kerana penanaman kabel telekom itu lambat dijalankan oleh agensi-agensi yang berkenaan kerana agensi-agensi itu lambat mendapat peruntukan daripada Jabatan Telekom.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Pada keseluruhannya, masalah ini tidak timbul tetapi saya akui ada kadangkala tetapi bilangannya amat kecil sekali di mana apabila pihak Jabatan Telekom menghantarkan wangnya melalui waran kepada Kerajaan Negeri dan apabila Jabatan Kerajaan Negeri mengeluarkan pula sub warannya kepada Jabatan yang berkenaan itu kadangkala ada berlaku kelewatan tetapi kejadian yang berlaku itu amat sedikit sekali, tetapi ada berlaku.

KERETAPI TANAH MELAYU—KEUNTUNGAN/ KERUGIAN

2. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) Berapakah keuntungan bersih/kerugian bagi perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu hingga akhir bulan September bagi tahun 1983.
- (b) Adakah Kerajaan bercadang akan mengadakan perkhidmatan keretapi dari Pantai Timur ke Pantai Barat sejajar dengan pembinaan jalan raya Timur-Barat yang ada sekarang ini. Jika tidak apakah sebab-sebabnya selain dari sebab-sebab kewangan. Adakah pernah diadakan kajian kemungkinan telah dilaksanakan.
- (c) Oleh kerana beberapa tahun yang lepas Keretapi Tanah Melayu selalu sahaja mendapat kerugian kerana terdapat sebab-sebab penyelewangan dan kurang kecekapan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa ramaikan jumlah Pegawai dan Kakitangan keretapi yang telah dikenakan tindakan tatatertib termasuk

dibuang kerja bagi tahun 1980, 1982 dan 1983. Adakah penyelewangan dan kurang kecekapan ini masih terus berlaku.

- (d) Adakah Kementerian bercadang untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu selaras dengan dasar Kerajaan sekarang. Jika ya, sudahkah kajian yang diteliti sedang dijalankan bagi tujuan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dianggarkan mengalami kerugian sebanyak \$26.5 juta sehingga akhir bulan Ogos, 1983 berdasarkan kepada akaun yang belum diaudit. Akaun bagi bulan September, 1983 masih belum diselesaikan.
- (b) Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengadakan perkhidmatan keretapi di antara Pantai Timur dan Pantai Barat sejajar dengan pembinaan Jalan raya Timur-Barat yang ada sekarang ini. Oleh yang demikian, belum ada kajian kemungkinan yang dibuat sehingga masa ini.
- (c) Tidaklah boleh dikatakan bahawa Keretapi Tanah Melayu selalu sahaja mengalami kerugian kerana terdapat sebab-sebab penyelewangan dan kurang kecekapan. Dalam perkara ini, kedudukan Keretapi Tanah Melayu yang sebenarnya hendaklah difahami, iaitu ianya merupakan satu badan yang dikehendaki mengadakan perkhidmatan sosial. Dalam konteks ini perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak menguntungkan perlu diadakan berdasarkan kepada

kepentingan sosial, begitu juga cawangan-cawangan yang tidak ekonomik, perlu dibina untuk memberi perkhidmatan yang diperlukan dan pembinaan ini dibiayai daripada pinjaman dan bukannya daripada pemberian Kerajaan. Tambahan pula pihak Keretapi tidak boleh menaikkan tambang sewenang-wenangnya oleh kerana kepentingan sosial yang saya dimaksudkan itu.

Jumlah pegawai dan kakitangan Keretapi yang dikenakan tindakan tatatertib termasuk dibuang kerja pada tahun 1980, 1981, 1982 dan 1983 adalah seperti berikut:

Tahun	Hukuman buang kerja	Hukuman tatatertib yang lain seperti amaran, celaan, denda dan seterusnya
1980	33	2,023
1981	57	2,259
1982	79	2,534
1983	43	1,066

(hingga bulan September)

Mengenai penyelewangan dan kurang kecekapan ini, selain daripada tindakan tatatertib, Keretapi Tanah Melayu telah dan sedang melaksanakan berbagai-bagai usaha termasuk latihan bagi mengurangkan dan mengatasi masalah ini.

(d) Kementerian saya sedang mengkaji cadangan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu dalam konteks Kajian Perancangan Pembangunan Keretapi yang sedang dijalankan sekarang. Kajian dasar dan dari segi konsep mengenai pengswastaan ini telah pun disediakan oleh Keretapi Tanah Melayu dan ianya akan dikemukakan kepada Kerajaan bagi pertimbangan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman:
Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hingga akhir Ogos Keretapi Tanah Melayu kerugian \$26.5 juta. Ini adalah merupakan satu kerugian yang agak besar. Jadi, apakah langkah-langkah Keretapi Tanah Melayu untuk mengurangkan kerugian ini pada masa-masa yang akan datang.

Kedua, kalau dilihat daripada perangkaan tindakan tatatertib yang dikenakan kepada kakitangan pentadbiran Keretapi tadi dari setahun ke setahun nampaknya begitu ramai sekali seperti amaran, celaan dan sebagainya 2,000 lebih. Jadi, apakah langkah-langkah yang lebih ketat lagi untuk memastikan keberkesanan tatatertib ataupun kawalan kepada kakitangan Jabatan Keretapi.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar:
Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang saya perkatakan sebentar tadi, Keretapi Tanah Melayu adalah memberi perkhidmatan sosial pada keseluruhannya dan di atara sebab-sebab mengapa kerugian kewangan berlaku adalah disebabkan mengadakan jalan-jalan yang tidak ekonomik dan mengadakan perkhidmatan di tempat-tempat yang kurang mendapat sambutan dari segi pengguna-pengguna pada keseluruhannya.

Namun demikian, Keretapi Tanah Melayu sentiasa mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah yang berlaku dan memperbaiki prestasinya, terutama sekali dari segi mengadakan "rolling stock" iaitu seperti lokomotif, gerabak dan juga wagon-wagon yang baru untuk memberi perkhidmatan yang memuaskan dan seterusnya mengganti landasan-landasan yang mana tidak begitu baik dengan landasan-landasan yang baru. Di samping itu sistem komunikasinya

diperbaiki supaya dapat operasi Keretapi berjalan dengan baik.

Usaha-usaha sedang juga diperbuat agar masalah-masalah yang berkaitan dengan perkhidmatan—seperti kakitangan dan sebagainya sebagai menjawab soalan kedua Ahli Yang Berhormat tadi—dipertingkatkan dengan adanya sistem pengurusan yang baru di mana dalam sistem itu tindakan-tindakan yang sewajar bagi mengawasi pegawai-pegawai di semua peringkat diperbuat supaya memperketatkan lagi pentadbiran dan juga untuk mengelakkan penyelewangan berlaku di dalam Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Gooi Hock Seng: Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu adakah ura-ura KTM untuk mengadakan perkhidmatan keretapi laju (fast train) antara Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang telah ditetapkan. Jika ya, bilakah perkhidmatan itu akan dimulakan dan berapakah jumlah perbelanjaan untuk mengadakan perkhidmatan tersebut.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, usaha bagi mengadakan perkhidmatan laju Keretapi Tanah Melayu daripada Johor Bahru ke Kuala Lumpur dan seterusnya ke Pulau Pinang adalah di dalam peringkat kajian terakhir oleh Kerajaan, iaitu sepertimana yang saya katakan tadi di dalam Kajian Rancangan Pembangunan Keretapi yang sedang berjalan pada masa ini. Kajian itu sudahpun di peringkat terakhir dan setelah ianya dikaji oleh KTM ianya akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk keputusan. Jadi, bermaknalah bahawa sehingga hari ini tidak dapat saya memastikan bila perkhidmatan itu akan dapat diadakan dan begitu juga jumlah kos seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, adakah Timbalan Menteri sedar

bahawa salah satu masalah besar yang dihadapi oleh KTM yang membawa kerugian yang besar kepada badan itu ialah mengenai masalah rel tergelincir dan sekiranya Yang Berhormat sedar tentang hal ini, suka saya mendapat tahu sama ada pihak berkuasa ada mencari sebab-sebab tentang masalah itu dan apakah tindakan jangka panjang yang akan diambil untuk mengatasi masalah itu.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, masalah rel yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang adalah dalam pengetahuan dan perhatian Keretapi Tanah Melayu dan itulah sebabnya dari masa ke semasa usaha untuk memperbaharui dan memperbaiki landasan serta semua jambatan-jambatan yang ada diperbuat. Pada masa ini Keretapi Tanah Melayu sedang memperbaiki beberapa landasan yang tertentu yakni landasan ibu jalan sepanjang 25 kilometer; landasan di sebelah Pantai Timur iaitu dari Kuala Kurau ke Merapoh lebih kurang 150 kilometer, di Kedah lebih kurang 72 kilometer dan juga jambatan-jambatan pada keseluruhannya yang ada akan diperbaiki.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri berkenaan oleh kerana masalah keretapi sentiasa rugi dan menjadi satu isu yang berpanjangan, saya hendak dapat tahu adakah Yang Berhormat Menteri mengetahui adakah atau tidak keretapi kebangsaan negara asing yang beroperasi dengan mendapat keuntungan, dan jika ada, adakah kita tahu bagaimana mereka boleh mencapai keuntungan ini? Kalau sekiranya kita tidak tahu, adakah Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri berhasrat hendak mengadakan kajian terhadap contoh satu operasi keretapi negara asing itu

yang memberikan keuntungan kepadanya?

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, setakat maklumat yang ada di Kementerian dan juga Keretapi Tanah Melayu tidak ada keretapi yang dijalankan oleh pihak berkuasa negeri (State-run Railways) mendapat keuntungan di dalam dunia ini pada keseluruhannya oleh kerana sepertimana saya tekankan tadi bahawa perkhidmatan keretapi adalah merupakan satu pengangkutan sosial. Walaupun kita rugi dari segi kewangan, tetapi Kerajaan tidak rugi dari segi memberi perkhidmatan sosial oleh kerana keretapi adalah digunakan oleh mereka yang berpendapatan rendah, terutama mereka yang tinggal di pendalaman dan juga dengan adanya satu alternatif public transport ataupun perkhidmatan awam, maka itulah sebabnya bahawa jalan raya kita pun memuaskan. Kalau tidak akibatnya lebih banyak kereta bas serta teksi menggunakan jalan raya dan ini akan menimbulkan kesesakan.

Jadi pada masa ini belum ada cadangan untuk Keretapi Tanah Melayu menyasat keretapi yang lain yang mendapat untung, tetapi sistem ataupun rangkaian yang difikirkan dijalankan dengan baik, maka ini bolehlah diikuti oleh Keretapi Tanah Melayu pada keseluruhannya.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagaimana apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi mengenai Keretapi Tanah Melayu pernah mengalami kerugian, dengan demikian saya ingin tahu apakah daripada keuntungan-keuntungan Keretapi itu tentang pembahagian dengan Kerajaan Singapura sebab Keretapi Tanah Melayu berakhir stesennya di Singapura. Oleh itu apakah hubungan dan pembahagian

daripada hasil keuntungan Keretapi Tanah Melayu dengan Kerajaan Singapura?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu di Singapura adalah dijalankan sepenuhnya oleh Keretapi Tanah Melayu. Jadi tidak ada pembahagian-pembahagian keuntungan ataupun kerugian dengan Kerajaan Singapura.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

(Soalan No. 3 Y.B. Dr Koh Tsu Koon tidak hadir).

SETINGGAN—KAJIAN MENGATASI MASALAH

4. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada satu kajian tentang masalah-masalah setinggalan dalam negara kita pernah dijalankan, jika ya, apakah syor-syor yang telah dibuat dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah setinggalan, selain daripada membina rumah-rumah kos rendah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak ada membuat kajian yang menyeluruh mengenai setinggalan di seluruh negara. Kajian-kajian yang pernah dijalankan hanya di kawasan-kawasan tertentu seperti Kuala Lumpur dan Lembah Kelang kerana kawasan-kawasan pembangunan ini mempunyai tarikan penghijrahan yang kuat terutama sekali dari luar bandar.

Kajian-kajian ini telah mengenal pasti bilangan setinggalan, kawasan-kawasan yang diduduki dan profile sosio-ekonomi mereka. Hasil-hasil kajian digunakan sebagai maklumat asas bagi merancang program-program pembangunan yang lebih teratur di kawasan-kawasan tersebut.

Dengan yang demikian tiada syor-syor tertentu telah dibangkitkan dalam kajian-kajian tersebut.

Walau bagaimanapun, usaha untuk mengatasi masalah setinggan tetap dijalankan secara berterusan. Dalam bidang ini sebaik-baik langkah adalah mencegah pertumbuhan kawasan setinggan dengan mengurangkan faktor-faktor tolakan (push factors) di pihak penduduk luar bandar iaitu dengan mengadakan pusat-pusat pertumbuhan baru di kawasan luar bandar.

Bagi Kawasan setinggan-setinggan yang sedia wujud Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian dan sewajarnya untuk memberikan kemudahan-kemudahan supaya mereka dapat hidup dengan lebih selesa, tenteram, mengurangkan wabak, jenayah dan menikmati kemudahan sosial yang lain seperti persekolahan, lapangan riadah dan sebagainya.

Kemudahan-kemudahan yang diberikan adalah berbeza dari tempat ke tempat. Ada negeri yang menyediakan tapak rumah, ada yang memberikan tanah atau rumah, manakala di setengah-setengah kawasan pula hanya kemudahan-kemudahan lain seperti air paip dan elektrik diadakan di samping menaikkan taraf penempatan setinggan supaya tidak kotor dan terlalu sesak sehingga boleh membahayakan diri dari segi penyakit, jenayah, kebakaran, banjir dan sebagainya.

Projek-projek sosio-ekonomi seperti "Nadi" dan "Sang Kancil" diadakan di Kuala Lumpur bagi menafaat para setinggan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Lain-lain kemudahan seperti Tadika ataupun Tabika dan kelas-kelas urusan rumahtangga juga diwujudkan.

Tuan Yang Dipertua, langkah-langkah yang diambil adalah

berasaskan kepada sikap perikemanusiaan dan timbangrasa Kerajaan kerana pihak Kerajaan sedar bahawa gejala pertumbuhan penempatan setinggan adalah satu realiti bagi negara-negara yang sedang maju seperti Malaysia.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan adanya kemudahan-kemudahan yang diberikan itu ataupun dengan semakin banyak kita membina rumah-rumah kos murah kepada setinggan-setinggan ini, kita dapati makin ramai orang-orang yang ingin menjadi setinggan, yang menjadi setinggan baru ataupun menambahkan bilangan setinggan kerana untuk mendapatkan rumah kos murah lebih mudah dan lebih senang kalau menjadi setinggan, duduk di atas tanah kosong. Adakah benar setinggan itu ada membina rumah untuk disewakan dan ada pula setengahnya ada rumahnya sendiri di luar kawasan setinggan tetapi masih hendak mendapatkan rumah setinggan itu kerana rumahnya sendiri disewakan kepada orang lain? Jadi apakah langkah yang dibuat oleh Kerajaan ini akan menambahkan bilangan setinggan itu ataupun mengurangkannya lagi?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya tadi pembinaan atau pemberian rumah-rumah kos rendah itu adalah mengikut ukuran dan aturan-aturan dari segi keperluan dan ianya berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Sekiranya terdapat seseorang setinggan itu sebenarnya menyalahgunakan kemudahan yang diberikan ke atasnya atas sebab perikemanusiaan yang saya katakan tadi, maka nescaya Kerajaan ataupun pihak berkuasa akan mengambil tindakan sama ada menarik balik

rumah itu ataupun memperbaiki apa yang telah dilanggar oleh setinggan itu. Dan memanglah sekiranya kita tidak mengawal kedudukan soal setinggan itu ataupun pembiakan masalah setinggan ini, ianya akan bertambah merebak lagi. Tetapi dasar Kerajaan ialah bukan menggalakkan adanya setinggan-setinggan di pusat-pusat bandar di negara kita, malahan seberapa bolehnya sejajar dengan dasar Kerajaan dan juga terutama sekali yang terkandung di dalam Rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun kita adalah untuk mengurangkan setinggan di negara kita.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih Tuan Yang Dipertua, Dalam jawapan Menteri tadi ada menerangkan usaha Kerajaan terus untuk membasmi pertumbuhan setinggan-setinggan baru tetapi apa yang menyedihkan sering kita dengar isu berkenaan dengan setinggan ini menuduh Kerajaan tidak adil, selalu mengambil tindakan menolak rumah-rumah mereka dengan kejam setelah rumah mereka didirikan begitu lama. Soalnya sekarang, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan mengapa Kerajaan bertindak merobohkan rumah-rumah setinggan itu setelah setinggan itu duduk di tempat itu begitu lama. Mengapa tidak ada usaha sebelum setinggan itu mendirikan rumahnya masa itulah Kerajaan bertindak. Saya ingin tahu tugas untuk mengawasi pertumbuhan setinggan ini kepada siapa diletakkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, seperti yang Ahli dari Bagan Datuk sedia maklum masalah setinggan ini pada lazimnya dihadapi oleh Bandaraya dan Majlis-majlis Perbandaran, dengan aturan-aturan yang tertentu, berpandu kepada yang telah diputuskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kebiasaannya adalah tidak benar bahawa setinggan itu ditolak dengan kejam tanpa diberi makluman atau notis. Yang kebiasaannya berlaku, setinggan-setinggan diberi notis bukan sekali tetapi lebih daripada sekali dan mereka tidak mengindahkan notis itu atas sebab dan alasan-alasan yang tertentu; dan juga kadangkala walaupun Kerajaan ingin cuba menegah mereka untuk mengadakan rumah haram di kawasan-kawasan itu tetapi kadangkala pada hari ini satu rumah pun belum ada esoknya dia telah tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Jadi itu yang menjadi masalah juga. Jadi saya ulangi bahawa Kerajaan sebenarnya memberi notis, kadang-kadang banyak kali sebelum tindakan merobohkan sebarang rumah itu dibuat.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah hak undang-undang setinggan dan hak undang-undang tuannya tanah yang kena ceroboh. Apakah yang boleh dilakukan oleh tuannya tanah sekiranya tanah mereka sebelum ceroboh, tanah mereka itu mereka telah membuat kepongan tetapi kemudian setinggan menceroboh. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh tuan-tuannya itu. Yang kedua, selalu disebabkan setinggan ini menceroboh kerana ialah pembangunan yang begitu lambat di kawasan yang kosong. Jadi oleh yang demikian, saya percaya ini ialah kerana disebabkan oleh hal undang-undang atau masalah penyelesaian tanah tidak dapat dilakukan. Oleh sebab itu, maka pembangunan lambat dilakukan di tempat yang tersebut itu. Jadi apakah langkah-langkah Kerajaan supaya dapat menyegerakan masalah tanah ini supaya dapat diselesaikan dan pembangunan dapat disegerakan. Selain daripada itu, apakah tindakan Kerajaan untuk menentukan supaya

tanah dalam bandar dapat segera dibangun supaya jangan ada penceroboh datang.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama itu apakah hak-hak setinggan. Setinggan memang tidak mempunyai hak kerana dia menduduki secara haram kawasan-kawasan itu dan mengenai dengan yang punya tanah, hak-hak memang terjamin di dalam dokumen-dokumen tanahnya itu. Dan sekiranya yang empunya tanah itu ingin membangun tanahnya, memanglah prosesnya saya rasa ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum yang kita boleh mengutarakan rancangan pembangunan suatu tanah itu untuk dibangunkan untuk dipertimbangkan sama ada diluluskan atau ditolak oleh pihak-pihak berkuasa, biasanya Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak-pihak berkuasa yang lain di negara kita.

Mengenai dengan menyegerakan pembangunan tanah-tanah supaya tidak diduduki oleh setinggan-setinggan Tuan Yang Dipertua, ini memanglah dasar Kerajaan kita mahupun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak-pihak berkuasa.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Menteri mengetahui ada satu golongan setinggan selain daripada setinggan dalam bandar dan juga Majlis Tempatan, ada lagi golongan yang besar, golongan setinggan iaitu yang tinggal di pinggir-pinggir hutan iaitu di tepi-tepi kampung di atas tanah-tanah haram. Adakah usaha untuk mengatasi bagi setinggan yang kedua itu. Adakah disediakan rumah dan sebagainya. Sekian.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya katakan di jawapan asal saya tadi

Kerajaan tidak menggalakkan pembiakan setinggan di negeri kita dan apabila bantuan diberikan sama ada memberi rumah-rumah kos rendah adalah atas perikemanusiaan dan timbang rasa Kerajaan kerana seperti yang saya katakan tadi setinggan-setinggan itu tidak mempunyai hak atas tempat yang mereka duduki itu. Demikianlah pula sama ada mereka di bawah viaduct ataupun jalan raya kita di bandar ini atau di bawah jambatan ataupun mereka di pinggir-pinggir hutan, dasar itu serupa sahaja. Dan yang paling baik kalaulah boleh dibuat sekiranya mereka dapat ditempatkan daripada pinggir-pinggir hutan ke tempat-tempat pusat-pusat pembangunan misalnya sekim penempatan. Jadi yang paling baik sekiranya kita boleh buat dan sedang kita buat, Tuan Yang Dipertua.

MAJUIKAN—PRESTASI

5. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pertanian menyatakan mengapakah MAJU-IKAN tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan sehingga Kerajaan ada ura-ura hendak menswastakan Lembaga ini. Adakah ini disebabkan kekurangan kepakaran dan teknik menyebabkannya gagal untuk mencapai matlamat yang dikehendaki.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau MAJUIKAN ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dengan tujuan untuk pertama, memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kaum nelayan dan dua, memperkembangkan dan memajukan perusahaan perikanan. Segala program yang disusun oleh LKIM itu semenjak ianya ditubuhkan pada umumnya lebih menekankan aspek-aspek pembangunan sosio-ekonomi

nelayan. Dalam aspek memperkembangkan dan memajukan perusahaan perikanan, peranan Lembaga hanya merupakan sebagai memberi khidmat atau menjadi fasilitator, dengan izin, kepada pihak swasta yang ingin membuat pelaburan dalam sektor ini. Prestasi kejayaannya harus diukur dari aspek sosio-ekonomi iaitu sejauh mana pihak Lembaga telah dapat memberi khidmat kemudahan kepada kaum nelayan bagi mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan.

Program-program yang disusun oleh LKIM dalam usaha ke arah mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan ditumpukan kepada meninggikan produktiviti nelayan, mengubahkan sikapnya dan membimbing mereka supaya dapat bertindak secara berkumpulan melalui persatuan-persatuan nelayan-nelayan. Di samping itu juga pihak Lembaga menyediakan kemudahan-kemudahan asas, umpamanya, mengadakan dan juga menguruskan kemudahan kompleks-kompleks pendaratan ikan dan juga jeti-jeti pendaratan ikan. Dalam membimbing mereka ke arah ini pihak Lembaga telah memberi khidmat pengurusan kepada persatuan-persatuan nelayan dengan meminjamkan kakitangan LKIM kepada persatuan-persatuan nelayan untuk mengurus dan membimbing persatuan-persatuan nelayan ke arah menjadi satu persatuan-persatuan nelayan yang berdikari dan teguh.

Jika diukur pada keseluruhannya Lembaga telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan secara ketara. Mengikut kajian dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri kadar kemiskinan di kalangan nelayan telah menurun daripada 73.2% pada

tahun 1970 kepada 63.0% pada tahun 1975 dan seterusnya telah menurun kepada 45.3% pada tahun 1980.

Kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh LKIM telah dapat mengurangkan beban kerja nelayan dan seterusnya memberi pulangan harga yang lebih baik daripada tahap lama. Begitu juga setakat ini sejumlah hampir 60% kaum nelayan telah menjadi Ahli Persatuan-persatuan Nelayan dan terdapat beberapa persatuan-persatuan nelayan yang telah berjaya dalam bidang perniagaan dan ada di antaranya mempunyai aset yang melebihi \$1 juta.

Berhubung dengan kepakaran teknik pula, pihak LKIM memang telah mendapat kepakaran dari luar negeri sejak ianya ditubuhkan hinggalah sekarang ini. Pakar dari FAO diperolehi dalam bidang penangkapan ikan serta pembangunan ternakan air. Pihak FAO juga telah memberi kerjasama kepada pihak LKIM dengan menubuhkan projek IMFOFISH iaitu pusat maklumat mengenai aspek-aspek pemasaran ikan di Kuala Lumpur.

Berhubung dengan penswastaaan pula, penswastaaan LKIM sendiri tidaklah berbangkit setakat ini.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan prestasi MAJUIKAN di akhir-akhir ini sama ada ianya naik ataupun turun, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu yang pertama, apakah peranan yang dimainkan oleh KUKENAL yang baharu ditubuhkan kepada para nelayan oleh LKIM ini. Yang kedua, sama ada pelancaran KUKENAL itu telah pun dikenal pasti supaya ianya benar-benar dapat memainkan peranannya dalam meninggikan taraf ekonomi dan sosial

para nelayan sekalian. Yang ketiga, tidakkah KUKENAL, ini bercangah dari segi tujuan dan matlamatnya dengan persatuan-persatuan nelayan setempat kerana sejak akhir-akhir ini, sejak KUKENAL ini ditubuhkan, saya nampak bahawa persatuan nelayan yang ada di kawasan saya sudah tidak berfungsi lagi, rata-rata nelayan membincangkan KUKENAL, rata-rata nelayan mempersoalkan tentang peruntukan khidmat sosial KUKENAL. Jadi persatuan nelayan itu sendiri sudah pun tenggelam. Jadi, bagaimana keadaannya dengan perkara ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum tujuan kumpulan kecil nelayan (KUKENAL) ialah untuk menaikkan taraf hidup para nelayan dan fungsinya tidak bercangah dengan fungsi persatuan nelayan dan sekiranya terdapat percanggahan, tolonglah memberitahu Kementerian saya supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada kawalan MAJUIKAN disebabkan oleh administrasi yang kurang baik atau penyelewengan pegawai-pegawai MAJUIKAN.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, pada realistiknya manamana badan berkanun Kerajaan tentulah ada peluang untuk menaikkan lagi taraf kecekapannya. Akan tetapi berkenaan dengan LKIM setakat ini tidak ada bukti penyelewangan. Jadi, sekiranya ada, Kerajaan tentu akan bertindak dengan sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ting Ling Kiew.

(Soalan No. 6 Y. B. Tuan Ting Ling Kiew tidak hadir).

PELAJAR-PELAJAR DALAM TINGKATAN ENAM

7. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar yang mohon untuk memasuki Tingkatan Enam tahun ini dan jumlah yang ditawarkan tempat dalam pengambilan (intake) pertama, kedua dan ketiga dengan memberikan angka-angka menurut perpecahan kaum.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, adalah ditegaskan bahawa kemasukan ke kelas Tingkatan Enam Rendah bukanlah melalui permohonan tetapi melalui tawaran oleh Kementerian Pelajaran.

Bagi tahun 1983 ini seramai 23,605 orang telah ditawarkan memasuki Tingkatan Enam Rendah. Oleh sebab ada pelajar-pelajar yang telah ditawarkan tempat ini meninggalkan Tingkatan Enam Rendah untuk memasuki institusi-institusi yang lain, maka terdapat kekosongan tempat dalam kelas Tingkatan Enam Rendah. Untuk memenuhi kekosongan ini, Kementerian Pelajaran mengeluarkan pula tawaran tambahan yang mana bilangan bergantung kepada bilangan kekosongan tempat yang ada dan juga kelayakan pelajar-pelajar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adalah salah satu kriteria untuk memenuhi tawaran Tingkatan Enam ini ialah kepujian dalam SPM dalam Bahasa Malaysia.

Dr Tan Tiong Hong: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Itu tidak benar, sebab setahu saya. . . .

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat tidak boleh berhujah di dalam masa soal jawab.

MADA—PERUNTUKAN TAMBAHAN

8. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi peruntukan tambahan kepada pihak MADA bagi memulihkan sawah-sawah di dalam kawasan MADA yang terbiar iaitu yang sentiasa tenggelam atau kering akibat projek pembangunan Sungai Muda. Jika ya berapakah peruntukan yang disediakan dan jika tidak apakah langkah-langkah Kementerian bagi membantu petani-petani yang terlibat di dalam kawasan ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, dalam kawasan MADA terdapat 1,800 ekar sawah yang sentiasa mengalami masalah pengairan. Sebagai langkah jangka pendek MADA telah membekalkan 500 buah pam air, kebanyakannya dikendalikan oleh petani sendiri.

Sebagai langkah jangka panjang Kerajaan sedang melaksanakan Projek MUDA II yang akan menelani belanja \$228 juta. Salah satu objektif projek MUDA II ialah untuk mengatasi masalah kawasan kekurangan air dan masalah kawasan tanah yang ditenggelami air.

LPN IMPORT BERAS DARI BANGLADESH

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan amaun beras yang diimportkan oleh LPN dari Bangladesh sejak 3 tahun ini dan sama ada beliau sedar beras Bangladesh adalah amat tidak popular dengan rakyat Malaysia; jika ya, adakah Kerajaan bercadang menghentikan pengimportan beras dari Bangladesh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Am (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, sejak

tiga tahun yang lepas Lembaga Padi Beras Negara (LPN) tidak ada mengimport beras dari Bangladesh. Simpanan beras LPN yang ada juga tidak mengandungi beras yang diimport dari Bangladesh. Dengan itu perkara yang dikemukakan adalah tidak berbangkit.

Tuan Khadri bin Sabran: (*Bangun*)

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Tenggaroh apa hendak tanya berkenaan dengan beras ini tidak diimport dari Bangladesh.

Tuan Khadri bin Sabran: Saya ingat kalau boleh hendak buat soalan tambahan sedikit.

Tuan Yang Dipertua: Ya, cuba (*Ketawa*).

Tuan Khadri bin Sarban: Kalau tidak ada import beras daripada Bangladesh, daripada mana negara kita ini import beras?

Tuan Yang Dipertua: Tidak bolehlah soalan begitu. Soalan itu berasingan. Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(*Soalan No. 10 Y. B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir*).

BEKALAN AIR—KAJIAN

11. Tuan Quah Wee Liang minta Menteri Kerjaraya menyatakan, memandangkan sejak beberapa bulan, banyak tempat di seluruh Negara kita menghadapi masalah bekalan air:

(a) adakah Kementerian membuat kajian atas masalah yang penting ini;

(b) apakah langkah-langkah yang positif pihak Kementerian akan ambil untuk sementara bagi mengatasi masalah bekalan air; dan

- (c) adakah pihak Kementerian akan mengadakan projek-projek atau rancangan-rancangan memperbaiki bekalan air di seluruh negara kita.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, masalah bekalan air bukanlah masalah baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah ini memang dialami di masa penjajah lagi. Langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini telahpun diambil secara besar-besaran sejak merdeka lagi tetapi oleh kerana rancangan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air yang besar dan memuaskan seperti membina ampangan-ampangan, bukan sahaja memerlukan masa yang panjang bagi membuat kajian-kajian kemungkinan, kejuruteraan dan pembinaan tetapi juga memerlukan perbelanjaan yang besar.

Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa untuk mengatasi keadaan ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengadakan beberapa projek bekalan air jangka pendek di seluruh negara. Sungguhpun demikian, masalah bekalan air ini masih dirasai kerana wujudnya pembangunan negara yang pesat khasnya pembangunan industri perumahan yang tidak seimbang dengan keupayaan bekalan air semasa. Masalah bekalan air ini juga sering timbul di beberapa tempat akibat dari kerosakan sistem bekalan air sementara seperti pecah saluran paip, kerosakan pam dan pencemaran sumber air. Masalah-masalah ini sentiasa mendapat perhatian Kementerian saya dan tindakan membaiki dengan segera diambil. Di samping itu, ada juga di beberapa kawasan di negara ini yang ada kalanya menghadapi masalah bekalan air akibat dari keadaan cuaca. Sebagai contoh kemarau yang melanda di negeri Johor, khasnya kawasan

Mersing, telah mengakibatkan kurangnya bekalan air di kawasan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah sementara yang dilakukan oleh Kerajaan ialah dengan mengadakan logi-logi kecil sementara, menyiapkan setengah-setengah komponen logi air baru dengan lebih awal, mendapatkan sumber air bawah tanah, membina statik tank dan mendapatkan air sementara melalui sungai (river intake). Walau bagaimanapun, oleh kerana kemudahan ini dikehendaki secara menyeluruh tidaklah semua kawasan-kawasan yang terlibat dapat diatasi dengan tindakan seumpama itu.

Tuan Yang Dipertua, menyedari masalah ini, Kerajaan bersungguh-sungguh berusaha menyediakan rancangan-rancangan jangka panjang untuk melaksanakan projek-projek bekalan air dengan membina ampangan-ampangan dan logi-logi setakat ada kemampuan. Dalam Rancangan Malaysia Keempat misalnya, Kerajaan telah melaksanakan rancangan-rancangan bekalan air yang berharga \$1,628 juta yang dilaksanakan di seluruh negara dengan tujuan untuk memenuhi keperluan air sehingga tahun 1990. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$88 juta dan dapat menampung keperluan untuk 5.91 juta penduduk dan selepas Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan dapat membekal keperluan bagi 7.33 juta penduduk dan bagi Rancangan Malaysia Keempat pula adalah dijangka dapat menampung keperluan bekalan bagi seramai 10 juta penduduk. Walau bagaimanapun, ini tidak memastikan bekalan air dapat dibekalkan sepenuhnya ke seluruh negara.

Untuk menyediakan satu-satu bekalan yang lebih sempurna di masa

hadapan sebagai langkah untuk memenuhi keperluan bekalan air sehingga ke tahun 2010 Kerajaan telah pun mengadakan kajian-kajian sumber air seluruh negara yang mana kini dalam peringkat perancangan untuk pelaksanaan dan ianya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan beliau tadi menerangkan bahawa Kerajaan memang bersungguh-sungguh mengatasi masalah air pada keseluruhannya. Tetapi yang menjadi masalah ialah berkenaan dengan kelewatan Jabatan Air ini mengambil sesuatu tindakan apabila perkara berkenaan dengan air ini diadukan kepada pihak yang berkenaan. Sebagai contoh sesuatu tempat itu batang paipnya pecah, airnya membuak-buak dengan begitu banyak sekali. Pernah saya lihat sampai berhari-hari terbiar begitu sahaja. Inilah yang menyebabkan orang kampung di luar bandar tidak mendapat bekalan air dengan sebab kerosakan itu dan lambat pula diambil tindakan. Itu satu, kenapa dan mengapa?

Kedua, masalah-masalah teknik yang sungguh-sungguh mendukacitakan. Ada di antaranya pemasangan paip itu dibuat, bukan tidak tetapi paipnya terlalu kecil menyebabkan beberapa tahun sahaja airnya sudah tidak dapat dilalui. Kemudahan ada pula setengahnya tangki air dibina tetapi setelah tangki air itu siap dengan menggunakan belanja beratus-ratus juta tetapi tidak boleh digunakan. Saya ingin tahu kenapakan perkara ini berlaku. Untuk mengatasinya apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian ini?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, sepertimana saya katakan tadi kerja-kerja untuk membekalkan air dengan

begitu banyak dengan begitu cepat memakan tenaga yang begitu ramai dan di antara mereka ini telah pun digunakan sepenuhnya untuk membina dan membuat kajian-kajian dan sebagainya. Barangkali oleh kerana kerja terlampau banyak, rangkaian begitu banyak ditambah tetapi pertambahan tenaga mahir yang ada kepada JKR amat terhad sekali dan pula oleh kerana bekalan air ini rangkaiannya melarat ke merata-rata tempat yang terpencil dan sebagainya maka barangkali adalah mengambil masa sedikit untuk dibaiki semua yang rosak-rosak.

Dalam segi perancangan pula banyak di antara projek-projek yang ada pada hari ini ialah projek-projek sama ada luar bandar dan projek-projek sementara sepertimana yang saya terangkan tadi untuk mengatasi kehendak dan keperluan rakyat semasa. Bukannya projek-projek yang tetap yang akan terus menerus diguna. Jadi, untuk sementara ada masanya kerja-kerja itu diberi kepada pihak penduduk sendiri untuk mengadakan rangkaian-rangkaian oleh kerana barangkali kurang kemahiran dan tiada teknik yang betul maka adalah sedikit sebanyak kerosakan setelah siapnya projek-projek itu. Tetapi boleh saya katakan di sini tiap-tiap projek yang tetap dan projek-projek yang besar yang telah dirancang secara teratur tidak menghadapi keadaan seperti itu.

Tuan Alias bin Md Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya mempunyai kebolehan untuk menarik orang ramai kasihan kepada tugas berat yang dipikul oleh Kementeriannya apabila beliau menjejaskan satu persatu masalah yang dihadapi oleh Kementeriannya dalam soal memberi air yang cukup kepada rakyat.

Soalan saya ialah oleh kerana masalah bekalan air ini mungkin tidak

akan dapat kita selesaikan walaupun menjelang atau selepas tahun 2,000. Bolehkah pihak Kementerian memikirkan satu cara untuk kembali kepada cara kita mendapat air secara tradisional iaitu dengan menggali perigi bagi rumah-rumah perseorangan di mana mungkin terutama di mana ada kawasan (compound) di rumah-rumah tersebut dan dengan demikian mengurangkan tekanan kepada bekalan air supaya air dapat digunakan untuk tujuan industri dan untuk tujuan menambah produktiviti.

Dato' Dr Nik Husain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mencadangkan supaya kita gunakan air-air secara tradisional daripada telaga-telaga, tetapi maklumlah manusia setelah mendapat kesenangan lagi hendak senang, walaupun ada telaga masih lagi berkehendakkan kepada bekalan paip sehinggakan telaga-telaga yang ada pun ditimbus.

Lagi satu perkara, Tuan Yang Dipertua, bukan kesemua tempat dapat kita mengadakan bekalan di bawah tanah, misalnya seperti apa yang berlaku di Kedah, setelah beratus telaga digali kita dapati tidak begitu banyak ada air dan kalaulah pula musim kemarau mungkin telaga-telaga ini kering. Inilah yang menimbulkan masalah dan banyak masalah yang keluar dalam suratkhbar-suratkhbar ataupun daripada mass-media bukannya masalah sepanjang masa bahkan masalah semasa oleh kerana kemarau ataupun kerosakan. Inilah yang ditimbul-timbulkan oleh mass-media yang menjadi satu tarikan kepada pembaca-pembaca.

PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

12. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran

menyatakan berapakah jumlah penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut dan berapa ramai yang dibiayai oleh biasiswa Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan. Berapa ramai pemegang-pemegang biasiswa ini yang berkahwin sebelum tamat pengajian. Adakah dasar, pandangan dan tindakan-tindakan terhadap pelajar-pelajar pemegang biasiswa yang berkahwin sebelum tamat pengajian. Berapa ramai pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang didapati terlibat dengan "Kahwin Kontrak".

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, jumlah enrolment pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri sehingga Januari 1982 adalah seramai 52,015 orang. Adalah dijangka bahawa bilangan ini akan bertambah kepada 60,000 orang pada akhir tahun iaitu bertambah sebanyak 14.7% kalau dibandingkan dengan tahun yang lepas. Daripada enrolment pelajar seramai 60,000 orang itu dianggarkan 15,506 orang daripadanya adalah merupakan pelajar-pelajar yang dibiayai oleh biasiswa Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan.

Jumlah sebenarnya pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan yang berkahwin sebelum tamat pengajian tidak dapat dikesan kerana mereka yang terlibat merahsiakan perkahwinannya. Walau bagaimanapun, dari maklumat yang diketahui oleh Kementerian, terdapat seramai 85 pemegang biasiswa yang berkahwin sebelum tamat pengajian.

Sebagai maklumat Yang Berhormat, pemegang biasiswa Kerajaan yang berkahwin tanpa kebenaran kerajaan akan ditarik balik biasiswa mereka. Kementerian Pelajaran sehingga kini tidak menerima sebarang bukti yang sah berapa ramai pelajar-pelajar biasiswa Kerajaan yang terlibat dalam "Kahwin Kontrak" atau "mutah".

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 6, 10, 13 dan 14 adalah diberi di bawah ini).

UNIVERSITI TEMPATAN— PENOLAKAN CALON SIMPANAN

3. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada tahun ini, kelewatan untuk menghantarkan notis-notis penolakan kepada pemohon-pemohon kemasukan universiti tempatan yang berada di dalam senarai simpanan (reserve list) telah mengakibatkan banyak daripada mereka ini tidak dapat mendaftarkan diri untuk mengambil semula peperiksaan STP tahun ini. Ini adalah sangat kurang adil kepada mereka ini. Apakah sebab-sebab bagi kelewatan ini? Apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian untuk menjamin bahawa kejadian ini tidak berlaku lagi dan bahawa akan didapati penyelarasan yang lebih baik di antara Majlis Peperiksaan Malaysia dan Unit Universiti-universiti.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Kementerian ini memang sedar pada tahun ini berlakunya kelewatan menghantar notis penolakan kepada calon-calon simpanan kemasukan ke Universiti-universiti Tempatan sesi 1983/84. Kedudukan ini tidak dapat dielakkan kerana keputusan muktamad calon-calon berkenaan sama ada berjaya atau tidak hanya dapat diketahui selepas 5hb Jun, 1983. Calon-calon dalam senarai simpanan hanya dapat ditawarkan selepas calon-calon tawaran pertama menolak tawaran-tawaran mereka, selepas tempoh 2 minggu diberi kepada mereka. Pada tahun ini, iaitu tahun pertama calon-calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia mula dipertimbangkan untuk masuk ke Universiti, penyediaan senarai merit

komputer telah terpaksa memakan masa sedikit. Oleh itu, proses pemilihan calon-calon serta pemberian notis-notis telah terpaksa dijadualkan semula dan diganjak ke hadapan.

Sungguhpun begitu atas persetujuan Majlis Peperiksaan Malaysia, calon-calon simpanan yang telah ditolak kemasukan ke Universiti boleh menggunakan "Surat Akaun Penerimaan borang masuk" dari Unit Pusat Universiti sebagai surat sokongan mendaftarkan diri untuk menduduki semula peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun ini, sungguhpun permohonan mereka itu terlewat.

Kementerian saya berpuashati bahawa masalah ini tidak akan berlaku lagi pada tahun hadapan kerana masalah menyediakan senarai merit Sijil Tinggi Persekolahan (STP) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) telah dapat diatasi.

KONSEP "CO-OPERATIVE FARMING"

6. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah kemungkinan Kerajaan Pusat meluaskan Konsep "Co-operative Farming" ke Negeri Sarawak menerusi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menyatakan bahawa konsep "co-operative farming" yang dimaksudkan masih lagi berada di peringkat perancangan yang paling awal dan setakat ini konsep "co-operative farming" ini kemungkinan akan merangkumi aspek-aspek pembangunan tanah terbiar secara berkelompok. Konsep ini bertujuan

untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran dan juga pendapatan petani-petani. Di mana sesuai kawasan-kawasan tanah yang boleh disatu dan dimajukan sebagai ladang kelompok akan dibangunkan dengan cara ini untuk mendapatkan faedah yang sepenuhnya.

Oleh kerana konsep ini berada di peringkat yang paling awal maka persoalan sama ada ianya akan diperluaskan ke Sarawak belum timbul lagi. Setelah selesai kajian-kajian dibuat dan jika didapati bahawa konsep ini boleh dipraktikkan di negara kita maka konsep ini akan diumumkan oleh pihak Kerajaan. Tanah-tanah ini akan diuruskan secara ladang untuk mengatasi masalah-masalah keluasan tanah dan mengalakkan penggunaan jentera, teknologi moden dan juga pengurusan yang lebih teratur demi untuk meningkatkan daya pengeluaran para petani.

MEMBASMI KEMISKINAN DI SABAH/SARAWAK

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang dicapai setakat ini dalam membasmi kemiskinan di Sarawak dan Sabah khasnya pembasmian kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar kedua-dua negeri tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Kemajuan yang memuaskan telah dicapai setakat ini dalam usaha membasmi kemiskinan di Sabah dan Sarawak. Kadar kemiskinan dalam tahun 1976 adalah tinggi sebanyak 51.2% di Sabah dan 51.7% di Sarawak. Di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah kadar kemiskinan adalah lebih tinggi sebanyak 58.6% dan di Sarawak pula ialah 60.0%. Walau bagaimanapun, daripada analisa awal mengenai keadaan kemiskinan di

Sabah dan Sarawak, adalah didapati bahawa kadar kemiskinan telah berkurang pada masa ini.

Mengikut beberapa petunjuk sosial yang mempunyai hubungan rapat dengan kemiskinan, mutu kehidupan rakyat di Sabah dan Sarawak telah meningkat dan ini bermakna bahawa kadar kemiskinan telah berkurang. Kadar kematian bayi telah turun dari 26.8% dalam tahun 1975 di Sabah kepada 23.2% dalam tahun 1979 sementara di Sarawak dari 29.5% dalam tahun 1975 kepada 15.0% dalam tahun 1981. Berdasarkan pada Banci Perumahan, 1980, didapati peratus unit perumahan di Sabah dan Sarawak yang mendapat bekalan ekektrik, air paip dan kemudahan tandas adalah lebih tinggi dari setengah negeri di Semenanjung Malaysia. Peratus unit perumahan yang mendapat bekalan elektrik adalah 45.0% di Sabah dan 41.6% di Sarawak; dan air paip pula adalah 50.3% di Sabah dan 47.8% di Sarawak. Sementara itu peratus unit perumahan yang mempunyai kemudahan tandas adalah 65.0% di Sabah dan 65.7% di Sarawak. Butir-butir lanjut mengenai kedudukan kemiskinan akan diberikan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

PENUNTUT-PENUNTUT KE UNIVERSITI LUAR NEGERI

13. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah keputusan Kerajaan untuk tidak lagi menghantar penuntut-penuntut ke luar negeri untuk kursus pra-universiti mulai tahun 1984 akan mempengaruhi corak pengambilan penuntut-penuntut ke dalam tingkatan enam serta universiti-universiti tempatan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin corak pengambilan akan terus mencerminkan komposisi perkauman dengan menasabah.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Keputusan Kerajaan untuk mengurangkan penghantaran penuntut-penuntut pra-universiti ke luar negeri mulai tahun 1984 tidak akan mempengaruhi corak pengambilan penuntut-penuntut ke tingkatan enam dan ke universiti-universiti tempatan.

BIRO PENGADUAN POLIS

14. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan biro-biro pengaduan Polis di setiap negeri untuk menyasat aduan-aduan mengenai kekerasan dan penyalahgunaan-penyalahgunaan kuasa oleh pihak Polis memandangkan aduan-aduan seumpama itu kian meningkat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Polis Diraja Malaysia telah pun mempunyai Cawangan Tatatertib khusus untuk menyasat dan mengambil tindakan ke atas anggota-anggota Polis yang melakukan kekerasan dan penyalahgunaan kuasa.

Cawangan ini mempunyai anggota yang cukup berdisiplin dan mahir dalam pekerjaan mereka. Barang siapa sahaja yang mempunyai pengaduan yang hendak dikemukakan terhadap mana-mana anggota Polis Diraja Malaysia mereka boleh membuat laporan Polis secara rasmi di mana-mana Balai Polis yang terdekat dengan mereka. Sekiranya mereka tidak ingin membuat laporan Polis di mana-mana Balai Polis, mereka juga boleh menulis surat terus kepada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Oleh kerana sudah ada kemudahan-kemudahan seperti itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan biro-biro pengaduan sama ada di peringkat

Persekutuan ataupun Negeri bagi tujuan menyasat aduan-aduan mengenai kekerasan dan penyalahgunaan kuasa oleh anggota-anggota Polis.

Di sini sukalah saya memaklumkan bahawa kenyataan-kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi yang menyatakan aduan-aduan seumpama itu kian meningkat, adalah tidak benar.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (7hb November, 1983).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan

sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (7hb November, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Kementerian Pertanian boleh sambung.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, beberapa Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak juga telah membangkitkan pembangunan pertanian di Sabah dan Sarawak.

Di sini saya suka menyentuh mengenai perusahaan lada hitam di Sarawak. Kementerian Pertanian memang menimbang berat terhadap perusahaan ini di Sarawak kerana 96% daripada pengeluaran lada hitam adalah dari negeri itu.

Berhubung dengan harga lada hitam di pasaran dunia seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama semalam, ianya adalah ditentukan oleh kedudukan pembekalan dan permintaan. Pasaran lada hitam telah menjadi bertambah baik pada tahun 1983 di mana harga lada hitam telah naik dari \$180 seratus kilogram pada tahun 1982 kepada \$280 seratus kilogram pada tahun ini. Bagi lada sulah harga telah naik dari \$300 seratus kilogram kepada \$400 seratus kilogram pada masa yang sama.

Bagi mendapat pasaran-pasaran baru, usaha-usaha telah pun dibuat untuk meluaskan pasaran bagi lada hitam tempatan melalui rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara seperti China, Jepun, Amerika Syarikat, Negara-negara Arab dan ke pasaran-pasaran tradisional seperti Eropah Barat. Selain daripada itu pemasaran dengan secara dua-hala

serta perniagaan secara barter juga giat diusahakan.

Mengenai pemberian subsidi lada hitam, ianya akan diteruskan dengan kadar sekarang iaitu tiada kekurangan bagi tahun 1984 berbanding dengan tahun 1983.

Berhubung dengan saranan supaya Kementerian Pertanian dapat memajukan penanaman padi bukit di pedalaman Sarawak kepada pertanian secara moden yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang, sukalah saya memaklumkan bahawa sebenarnya Kerajaan telah dan sedang merancang beberapa projek pembangunan pertanian di Sarawak dengan tujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil petani melalui penyediaan infrastruktur seperti saluran dan perparitan air, ladang-ladang, perkhidmatan perkembangan untuk memodenkan cara-cara pertanian.

Di negeri Sarawak terdapat 2 projek besar sedang dikaji untuk dilaksanakan termasuklah pembangunan kawasan pertanian bersepadu di Lembah Sungai Samarahan dan Lembah Kalaka-Saribas. Mengikut penilaian awal kajian tersebut kawasan-kawasan ini adalah sesuai untuk penanaman padi dan ini akan membantu menambahkan pendapatan petani-petani di kawasan tersebut serta memperbaiki taraf hidup mereka.

Saya juga ingin menyentuh tentang peranan Bank Pertanian Malaysia di Sarawak dan di Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan. BPM ada menyediakan pinjaman tanpa faedah 0% dan faedah yang rendah 2% setahun dengan menggunakan peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk peminjam yang layak dan tertentu. Pinjaman tanpa faedah 0% ialah untuk tujuan pembasmian kemiskinan dan

pinjaman kadar faedah 2% ialah untuk tujuan penyusunan semula masyarakat. Bagi peminjam-peminjam yang lain, mereka dikenakan faedah yang lebih tinggi iaitu kadar persaingannya kerana Bank Pertanian membiayainya dengan menggunakan sumber dari pasaran wang.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, Bank Pertanian akan membuka cawangan-cawangannya mengikut keperluan satu-satu kawasan ini dengan berpandukan kepada kepesatan aktiviti pertanian dan asas pertanian di kawasan tersebut. Bank Pertanian pada masa ini hanya mempunyai 2 buah cawangan di Sarawak iaitu di Kuching dan Sarikei. Jumlah ini adalah tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan yang sepenuhnya kepada rakyat Sarawak. Usaha untuk menubuhkan cawangan-cawangan yang lebih banyak lagi dalam tahun 1982-1983 terpaksa ditangguhkan kerana peruntukan kepada Bank Pertanian untuk tujuan ini telah dikurangkan akibat dari penyemakan semula Belanjawan.

Walau bagaimanapun, Bank Pertanian telah mengenal pasti 4 buah kawasan iaitu Miri, Simanggang, Limbang dan Sibu untuk dijalankan kajian terperinci bagi menentukan kesesuaiannya sebagai tempat-tempat untuk penubuhan cawangan Bank Pertanian.

Sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan. Bank Pertanian juga telah disenaraikan sebagai sebuah institusi kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menerima simpanan-simpanan daripada jabatan-jabatan, agensi-agensi dan syarikat-syarikat milik Kerajaan Malaysia. Bank Pertanian juga akan terus menambahkan bilangan cawangan di seluruh negara terutama di Sabah. Di Sabah pada masa ini terdapat dua buah cawangan

Bank Pertanian iaitu di Kota Kinabalu dan Tawau. Satu cawangan lagi akan ditubuhkan di Lahat Datu pada awal tahun 1984. Sementara itu Bank Pertanian juga telah pun membeli sebuah bangunan di Sandakan untuk tujuan yang sama dan di harap cawangan ini akan dapat dibuka dalam tahun 1984 juga.

Menyentuh tentang pembangunan Lembah Sungai Kinabatangan Sabah, satu kajian awal telah dijalankan oleh pakar-pakar dari negeri Jepun di bawah Program Bantuan Teknikal Jepun. Perkara-perkara yang dikaji adalah termasuk sumber-sumber air, pembendungan air dan pencegahan banjir, pembangunan kuasa letrik haidero dan pembangunan kawasan pertanian di Lembah Kinabatangan secara amnya. Berdasarkan kepada hasil-hasil kajian itu didapati ada kemungkinan untuk membina sebuah empangan di kampung Balat yang boleh mendatangkan beberapa faedah termasuk mencegah banjir, membekalkan air bagi maksud pertanian dan juga kuasa letrik. Dari kajian projek ini adalah merupakan satu projek raksasa yang dianggarkan perbelanjaannya boleh mencapai \$1,000 juta. Oleh kerana kajian ini merupakan satu kajian kasar sahaja maka kajian dari segi teknikal yang lebih mendalam perlu dijalankan untuk memastikan kemungkinan cadangan ini.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah telah membangkitkan mengenai masalah-masalah perikanan di Sarawak dan Sabah. Mengikut kajian Kementerian adalah didapati peruntukan untuk membeli pukat yang ada pada masa ini di Sarawak adalah menasabah dan Kementerian saya tidaklah bercadang untuk menambah peruntukan tersebut.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Betong Sarawak, supaya Kerajaan memberi segala

bantuan dan galakan untuk pembangunan ternakan ikan air tawar di Sarawak, adalah dimaklumkan Kerajaan memanglah bersetuju dengan cadangan tersebut. Sungguhpun begitu, bagi Sarawak peruntukan kewangan untuk maksud tersebut adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dari peruntukan belanjawan negeri. Dengan itu cadangan Ahli Yang Berhormat itu eloklah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak sendiri untuk dipertimbangkan.

Berhubung dengan keselamatan nelayan-nelayan di persisiran pantai Sabah yang kerap diancam oleh lanun seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan pihak Polis Laut dan Tentera Laut Di Raja Malaysia telah pun mengambil tindakan dengan mengawal keadaan itu. Pencerobohan pukat tunda pula oleh kerana Jabatan Perikanan Sabah belum mempunyai bot-bot ronda sendiri, buat sementara waktu pihak Polis Laut telah pun bersetuju menjalankan rondaan yang diperlukan.

Adalah juga menjadi hasrat Kementerian saya untuk mempertingkatkan kemahiran para petani di dalam penggunaan teknologi. Oleh yang demikian Kementerian juga menitikberatkan latihan-latihan kepada petani supaya mereka dapat menambahkan pengeluaran hasil pertanian moden.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak, di Sarawak sahaja terdapat 9 buah pusat latihan pertanian dan satu pusat latihan ternakan untuk memberi berbagai kursus berkaitan dengan petani-petani dan penternak-penternak.

Di bidang pemasaran pula, Kementerian Pertanian melalui FAMA sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan pemasaran

bahan-bahan pertanian dengan lebih sempurna khususnya bagi pekebun-pekebun kecil di luar bandar termasuklah di Sabah dan Sarawak. Usaha dan prestasi FAMA ini sentiasa dikaji dari masa kesemasa dan tindakan sedang diambil untuk menambahkan keluasan aktiviti dari segi organisasi, kakitangan, mewujudkan infrastruktur dan cawangan-cawangan yang baru berdasarkan keupayaan dan keperluan semasa.

Sukacita saya memaklumkan bahawa FAMA sudah pun mempunyai pejabatnya di Limbang yang juga mengawasi dan memberi perkhidmatan di Lawas.

Mengenai pembinaan bilik sejuk, sebagai permulaan Kementerian saya mempunyai rancangan untuk mengadakan kemudahan tersebut di Kuching Sarawak.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas perhatian yang diberi terhadap Kementerian Pertanian.

Tuan Yang Dipertua: Kementerian Luar Negeri.

3.48 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, sepanjang perbincangan tentang dasar Belanjawan 1984, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang beberapa perkara aspek dasar luar negeri kita dan juga tentang tugas dan tanggungjawab Kementerian Luar Negeri sambil membuat pemerhatian, teguran dan juga memberi cadangan-cadangan dan pemikiran-pemikiran yang bernas.

Saya amat berterima kasih atas pandangan berat yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan insya Allah setiapnya akan diambil kira dan akan diberi perhatian sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, saya bangun dengan perasaan berterima kasih untuk menyokong dasar Belanjawan bagi tahun 1984, khususnya peruntukan yang dicadangkan bagi Kementerian Luar Negeri. Sambil melahirkan sokongan ini, Kementerian Luar Negeri amat sedar dan insaf tentang keadaan kewangan negara khususnya dalam zaman meleset ini.

Walaupun demikian, Kementerian Luar Negeri akan terus menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya dengan gigih, dengan rapi dan taat dan dengan segala kesungguhan hatta setiap anggota di semua peringkat akan mencari segala ikhtiar dan sanggup berkorban demi menjamin peningkatan tahap prestasi dan pencapaian dalam menghayati dasar dan matlamat Kerajaan di bidang perhubungan antarabangsa.

Hampir 70% peruntukan bagi Kementerian ini adalah untuk menguruskan 56 kedutaan kita yang tersebar luas di seberang laut seperti di Brazil di Amerika Selatan, Mali di Afrika, Fiji di Pasifik Selatan selain daripada yang terletak di ibu-ibu negara Asia; Eropah dan Amerika Utara.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$110 juta diperuntukkan bagi Kementerian Luar dan sebagai menyambut keputusan Kerajaan mengurangkan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak 5 projek pembangunan telah ditangguhkan buat sementara. Namun begitu, menjelang akhir tahun 1983, sebanyak 19 projek pembangunan yang telah diluluskan dijangka akan siap dan 3 lagi siap dalam tahun 1984. Setakat ini Kementerian Luar Negeri telah mencapai tahap 50% dalam projek pembangunan yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Dalam menyambut arahan Kerajaan supaya semua pihak berjimat dalam keadaan meleset ini Kementerian Luar

Negeri telah bersungguh-sungguh berjimat meskipun kita wajib teguh kepada kontrak yang telah dimeteri khususnya di luar negeri demi menjaga nama baik Malaysia di samping memikul beban inflasi di negara asing yang rata-rata lebih tinggi dari Malaysia. Namun dalam keadaan demikian Kementerian Luar Negeri insya Allah tidak akan berkurang dalam usaha dan dayanya untuk memenuhi tanggungjawab serta tugas yang diamanahkan kepadanya.

Di Kementerian Luar Negeri setiap hari malah saban ketika, kami insaf dan diinsafkan supaya sentiasa menuju tahap mutu pencapaian yang paling tinggi dan sebarang kealpaan atau kesilapan akan pasti membawa akibat dan kesan buruk dan padah ke atas kepentingan negara baik dari segi keselamatan, ekonomi juga politik. Jadi peranan dan tugas utama Kementerian Luar Negeri ialah menyumbang ke arah menjamin keutuhan dan keselamatan negara dan memajukan kepentingan negara kita di seberang laut yang termasuk dengannya menjaga kepentingan-kepentingan tulin warganegara Malaysia di negara asing.

Dalam usaha menjamin kedulatan dan keutuhan negara supaya terpelihara sepanjang masa, kita ada satu rancangan nasional yang menumpukan ke arah memperkuat, memperkukuhkan ketahanan negara sebagai strategi asas. Di bidang diplomasi kita perlu mengadakan satu rancangan serantau bertujuan mengeratkan perhubungan persahabatan di kalangan negara-negara jiran di Asia Tenggara dengan matlamat mengujudkan ketahanan serantau melalui penjalinan rangkaian kerjasama, keselamatan dua hala dan pengujudan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali dengan sekarang digelar ZOPFAN. Usaha mengujudkan ketahanan serantau

adalah berteraskan—di sini saya ingin menyatakan adalah penting kita mengetahui perkara ini—adalah berteraskan hubungan setiakawan Indonesia dengan Malaysia. Maka untuk tujuan inilah Kerajaan dalam mengendalikan dasar perhubungan antarabangsa meletakkan keutamaan kepada ASEAN pendekatan atau cara ASEAN mencapai matlamatnya ialah mengujudkan satu asas perhubungan yang kukuh bersendikan perhubungan rakyat dengan rakyat, meliputi seluruh lapisan dan peringkat umur, taraf sosial juga bidang profession.

Dalam satu jangka masa yang agak pendek ASEAN sudah berjaya menjadi satu gabungan popular seperti dalam bahasa Inggerisnya People's Movement antara rakyat seanggota. Malah sudah menjadi cara hidup, sudah menjadi cara kebiasaan menganggap sama sendiri sebagai ahli kumpulan yang sama dengan kepentingan dan yang sama pula serta banyak sudah petanda-petanda yang menunjukkan bahawa setiap usaha bertujuan meningkatkan lagi tahap kerjasama demi kepentingan bersama sesama anggota ASEAN dan antara ASEAN dengan negara-negara lain tidak akan diganggu atau tergugat, malah akan berjalan terus meskipun Kerajaan yang memerintah di satu-satu negara berubah dan tokoh-tokoh pimpinannya bertukar di satu masa ke satu masa.

ASEAN adalah satu Kesatuan, satu rumpun dengan satu untung nasib (destiny). Dalam pada itu kita harus berani akui bahawa semangat ASEAN masih dibelenggu oleh pemikiran atau perkiraan atau perhitungan yang bersifat mementingkan diri sendiri baik di sisi politik mahupun ekonomi. Sifat mementingkan diri ini masih menular tebal di dalam sistem politik dan ekonomi setiap negara anggota ASEAN, maka itu kami di Wisma Putera telah menetapkan sebagai satu matlamat yang akan diusahakan

sesungguhnya dan segigihnya iaitu berusaha ke arah melahirkan satu kesedaran baru, satu keinsafan baru di sisi ASEAN iaitu yang tidak mengenal batas sempadan dan menjamin agar sebarang dasar yang berupa konfrantasi atau bermusuh sengketa sesama anggota akan menjadi satu dasar yang asing bagi ASEAN. Setiap anggota ASEAN haruslah berfikir dan bertindak sedemikian rupa iaitu setelah menimbang kepentingan dan kebajikan negara-negara ASEAN yang lain, kegiatan sosio dan ekonomi ASEAN juga akan terus diperkembangkan. Di bidang ekonomi lebih banyak kegiatan antara sektor awam dan swasta akan terserah dengan termeterinya "Basic Agreement on ASEAN Industrial Joint Venture" yang saya tandatangani di Jakarta semalam.

Mulai Jun, 1984 Malaysia akan memainkan peranan utama melaksanakan kegiatan-kegiatan ASEAN kerana dari tarikh itu Malaysia mengambilalih dari Indonesia sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN tempoh tahun 1984-1985. Tugas melahirkan semangat serantau melalui usaha-usaha kerjasama serantau tidak seharusnya semata-mata menjadi tugas Kerajaan sahaja, sektor swasta dalam ASEAN boleh bertindak sendiri atau menggesa Kerajaan masing-masing dan cuba pemikiran-pemikiran baru mereka. Ini adalah selaras dengan dasar Malaysia kita iaitu Malaysia Incorporated kita. Kerjasama di bidang industri dan dagangan di peringkat Kerajaan sudah pun dirancangan sebagai kegiatan ASEAN. Pihak swasta juga boleh membantu usaha di peringkat Kerajaan ini dengan mereka semasa mereka pula mengadakan dialog di peringkat swasta.

Bagi pihak Kerajaan saya menyeru pihak swasta berusaha mewujudkan

sebuah Institut Pentadbiran ASEAN bagi rantau ini sewajarnya diberi pertimbangan. Ini tidak semestinya merupakan sebuah institusi baru, memadai jika dibangunkan institusi-institusi nasional yang wujud pada masa sekarang yang akan bertindak, tetapi bertindak sebagai satu projek, sebagai satu program. Malah saya telah membisikkan perkara ini kepada rakan-rakan saya dalam ASEAN dalam perjumpaan kami di Jakarta semalam dan mendapat sambutan yang sangat positif. Satu pertubuhan seumpama ini boleh membantu ke arah mendorong dan mengerakkan pihak-pihak berkuasa dalam negara-negara ASEAN supaya berfikir secara ASEAN dalam pelaksanaan tanggungjawab seharian kerana inilah caranya dapat kita melahirkan semangat serantau.

Kita menunggu kemasukan Brunei ke dalam ASEAN dengan harapan untuk mengadakan kerjasama yang aktif dengannya mulai tahun depan. Saya yakin kemasukan Brunei akan memperkukuhkan, malah meningkatkan lagi pandangan masyarakat antarabangsa terhadap ASEAN. Melalui ASEAN sebagai sebuah pertubuhan negara anggota sepakat untuk mewujudkan ketahanan nasional dan ketahanan serantau dan cara kita berurusan dengan negara-negara lain termasuk kuasa-kuasa besar dunia ialah dengan pendekatan juga kekuatan satu kumpulan serantau, apa yang disebut tadi ZOPFAN menjadi asas mengadakan kerjasama yang aktif antara negara-negara ASEAN dan negara-negara lain di rantau Asia Tenggara. ZOPFAN juga menjadi asas menetapkan bagaimana kuasa-kuasa besar boleh mengambil bahagian secara sah dengan ASEAN dan menafikan bentuk campurtangan yang tidak direstui oleh ASEAN. Malaysia bersama-sama rakan-rakannya dalam Kementerian akan terus berusaha ke arah

penciptaan dan pencapaian ZOPFAN, dalam hal ini satu penyelesaian yang secara tentang masalah Kampuchea melalui cara aman dan cara politik menjadi sangat penting dan sangat mustahak. Sekiranya masalah Kampuchea tidak segera diselesaikan sengketa di antara kuasa-kuasa besar akan semakin meluas di rantau kita dengan kesudahannya Kampuchea sendiri tidak tentu untung nasibnya dan ASEAN sendiri terseret ke kancah politik kuasa-kuasa besar. Namun di Kampuchea kita sudah ada perkembangan baru. Pihak yang menentang semakin kuat dan semakin mencabar regim boneka Vietnam dan penyokongnya. Sebenarnya Vietnam di Kampuchea sekarang samalah keadaannya seperti Amerika di Vietnam dahulu. Kerajaan Campuran Kampuchea yang di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk mendapat sokongan dari rakyat Kampuchea dan semakin banyak Kerajaan asing. Buat kali pertamanya, Tuan Yang Dipertua, dalam tempoh 5 tahun ini kerusi Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah tidak dicabar.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang Dipertua, resolusi mengesa tentera Vietnam berundur, hak menentukan untung nasib sendiri dan penubuhan sebuah Kerajaan yang bebas serta berkecuali bagi Kampuchea terus mendapat sokongan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan 105 suara. Vietnam haruslah insaf dan mengingati perjuangannya yang dijalankan sendiri dahulu bahawa sesiapa jua pun tidak boleh menahan kemaraan satu-satu bangsa yang berjuang untuk kemerdekaan.

Dasar kita terhadap Kampuchea adalah menjadi bukti hasrat kita supaya Tenggara Asia menjadi aman, supaya Tenggara Asia menjadi stabil. Usaha ASEAN mencari satu

penyelesaian politik yang menyeluruh bagi Kampuchea adalah merupakan penghayatan ASEAN ke arah ZOPFAN dan keyakinan ASEAN bahawa manusia di mana-mana juga pun berhak hidup dengan bebas.

Sokongan antarabangsa yang kuat dan berterusan memberi dorongan kepada ASEAN serta rakan-rakannya dan semestinya memberi semangat kepada Kerajaan Sihanouk untuk meneruskan perjuangan mereka bagi mendapatkan kemerdekaan untuk Kampuchea. Kementerian Luar Negeri akan terus berusaha di tahun-tahun akan datang untuk mencari satu penyelesaian politik berdasarkan prinsip Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea dan prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Malaysia berazam menyokong supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menjadi bertambah teguh, bertambah kuat sebagai satu badan dunia yang berkhidmat ke arah mewujudkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Bagi negara-negara yang kecil seperti Malaysia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah payung untuk menjamin kedaulatan dan kemerdekaan sebuah negara untuk mengekalkan kebebasan dan hak asasi manusia, juga untuk menjalinkan kerjasama antarabangsa di bidang ekonomi dan di bidang sosial.

Sebagai satu anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mengambil berat tentang untung nasib satu-satu kaum atas keyakinan bahawa satu-satu kaum itu berhak mendapat keadilan, kekal mempunyai maruah dan harus memiliki sebuah negara mereka sendiri yang merdeka, maka itulah Malaysia telah memainkan peranan yang aktif mengenai masalah orang-orang Palestine. Dalam peranan ini pada bulan Mei, tahun ini Kuala Lumpur diberi penghormatan menjadi Tuan Rumah kepada Persidangan

Rantau Asia Pasifik mengenai Palestine. Di Sidang Kuala Lumpur ini Malaysia telah mengutarakan satu rancangantindak yang diterima oleh sidang sebagai cara mewujudkan satu negara merdeka, iaitu Palestine. Saranan utama rancangantindak Kuala Lumpur ini telah menyerahkan kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tanggungjawab untuk menghasilkannya. Cadangan ini telah diterima pula oleh Persidangan Antarabangsa mengenai Palestine di Geneva akhir bulan Ogos lalu apakala persidangan tersebut bersetuju meminta Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu menganjurkan satu Sidang Damai Antarabangsa di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu dengan disertai oleh semua pihak yang terlibat dalam sengketa Arab-Israel ini, termasuk Pertubuhan Pembebasan Palestine (PLO), juga Amerika Syarikat dan Soviet Union serta negara-negara lain yang berkenaan.

Malaysia akan terus berusaha untuk menyakinkan pihak-pihak yang berkenaan tentang kebaikan perakuan Geneva itu yang kita rasa ianya telah mengambil kira kenyataan keadaan (reality), yang telah mengambil kira kebimbangan, juga harapan semua pihak di rantau ini dan telah menunjukkan satu rancangtindak yang praktik dan yang boleh dilaksanakan. Misalnya, sidang mengiktiraf bahawa penyelesaian masalah Palestine seharusnya berasaskan kepada pelaksanaan resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang bersabit dan jaminan keamanan dan keselamatan semua negara di rantau tersebut diberi oleh Majlis Keselamatan, termasuk penubuhan sebuah negara Palestine yang merdeka serta pengiktirafan Israel sebagai sebuah negara dalam lingkungan sempadan sebelum 1967 yang selamat dan diakui antarabangsa.

Malaysia yakin sebarang penyelesaian tidak akan tercapai sekiranya syarat-syarat

penyelesaiannya hanya ditentukan oleh mana-mana satu kuasa besar sahaja, malah sekarang penyelesaian tidak akan tercapai tanpa penyertaan bersama oleh Amerika Syarikat dan Soviet Union, juga oleh anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan. Masyarakat antarabangsa tidak seharusnya hanya menumpu perhatian kepada kebimbangan Israel semata-mata. Masyarakat antarabangsa seharusnya juga memberi perhatian kepada kebimbangan negara-negara Arab yang berjiran terhadap dasar perluasan kawasan zionis, bukan hanya setakat yang berlaku sekarang tetapi sejak mula diwujudkan negara Israel.

Saya yakin kebanyakan rakyat Israel mahukan keamanan untuk Israel, itu saya yakin, tetapi apakah bentuk keamanan yang boleh Israel perolehi? Keamanannya dengan Mesir hanya sebahagian, dengan Lebanon hanya secebis kertas dan dengan jiran-jirannya yang lain, iaitu Palestine, Jordan, Syria tanpa sebarang keamanan jua pun. Apakah bentuk keselamatan yang boleh Israel perolehi apakala bilangan warga bukan Yahudi yang lebih ramai dari kaum Yahudi yang menduduki apa yang digelar wilayah Israel yang termasuk kawasan yang ditaklukinya dan ramai anak mudanya seperti kembang berguguran mati memperjuangkan sesuatu yang sia-sia. Israel sudah lama patut bankrap kalaulah tidak kerana bantuan besar-besaran tiap-tiap tahun dicurahkan oleh Amerika Syarikat. Tidakkah terlintas di fikiran Israel bahawa bantuan dan simpati Amerika ini boleh kering atau apakah akan berlanjutan selama-lamanya? Semakin ramai rakyat Amerika sudah mula bertanya-tanya mengenai bantuan tersebut.

Sayugialah rakyat Amerika sendiri menyoal tentang kebijaksanaannya untuk terus-menerus membantu Israel. Israel bukan lagi pihak yang tertindas, maaf dalam bahasa Inggerisnya, bukan

lagi "under dock". Israel sudah menjadi penindas dan tanpa segan-silu melakukan kekejaman seperti di Sabra, seperti di Shtatilla. Israel nampaknya seolah-olah boneka tetapi boleh menari mengikut gendang dan rentak yang dipukulnya sendiri atau "puppet pulling his own strings". Misalnya Amerika Syarikat memasuki Lebanon kerana Israel masuk dahulu ke Wilayah Beirut, itu jangan kita lupa, tetapi bila Israel undur ke satu tempat di selatan Lebanon, hampir dengan sempadannya, tanpa berunding dengan Amerika, tinggallah askar-askar Amerika terkoteng-koteng di Beirut untuk menyelesaikan masalah yang dimulakan oleh Israel dan dalam proses ini banyak nyawa rakyat Amerika terkorban. Dalam pada itu, silap sekali kiranya Amerika menganggap masalah Lebanon boleh diselesaikan berasingan dari masalah Palestine. Keadaan di Lebanon ialah akibat masalah Palestine yang belum diselesaikan itu dan inilah yang merupakan asas sengketa Arab-Israel.

Kita yakin dengan perjuangan rakyat Palestine kerana sejarah berulang kali menunjukkan mustahil membenam satu bangsa yang berazam memperjuangkan kemerdekaan dan kebebasannya.

Tuan Yang Dipertua, baik di forum dunia atau di mana juga Malaysia tidak akan jemu-jemu menyuarakan tentang hak mutlak manusia. Keadilan dan kesaksamaan dalam hubungan antarabangsa kita telah membawa perkara Antartika ke sidang Bangsa-bangsa Bersatu kerana kita menganggap keadaan yang wujud masa ini adalah tidak saksama. Perjanjian Antartika 1959 yang disertai oleh beberapa negara terpilih sahaja mempunyai satu sistem yang menafikan penyertaan pihak-pihak lain dan sekali gus mencerminkan keadaan yang tidak saksama (inequitable) di satu kawasan yang

mempunyai kepentingan strategi, politik dan ekonomi kepada dunia amnya.

Kita telah berjaya memasukkan masalah Antartika ini ke dalam agenda sesi sekarang ini di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu. Matlamat kita di peringkat ini adalah untuk mendapatkan persetujuan perhimpunan untuk meminta Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu menjalankan satu kajian yang lengkap mengenai hal ini. Hingga ini kita sudah pun mendapat sokongan penuh dari ahli-ahli Pertubuhan Negara-negara Berkecuali.

Kita harap kajian tersebut akan menjadi langkah pertama dalam proses mewujudkan satu rangka bidang yang lebih luas dalam kerjasama antarabangsa di Antartika. Kajian yang dicadangkan ini akan mengambil kira semua pandangan dan pemikiran, termasuk dari negara-negara anggota Perjanjian Antartika dan saya tidak nampak sebarang sebab bagi mana-mana negara untuk menentang kajian tersebut. Negara-negara anggota Perjanjian Antartika akan diajak memberi pandangan membina bagi masa depan Antartika. Tidak ada sebab bagi negara-negara tersebut menentang tindakan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Antartika kecuali negara-negara tersebut sekadar mahu mempertahankan kepentingan mereka sendiri sahaja di situ.

Usaha kita mengenai Antartika adalah digerakkan oleh kesedaran kita tentang keamanan dan kestabilan pada perkiraan jangka panjang khususnya di Antartika dan di dunia amnya. Sekiranya sengkita di Antartika atau mengenai Antartika boleh dielak sekiranya tidak wujud keadaan yang tidak saksama, dengan izin, if there is an absence of inequity. Masyarakat antarabangsa boleh dituduh cuai kerana kiranya mengabaikan

kemungkinan ini. Rakan-rakan kita dalam Perjanjian Pertahanan Lima Kuasa—Britain, New Zealand, Australia adalah anggota Perjanjian Antartika. Sudah barang tentu kita tidak mahu melihat mereka terlibat sesama mereka dalam sebarang sengkita di masa hadapan mengenai Antartika. Petanda-petanda sengkita sudah ketara. Mungkin perlu menarik perhatian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang logonya sendiri yang menggambarkan masalah dunia dilihat dari sebelah Khutub Utara sahaja pada hal masalah boleh juga ada di sebelah Khutub Selatan.

Tuan Yang Dipertua, Malaysia berusaha mencari persaksamaan dan kerjasama bukan sahaja di forum Bangsa-bangsa Bersatu bahkan juga di persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali, di O.I.C. dan di Persidangan Negara-negara Komanwel. Mengikut daya dan kemampuan kita, kita cuba mencari kerjasama dan menawarkan bantuan kepada beberapa buah negara secara langsung yakni secara hubungan dua hala antara Kerajaan dengan Kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri telah melakukan kunjungan ke beberapa buah negara membangun seperti kita iaitu negara-negara di Selatan Pasifik, di Selatan Asia, juga Turki, Yugoslavia, Rumania dan Korea kalau boleh dicampurkan.

Malaysia telah mengikat Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal dengan beberapa negara tersebut. Di bawah perjanjian ini beberapa mesyuarat Suruhanjaya Bersama telah diadakan. Tahun ini misalnya, Kementerian Luar telah menganjurkan dua mesyuarat tersebut iaitu dengan Turki dan dengan Pakistan. Bagi tahun 1984 pula, beberapa lagi mesyuarat sedemikian rupa sedang dirancang. Tetapi bagi setengah-setengah negara lain pula, umpamanya negara Mali di

Afrika, kerana ianya jauh dan keupayaannya terhad, kita rasa tidak perlu kita ikut cara bermesyuarat melalui Suruhanjaya Bersama. Sebaliknya satu pasukan terdiri dari pegawai-pegawai Malaysia telah melawat Mali bagi membincangkan hal kerjasama teknikal.

Di ibu negara-ibu negara tersebut, anggota Kedutaan kita terlibat secara aktif dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan di bawah Rancangan Kerjasama Teknikal Malaysia yang telah kita tawarkan kepada 31 buah negara setakat ini. Melalui rancangan ini Malaysia dapat saling bekerjasama secara langsung dan praktikal bukan sahaja dengan negara-negara ASEAN, bahkan juga dengan negara-negara Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dengan negara-negara. Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan dengan negara-negara Commonwealth.

Malaysia menaruh sepenuh harapan dan keyakinan kepada konsep kerjasama Selatan-Selatan dan dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita telah mengambil inisiatif utama bagi menjayakan idea ini dan kita yakin negara-negara membangun boleh meningkatkan prestasi ekonomi masing-masing melalui kerjasama dan pertukaran perdagangan sesama kita sendiri. Satu sistem dua hala yang aktif dalam bentuk kerjasama dan peraturan perdagangan boleh diwujudkan, dan dengan cara ini negara-negara membangun boleh membendung kegiatan pihak-pihak tertentu yang sekian lama telah mengeksploit keadaan, seperti mereka yang menentukan harga pasaran bahan kita, sambil itu kita juga boleh mengambil langkah memperkembangkan khidmat bank, umpamanya perkapalan dan insuran untuk manfaat kita bersama. Dengan cara sedemikian, kita dapat membina satu sikap dan semangat yakin kepada diri sendiri dan bebas dalam hubungan kita dengan negara-negara maju.

Arahan telah pun diberi kepada para-para Duta kita khususnya di tempat-tempat yang menjadi pusat perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia supaya sedar akan peranan mereka bukan sahaja sebagai pegawai diplomatik tetapi juga untuk memajukan kepentingan ekonomi negara. Beberapa garis panduan sedang disediakan supaya para Duta dapat membantu, di bawah konsep Persyarikatan Malaysia, semasa lawatan rombongan rasmi Kerajaan juga rombongan dari pihak swasta dari Malaysia yang ada urusan perniagaan di seberang laut. Garis panduan ini akan termasuk juga arahan untuk mengemaskan lagi penyelarasan antara Kedutaan-kedutaan dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Perdagangan, Pusat Perkembangan Pelaburan dan Pusat Perkembangan Pelancungan. Inilah caranya kita harap dapat kita mencapai kejayaan dengan lebih berkesan demi memajukan Malaysia di seberang laut khususnya semasa zaman meleset ini.

Dengan bertambahnya bilangan pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri, khususnya di dalam beberapa tahun kebelakangan ini, maka dengan sendirinya Bahagian Penerangan Luar di Kementerian Luar Negeri mempunyai tugas dan peranannya yang mustahak khususnya untuk memberi tahu dan menyebarkan maklumat, berita dan perkembangan terakhir dalam Malaysia kepada pelajar-pelajar tersebut. Tanggungjawab ini dijalankan bersama agensi-agensi lain dalam Kerajaan. Mulai awal tahun ini satu projek yang diketuai oleh Timbalan Menteri Luar telah dilancarkan untuk mengirim secara sistematik dan berkordinasi bahan-bahan bacaan khususnya suratkhobar terus ke pusat-pusat pelajar Malaysia dan ke perpustakaan-perpustakaan universiti di luar negeri di mana terdapat ramai pelajar-pelajar kita dan mudah bagi mereka mendapatkannya. Hampir 350

naskah akhbar terkemuka Malaysia dihantar dengan kapal terbang setiap minggu. Ini memakan belanja banyak. Usaha bersungguh juga sedang diambil untuk meningkatkan satu mutu kandungan majalah bulanan khas yang dihantar kepada pelajar-pelajar di seberang laut. Para Duta kita telah diberi arahan yang khas untuk menubuh dan mempengerusikan jawatankuasa khas mengendali, mengurus dan menyelaras hal ehwal pelajar di luar negeri.

Saranan utama kegiatan Bahagian Penerangan Luar Negeri ialah cuba menyampaikan maklumat, penerangan dan penjelasan dengan sepuh dan secukupnya atas serba sesuatu mengenai Malaysia kepada tokoh-tokoh terpenting di seberang laut khususnya mereka yang bertanggungjawab dalam sebarang dasar dan pendirian negaranya di bidang diplomatik, pelaburan dan perdagangan dengan Malaysia. Kita cuba mempengaruhi kumpulan yang berpengaruh di dalam tiap-tiap negara asing, dan melalui mereka kita harap dapat pula kita pengaruhi yang lain-lain iaitu dalam tugas kita memajukan Malaysia dan kepentingan Malaysia dalam semua bidang.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa tugas utama Wismaputra dan seluruh Kedutaan yang berselerak di serata dunia ialah menyumbang ke arah keselamatan negara kita dan memajukan kepentingan negara kita di seberang laut. Sekiranya diplomat kita gagal terpaksa askar mengambil alih seperti yang kita saksikan di Asia Barat, di Amerika Tengah dan di Kepulauan Rantau Caribbean. Cara kita mencapai matlamat ini ialah melalui satu dasar luar Malaysia yang bebas dan berkecuali dan secara proaktif. Kita bebas berkecuali kerana kita tidak dipengaruhi oleh sesiapa juga pun dalam menentukan dasar luar dan pendirian kita. Kita pro-aktif

bermakna kita sentiasa mengambil daya usaha atau inisiatif dalam apa juga perkara apabila kita mahu dan apabila kita mampu.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya menyokong dasar Belanjawan Kerajaan bagi tahun 1984 dengan ucapan terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos bagi menggingulng.

4.21 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di sepanjang perbincangan Dasar Belanjawan tahun 1984.

Saya suka memberi jaminan bahawa perkara-perkara itu akan diberi perhatian dan di mana menasabah tindakan akan diambil. Walau bagaimanapun, saya bercadang bukan dari segi tidak menitikberatkan satu persatu perkara yang dibangkitkan itu, tetapi untuk tujuan menerangkan polisi yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian ini untuk menyampaikan penerangan secara am sahaja.

Tuan Yang Dipertua, perkara-perkara untuk mempelbagaikan sumber tenaga termasuk cadangan menggunakan berbagai alternatif seperti biogas, kuasa solar dan kuasa angin telah disebutkan. Yang sebenarnya Kerajaan kita memang berpegang teguh untuk mengurangkan pergantungan negara kepada satu punca tenaga sahaja.

Walaupun sekarang harga minyak di dunia telah menurun namun Kerajaan

akan terus mempergiatkan tindakan untuk membangunkan punca-punca tenaga berasaskan strategi 4 sumber tenaga yang telah ditetapkan.

Asas strategi ini ialah untuk mengurangkan pergantungan kita kepada minyak dan meninggikan, dengan izin, energy mix dari punca-punca yang lain. Kita telah meninjau kemungkinan untuk menggunakan biogas, kuasa solar dan alternatif-alternatif non-conventional yang lain dan seperti yang diketahui kita telah juga berjaya melaksanakan dua projek yang menggunakan bahan hasil sampingan iaitu sekam padi untuk penjaan kuasa elektrik di Kedah.

Begitu juga kita telah mengadakan pilot projek solar di satu kampung di Pulau Langkawi. Namun, dalam jangka pendek nampaknya sumber-sumber non-conventional belum dapat dilaksanakan secara commercial oleh kerana ekonomik dan teknologinya masih dalam peringkat experimental. Kita sentiasa mengikut kemajuan perkembangan teknologi non-conventional energy akan tetapi dari segi kegunaan secara besar-besaran kita hadkan kepada membangunkan punca-punca conventional yang telah ditetapkan seperti minyak, arang batu, gas asli dan tenaga hidro. Langkah-langkah ini akan terus dipergiatkan lagi.

Tuan Yang Dipertua, bagaimanapun oleh kerana kemelesetan ekonomi sekarang, sudah ternampak keperluan pertambahan tenaga tidaklah setinggi yang dijangkakan dahulu. Keadaan ini memberi peluang bagi Kerajaan untuk mengulang-kaji program-program pembangunan tenaga khususnya kuasa elektrik untuk mengimbangkan dengan keperluan negara yang sebenar. Dan ekoran dari kajian itu, Kerajaan telah mengambil langkah menyusun semula jadual pelaksanaan beberapa projek penjaan kuasa.

Salah satu darinya ialah Stesen Janaelektrik Arang Batu Pelabuhan Kelang Fasa Kedua dijadual siap pada pertengahan tahun 1988 bagi unit pertama dan akhir tahun 1988 bagi unit kedua berbanding dengan sasaran asal iaitu pertengahan dan akhir tahun 1986. Langkah ini menunjukkan Kerajaan adalah realistik dan kritis terhadap keperluan semasa negara dan langkah seperti ini juga akan terus diambil mengikut keperluan-keperluan yang menasabah.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga memberi keterangan bersabit dengan perkara perkembangan infrastruktur telekomunikasi. Kerajaan menyedari betapa perlunya negara kita mempunyai infrastruktur telekomunikasi bukan sahaja yang mencukupi tetapi juga yang selaras dengan perkembangan teknologi moden, memandangkan infrastruktur ini sebagai satu asas dan sebagai satu katalis pembangunan khususnya dari segi perindustrian dan perdagangan.

Kerajaan bercadang untuk menambahkan pelaburan modal dalam bidang infrastruktur ini. Saya berpendapat masalah yang dihadapi oleh Jabatan Telekom untuk memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada pengguna-penggunaannya ialah berpunca dari kekurangan talian-talian yang setia ada dan juga kerana kekurangan pelaburan atau investment yang diberikan kepada sektor telekomunikasi dalam masa-masa yang lampau.

Kerajaan sekarang telah bertindak untuk mengubah keadaan ini, dan perkembangan infrastruktur telekomunikasi dijangka berlaku secara besar-besaran di mana dalam tiga, empat tahun akan datang kira-kira sejuta talian baru akan meningkat.

Tuan Yang Dipertua, soal yang menarik di tengah-tengah aktiviti melaksanakan projek yang ambitious dan raksaksa itu ialah apakah

sepatutnya bentuk organisasi yang diperlukan untuk menjalankan tugas ini. Soal pengswastaan Telekom memang dibangkitkan termasuk oleh sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang sebenarnya kedudukan sekarang ialah Kerajaan memang berniat secara prinsip untuk mengswastakan perkhidmatan Telekom. Oleh itu kajian secara menyeluruh sedang dijalankan dengan mengambilkira implikasi dari segenap aspek supaya tercapai matlamat yang penting iaitu perkhidmatan telekomunikasi dapat diberi secara maksima kepada pengguna dan juga supaya para pekerja dan kakitangannya bukan sahaja tidak kehilangan tugas dan kerja, malah dapat dimanfaatkan secara lebih produktif dan lebih bermutu serta lebih sofistikated.

Sebarang pertimbangan hanya dibuat selepas kajian mendalam itu dilakukan dan ini tentulah akan mengambil masa. Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Jabatan Telekom pula, walau apa pun kedudukannya, mereka tidaklah perlu merasa bimbang akan masa depan mereka oleh kerana setiap langkah dan sebelum satu-satu keputusan muktamad Kerajaan pasti mengambilkira kedudukan semua pihak yang terlibat dalam sesebuah Jabatan atau Agensi yang terlibat itu.

Perlu juga saya beritahu walaupun kedudukan pengswastaan organisasi yang mentadbirkan perkhidmatan infrastruktur telekomunikasi masih di peringkat kajian, namun beberapa perkara sampingan yang berkait dengan perkhidmatan telefon sudah pun diserahkan kepada pihak swasta, misalnya kebebasan menjual dan membeli gangang telefon dan mesin teleks dan di samping itu bagi mempercepatkan pelaksanaan projek dan membina infrastruktur telekomunikasi, Kerajaan berpendapat kita perlu menggunakan

sistem turnkey kontrak dalam pelaksanaan projek telekom.

Sistem ini sedang digunakan terutamanya dalam pelaksanaan projek-projek Rangkaian Suis dan seperti yang telah saya umumkan dalam bulan yang lepas bahawa Rangkaian Tempatan juga telah diserahkan kepada sistem turnkey. Dalam Rangkaian Tempatan walaupun pengendalian projek-projek itu dikerjakan oleh empat kontraktor Bumiputera yang besar, namun untuk menentukan peluang kontraktor-kontraktor kecil juga diperhatikan, bahawa perjanjian kontrak itu mensyaratkan supaya kontraktor-kontraktor kecil juga diberi peluang seluas-luasnya oleh kontraktor-kontraktor utama dalam pelaksanaan projek ini.

Kerajaan juga menetapkan Rangkaian Sambungjauh yang akan mula dilaksanakan tidak berapa lama lagi akan juga terus dibuat secara turnkey. Syarat-syarat yang serupa, yakni peluang untuk kontraktor-kontraktor bumiputera kecil diberi keutamaan, akan dikenakan juga terhadap kontraktor-kontraktor besar yang berjaya dalam projek Rangkaian Sambungjauh.

Selain dari itu bangunan-bangunan ibusawat telekom telah juga diluluskan untuk kontraktor-kontraktor binaan bumiputera dan polisi ini akan diteruskan. Jelaslah bahawa walaupun projek-projek telekom dilaksanakan dengan secara Turnkey, peluang kontraktor-kontraktor tempatan termasuk kontraktor-kontraktor bumiputera yang kecil sentiasa diambil kira dan dijamin akan bersama-sama mendapat menafaat dalam pelaksanaan projek-projek perkembangan infrastruktur telekomunikasi negara.

Dalam melaksanakan projek telekom yang ambisus (ambitious) ini dalam tempoh yang singkat, saya

memang menyedari bahawa ada kemungkinan melibatkan sedikit kesusahan kepada orang ramai, misalnya dari segi jalan raya di mana kerja-kerja korek-mengorek akan dilakukan bagi menanam kabel-kabel secara besar-besaran di seluruh negara yang akan bermula dari tahun hadapan. Kerajaan akan sentiasa berhubung dengan pihak kontraktor yang berkenaan supaya berusaha sedaya-upaya untuk mengurangkan kesusahan yang akan dialami oleh orang ramai. Namun demikian, sukar bagi kita untuk mengelakkan kesusahan ini tidak akan berlaku. Oleh itu saya juga berharap orang ramai akan turut bertimbang rasa dan berhati-hati demi untuk kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya. Dan saya juga sedar ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh akan perkara ini dan saya berharap kita sama-sama memberi keterangan akan kedudukan yang sebenar di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat itu masing-masing.

Tuan Yang Dipertua, dari segi Jabatan Perkhidmatan Pos pula, Kerajaan akan terus memberikan perhatian untuk memperluaskan lagi rangkaian-rangkaian Pos di samping mempercepatkan lagi penghantaran benda-benda pos di seluruh negara. Dengan siapnya Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur yang dilengkapi dengan Sistem Konveyor, maka pengendalian mel secara manual akan dapat dikurangkan. Kerajaan juga telah meluluskan penggunaan mesin-mesin penerimaan elektronik di pejabat-pejabat pos bagi mempercepatkan lagi transaksi-transaksi yang dikendalikan. Di samping itu, kajian mengenai sistem poskod nasional sedang dijalankan dan perlaksanaannya dijangka akan bermula apabila kajian tersebut selesai kelak.

Suka saya mengumumkan bahawa pada tahun 1984 Jabatan

Perkhidmatan Pos akan memulakan satu lagi perkhidmatan baru kepada orang ramai iaitu perkhidmatan "facsimile". Buat permulaannya, perkhidmatan ini hanya akan dikendalikan di beberapa buah Pejabat Pos Besar sahaja dahulu, dan akan diperkembangkan kepada seluruh negara kemudiannya setelah ianya menjadi popular.

Tuan Yang Dipertua, walaupun saya tidak menjawab satu persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Belanjawan Kementerian ini, suka saya memberi jaminan sekali lagi bahawa perkara-perkara tersebut akan diberikan perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya menjemput Menteri Perusahaan Awam.

4.33 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap memberikan komen dan perhatian terhadap beberapa perkara yang melibatkan agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam di dalam perbahasan Belanjawan 1984. Dan saya mengucapkan terima kasih dan akan menarik perhatian terhadap komen-komen tersebut dan saya akan menjawab beberapa isu yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan mengenai peruntukan yang telah diberi kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan UDA dengan membuat gesaan supaya diadakan mekanisma pengawasan kewangan

yang cukup bagi memastikan projek-projek bagi agensi-agensi tersebut mencapai kemajuan yang licin.

Sukalah saya memberikan penjelasan mengenai peruntukan yang dibangkitkan itu, peruntukan yang telah diperuntukkan kepada PKEN-PKEN sebanyak \$142 juta dan juga kepada UDA sebanyak \$97 juta itu adalah merupakan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada agensi-agensi berkenaan.

Untuk makluman, UDA mempunyai dua jenis projek iaitu projek komersial dan projek sosial. Untuk projek komersial UDA akan memberi penekanan kepada kedayahidupan (viability) kewangan sesuatu projek bagi menghasilkan kadar pulangan yang setanding dengan kadar pasaran. Untuk projek-projek ini punca kewangannya adalah diperolehi dari Kerajaan dan juga dari sumber-sumber lain. Projek-projek dalam kategori ini dijangka memberi pulangan yang melebihi dari 15%. Projek-projek sosial pula ialah projek-projek di mana pulangan yang diperolehi adalah sekurang-kurangnya tidak merugikan.

Seperti yang telah diarahkan UDA menumpukan perhatiannya terhadap projek-projek komersial dan keuntungan yang diperolehi dari projek-projek tersebut akan digunakan untuk membiayai projek-projek sosial.

Bagi membiayai projek-projeknya, UDA mempunyai punca wang dalamnya (internally generated fund) sendiri dan Kerajaan akan membantu UDA hanya apabila jumlah yang diperolehi dari punca ini tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaannya. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1982 punca wang dalam UDA hanya terdiri 28.5% sahaja dari jumlah perbelanjaannya yang berjumlah \$309 juta. Untuk tahun

1983 UDA dijangka akan membelanjakan sebanyak \$470 juta dan dari jumlah itu punca wang dalamnya adalah sebanyak \$84 juta atau 17.8% sahaja. Sebagai dasar, UDA telah diarahkan untuk berdikari di atas keperluan kewangannya. Dalam tahun 1984, anggaran punca wang dalam UDA ialah \$58.6 juta iaitu lebih kurang 23% dari anggaran jumlah perbelanjaan bagi tahun itu. Kementerian Perusahaan Awam sentiasa akan mengawasi supaya peruntukan yang diberi digunakan secara berkesan agar dapat memberi faedah sepenuhnya berasaskan matlamat penyusunan semula masyarakat dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pengeluaran peruntukan bagi PKEN-PKEN adalah diawasi melalui sebuah jawatankuasa yang akan menimbangkan projek-projek yang perlu diberi peruntukan dan peruntukan akan hanya dibuat setelah diadakan beberapa penentuan seperti daya maju projek, kesesuaiannya dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru serta keupayaan mengurus dan kepakaran yang ada di agensi berkenaan.

Bagi setiap pengeluaran peruntukan yang akan dibuat pula ianya akan dilaksanakan hanya setelah penilaian dibuat terhadap kemajuan pelaksanaan projek yang berkenaan. Sukacitalah saya menjelaskan bahawa peruntukan yang diberi dalam tahun 1984 bagi agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam adalah bagi projek-projek yang telah "committed" dan projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan. Peruntukan yang diberi kepada UDA adalah untuk membiayai projek-projek yang telah diberi keutamaan.

Kementerian Perusahaan Awam akan terus mengawasi pelaksanaan projek-projek yang dilaksanakan oleh

agensi-agensi di bawahnya melalui sistem maklumat pengurusan yang telah ditubuhkan. Melalui sistem ini kemajuan setiap projek bagi agensi-agensi berkenaan akan dapat diawasi dan tindakan-tindakan yang sesuai akan dapat diambil bagi memastikan kejayaan projek-projek tersebut.

Mengenai syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya FIMA meluaskan pasaran di dalam dan luar negeri sebagai usaha membantu pekebun-pekebun buah-buahan tempatan, sukacita saya menegaskan di sini bahawa FIMA sebagai sebuah syarikat perdagangan adalah sentiasa berusaha meluaskan pasarnya. Sebagai strategi, untuk mengekalkan pasaran ini, FIMA perlulah dapat mengeluarkan sesuatu keluaran secara berterusan dan dengan itu bekalan buah-buahan tempatan yang tetap amatlah diperlukan.

Untuk tujuan ini, FIMA mengambil langkah untuk memajukan ladang buah-buahnya sendiri seperti mangga, rambutan dan durian di Johor dan Kedah. Pengeluaran daripada pekebun kecil setakat ini tidak dapat menjamin bekalan yang tetap dan berterusan untuk membolehkan pengilangan yang ekonomi dibuat. Hanya bekalan nenas sahaja yang dibeli daripada pekebun kecil kerana adanya penanaman secara besar-besaran oleh sektor pekebun kecil di Johor.

FIMA kini memasarkan buah-buahan tempatan yang ditinkan seperti nenas, rambutan dan manggis di pasaran tempatan melalui rangkaian pasarnya dan juga di pasaran luar negeri. Jumlah dan nilai pasaran bagi keluaran FIMA ini ialah 724,826 kotak (standard case) bernilai \$24.9 juta bagi tempoh Januari, 1981—Mac, 1982 dengan pecahan 88% eksport dan 12% pasaran tempatan. Ini adalah terdiri dari buah nenas, rambutan, manggis dan campuran buah-buahan. Bagi

tempoh April, 1982 hingga Mac, 1983 perangkaan yang sama menunjukkan keluaran sebanyak 458,840 kotak (standard case) bernilai \$15.9 juta dengan pecahan pasaran 85% eksport dan 15% pasaran tempatan. Pasaran eksport ialah ke Jepun, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, New Zealand, Eropah, Timur Tengah dan sebilangan kecil ke Singapura.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut pula telah membangkitkan masalah pengangkutan yang kadar dan sewanya mempengaruhi kualiti dan harga barangan dan seterusnya daya pengeluaran. Khususnya beliau meminta lebih banyak lagi permit lori kelas C dikeluarkan.

Kementerian Perusahaan Awam sangat menyedari keperluan lori "C" kepada peniaga-peniaga. Perangkaan sehingga 30hb September, 1983 menunjukkan sejumlah 68,857 lesen kelas "C" telah dikeluarkan.

Berbagai jenis lori telah diluluskan perमितnya, umpamanya jenis kargo, tipper, timberjinker, concrete mixer dan lain-lain lagi sebagai usaha membantu peniaga-peniaga dalam perniagaan.

Memanglah benar setiap tahun meningkat jumlah permohonan yang ditolak. Faktor-faktor penolakan berkenaan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria menimbangkan sesuatu permohonan lori C yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perusahaan Awam, Antara sebab-sebab penolakan tersebut ialah borang-borang permohonan tidak lengkap, tidak membuktikan kemampuan modal, tidak membuktikan pernah menyewa lori bagi keperluan perniagaannya sekarang dan juga jenis perniagaan pemohon tidak sesuai dengan penggunaan lori C. Bagi peniaga-peniaga kecil dan sederhana pula, mereka boleh membeli dan melesenkan terus lorinya iaitu bagi

yang bermuatan 2,500 kg. dengan tidak payah mendapatkan lesen dari Kementerian Perusahaan Awam.

Bagi perkhidmatan lori A pula, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb September, 1983, sejumlah 15,874 lesen telah dikeluarkan. Sekiranya semua peniaga sudah memiliki lori sendiri maka akan tiada peluang perniagaan pengusaha pengangkutan lori A. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Perusahaan Awam sentiasa memberi perhatian terhadap keseimbangan antara pengeluaran lesen lori untuk kegunaan sendiri iaitu C dengan lesen lori untuk disewa iaitu A di dalam usaha mencapai matlamat pembangunan negara pada keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah mencadangkan supaya sebarang penyiasatan mengenai penyelewangan sekim subsidi harga padi hendaklah diuruskan oleh pihak Kementerian sendiri dan bukan oleh pegawai-pegawai dari agensi yang terlibat. Suka saya menegaskan bahawa usaha-usaha adalah sentiasa dibuat bagi memperbaiki sistem perlaksanaan sekim subsidi padi ini.

Selaku Badan Penguatkuasa, Bahagian Pengangkutan LPN adalah sentiasa bertindak mengikut lunas-lunas undang-undang tanpa menyebelahi mana-mana pihak. Ada dua bentuk penyiasatan yang dilakukan oleh LPN ke atas kes-kes penyelewangan subsidi harga padi. Penyiasatan pertama ialah Bahagian Penguatkuasaan LPN yang ditempatkan di setiap negeri. Bahagian ini adalah membuat penyiasatan berterusan seperti pemeriksaan kilang dan stok di samping membuat siasatan dengan menyemak rekod yang berkaitan dengan urusan padi yang melibatkan subsidi. Satu lagi cara penyiasatan ialah penyiasatan yang dilakukan oleh satu pasukan khas

(flying squad) dari ibu Pejabat LPN yang akan bergerak ke seluruh negara dan membuat penyiasatan berasingan ke atas kes-kes penyelewangan subsidi harga padi yang disyakki. Dengan cara ini akan terjamin bahawa penyiasatan-penyiasatan yang dilakukan oleh LPN adalah merupakan penyiasatan bebas.

Sejak bermulanya sekim subsidi harga padi dalam tahun 1980 sehingga Ogos 1983, sejumlah 108 kes penyelewangan telah dapat dikesan dan melibatkan wang bernilai \$117,140.32. Dari sejumlah kes yang dikesan ini, 10 kes adalah bagi tahun 1982 dan 20 kes bagi tahun 1983 adalah hasil penyiasatan pasukan khas ini. Kes-kes yang dikesan itu melibatkan pengilang, pelesenan, orang perseorangan dan juga kakitangan LPN yang mengendalikan sekim subsidi harga padi. Dari sejumlah kes yang dinyatakan di atas, 32 kes telah diselesaikan melibatkan wang bernilai \$41,199.64, manakala 76 kes lagi masih dalam penyiasatan LPN dan polis iaitu 65 kes LPN dan 11 kes polis. Jumlah wang yang terlibat ialah sebanyak \$75,940.58.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh pula tentang kesalahan yang melibatkan kakitangan LPN sendiri, mereka juga adalah tidak dikecualikan daripada penyiasatan polis atau BPR. Ini menjamin penyiasatan itu akan dapat dibuat secara bebas. Mana-mana kesalahan yang boleh diambil tindakan melalui tindakan tatatertib Jabatan, maka tindakan seumpamanya itu telah dibuat. Sejumlah 8 orang kakitangan telah pun dibuang kerja, manakala 3 lagi di dalam penyiasatan. Sungguhpun Kementerian Awam tidak membuat penyiasatan secara terus, setiap kes penyelewangan yang dapat dikesan adalah dimaklumkan kepada Kementerian dan tindakan susulan yang sewajarnya adalah dibuat. Pegawai-pegawai Kementerian sendiri adalah sentiasa mengawasi perkara-perkara seperti itu.

Se kianlah jawapan saya dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberikan hujah-hujah masing-masing.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya jemput Timbalan Menteri Pelajaran menjawab bagi pihak Menteri.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih di atas segala teguran dan ulasan yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan aktiviti-aktiviti Kementerian Pelajaran semasa membahaskan dasar Belanjawan tahun 1984. Saya yakin dengan segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Pelajaran dapatlah mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk memperbaiki lagi apa-apa kelemahan yang mungkin terdapat. Tuan Yang Dipertua, izinkan saya memberi sedikit ulasan dan penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkait dengan aktiviti-aktiviti dan program-program Kementerian saya.

Beberapa orang Ahl-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kurikulum sekolah. Yang Berhormat dari Lambir telah meminta supaya mata pelajaran Ilmu Alam dan Sejarah Sarawak harus diadakan untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami keadaan tempatan dengan lebih mendalam lagi. Suka saya terangkan di sini bahawa mata pelajaran tersebut telah pun dimasukkan ke dalam kurikulum yang berkuatkuasa di sekolah-sekolah sekarang. Tajuk-tajuk yang disentuh dalam mata pelajaran Ilmu Alam termasuk keadaan muka bumi, taburan

penduduk, perhubungan dan cara-cara kehidupan masyarakat di sana. Berhubung pelajaran sejarah pula meliputi aspek-aspek kebudayaan, sistem serta perlembagaan, ekonomi, sosial dan politik, gerakan kebangsaan dan sumbangan tokoh-tokoh tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah menyentuh mengenai peruntukan masa untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia di SRJK "C" dan "D". Kementerian saya sedari tentang kekurangan peruntukan masa bagi mata pelajaran bahasa Malaysia di SRJK "C" dan "T" berbanding dengan sekolah kebangsaan. Ini tidak dapat ditambah kerana jumlah masa persekolahan memang terhad. Walau bagaimanapun untuk menampung kekurangan ini murid-murid lepasan di SRJK "C" dan SRJK "T" akan diorientasi dengan penggunaan bahasa Malaysia secara intensif dalam semua mata pelajaran selama satu tahun dalam kelas peralihan sebelum mereka masuk ke Tingkatan Satu.

Berhubung dengan kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut mengenai adanya murid-murid di sekolah rendah di luar bandar yang masih belum tahu menulis, membaca dan mengira di negeri Sabah, suka dijelaskan di sini bahawa Kerajaan telah pun melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah mulai dari tahun 1983 di semua sekolah rendah yang mana memberi penekanan kepada kemahiran-kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Larut supaya kanak-kanak sekolah disemai dengan semangat kebangsaan melalui kegiatan seperti nyanyian beramai-ramai Lagu Kebangsaan dan lain-lain aktiviti-aktiviti, sebenarnya memang sudah menjadi amalan di sekolah sejak dahulu. Malahan memang menjadi matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan

untuk mewujudkan satu rupa bangsa bagi Malaysia. Jadi segala usaha adalah dijalankan untuk menuju ke matlamat tersebut. Mengenai soal pembentukan akhlak atau tingkah-laku pelajar, suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut yang membangkit perkara ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pelajaran telah memasukkan pendidikan moral ke dalam kurikulum sekolah di samping pelajaran agama Islam dan tata-rakyat yang telah sedia ada. Berbagai kegiatan kurikulum seperti penubuhan kelab-kelab persatuan-persatuan, badan-badan beruniform, pasukan sukan dan permainan di sekolah-sekolah adalah bertujuan untuk membentuk tingkah-laku pelajar. Kementerian Pelajaran juga telah menerbitkan buku panduan mengenai disiplin pelajar.

Berhubung dengan tuduhan bahawa kemelesetan ekonomi telah menjejaskan pelajaran kelas-kelas bahasa ibunda seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepung dan Bruas, suka saya terangkan di sini bahawa tuduhan ini tidak benar.

Sebaik sahaja ada permohonan dari 15 orang ibu bapa murid yang berkehendakkan anak-anak mereka belajar bahasa Cina atau Tamil kelas-kelas itu akan dibuka dan sekolah akan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bilik darjah, guru-guru bahasa tersebut yang terlatih. Mengikut laporan bulanan yang diterima oleh Kementerian saya terdapat banyak kelas-kelas bahasa Cina dan Tamil telah dijalankan dengan baik serta teratur. Banyak juga kelas-kelas tersebut diadakan dalam waktu sekolah yang diajar oleh guru-guru terlatih.

Tuan Yang Dipertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang masalah guru.

Berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut mengenai pertambahan pengambilan calon tempatan untuk memasuki maktab-maktab perguruan di Sabah, Kementerian saya sememangnya mengutamakan calon-calon tempatan untuk mengikuti kursus pendidikan perguruan di maktab-maktab perguruan di Sabah. Calon-calon dari Semenanjung ditempatkan di maktab-maktab perguruan di Sabah hanyalah setelah calon-calon tempatan tidak dapat memenuhi kekosongan yang ada yang mana jika tidak diisi negeri Sabah akan mengalami kekurangan guru yang lebih banyak setiap tahun.

Ahli Yang Berhormat dari kepong telah mencadangkan supaya bilangan guru-guru pelatih bahasa ibunda ditambah di maktab-maktab perguruan dan kursus masa cuti mestilah diteruskan. Saya suka terangkan di sini bahawa jumlah pengambilan guru-guru pelatih ke maktab-maktab perguruan oleh Kementerian Pelajaran telah dikurangkan bukan sahaja pada kursus perguruan untuk guru-guru SRJKC tetapi juga dikenakan kepada semua kursus perguruan lainnya baik di peringkat kursus perguruan sekolah rendah DSR mahu pun di peringkat kursus perguruan sekolah menengah BSM di negara ini. Memandangkan keadaan kewangan yang telah mengizinkan dan juga muatan (capacity) maktab yang terhad maka pengambilan guru-guru pelatih ke maktab perguruan untuk tahun 1984 akan dikurangkan lagi daripada yang telah dirancang pada awalnya. Latihan dalam perkhidmatan semasa cuti persekolahan bagi guru-guru sementara telah ditamatkan dengan pengambilan kumpulan terakhir pada tahun 1979 yang terdiri dari mereka yang mula berkhidmat pada atau sebelum 1hb Februari, 1979. Guru-guru sementara yang masih belum

mengikuti kursus perguruan asas di maktab perguruan adalah dinasihatkan supaya mengemukakan permohonan mereka untuk dipertimbangkan mengikut saluran-saluran biasa seperti calon-calon lain juga. Mereka hendaklah memenuhi syarat-syarat minima kemasukan yang ditetapkan seperti yang diiklankan dari masa ke semasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Labuk Sugut, Kluang dan Betong telah menyentuh mengenai kekurangan guru dan kaki tangan sokongan yang terlatih di sekolah-sekolah di luar bandar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kekurangan guru terlatih bukan sahaja didapati di kawasan luar bandar tetapi juga didapati di kawasan bandar negeri-negeri yang lain di Malaysia. Dari segi laithan guru pula Kementerian Pelajaran sentiasa bersikap positif terhadap perancangan melatih guru-guru agar dapat diagihkan guru-guru terlatih di semua sekolah dengan adil dan saksama supaya semua sekolah di bawah Kementerian Pelajaran mendapat guru-guru yang terlatih. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membekalkan guru-guru terlatih ke kawasan-kawasan luar bandar yang berkenaan demi kepentingan kemajuan murid-murid.

Berhubung dengan bekalan guru siswazah terlatih yang tidak mencukupi di sentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, suka saya terangkan di sini bahawa bekalan guru siswazah terlatih tidak dapat menampung semua keperluan negeri oleh kerana kekurangannya tidak mencukupi khasnya bagi matapelajaran yang tertentu seperti Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, dengan menyedari keperluan di Sabah maka bagi tahun 1984 Kementerian saya bercadang untuk membuat penempatan guru

siswazah dengan memberi kadar yang lebih tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut telah menyatakan bahawa guru-guru keluaran maktab 1974, 1975 dan 1976 tidak diberi perlantikan oleh sebab itu tidak ada pengesahan dalam jawatan dan tidak ada kenaikan pangkat. Ada di antara guru-guru yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun tetapi tidak disahkan dalam jawatannya, ini akan menjejaskan perkhidmatan dan prestasi guru-guru. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa hampir semua guru-guru keluaran maktab tahun 1974, 1975 dan 1976 telah dilantik ke jawatan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran tetapi sebilangan kecil telah ditinggalkan disebabkan masalah perhubungan dan maklumat yang dikemukakan tidak lengkap. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah dapat mengatasi masalah-masalah tersebut dan permohonan mereka telah diperakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Cawangan Sabah untuk tindakan perlantikan ke dalam jawatan tetap. Memandangkan bahawa perlantikan guru-guru tersebut masih belum selesai maka soal pengesahan dalam jawatan tidak timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut telah membangkitkan masalah guru-guru kategori C3 yang tidak diberi peluang kenaikan pangkat. Suka saya terangkan di sini bahawa guru-guru C3 adalah pegawai-pegawai yang memiliki sijil STP tetapi masih belum dilantik secara rasmi ke kategori C1 selepas lulus daripada maktab yang berkenaan. Memandangkan mereka masih belum lagi dilantik maka soal kenaikan pangkat bagi mereka adalah tidak timbul. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang layak untuk dinaikkan pangkat adalah mereka yang telah dilantik, disahkan ke dalam jawatan dan telah berkhidmat untuk satu-satu

tempoh tertentu mengikut Skim Perkhidmatan masing-masing kategori. Selain daripada itu, mereka juga perlu diperakukan atau sokongan oleh ketua jabatan yang berkenaan di samping terdapat jawatan kenaikan pangkat yang kosong bagi pegawai berkenaan dinaikkan pangkat. Memandangkan kriteria-kriteria yang telah ditentukan maka adalah di luar amalan biasa bagi mana-mana pegawai pelajaran yang masih belum dilantik untuk dinaikkan pangkat.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah membangkitkan masalah sekolah-sekolah kecil yang mengalami kekurangan buku dan kekurangan pengawasan. Tuan Yang Dipertua, suka saya terangkan di sini bahawa masalah kekurangan buku teks tidak timbul sebab sekolah-sekolah yang kecil adalah dibekalkan dengan buku-buku teks dengan secukupnya melalui skim pinjaman buku teks.

Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut telah meminta supaya pemberian susu bagi murid-murid sekolah rendah di Semenanjung dipanjangkan ke Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek susu sekolah sedang dijalankan sebagai satu projek printis di beberapa daerah dan kawasan yang terpilih di Semenanjung Malaysia. Di antara tujuan projek ini adalah menentukan kadar penyertaan murid-murid sekolah rendah dalam skim bayaran dan sambutan mereka terhadap susu lembu. Oleh sebab Kerajaan Negeri Sabah dengan kerjasama Yayasan Sabah telah pun mengadakan satu rancangan susu sekolah secara percuma semenjak tahun 1981 Kementerian Pelajaran tidak dapat melaksanakan projek susu sekolah sebagai projek printis di negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah membangkitkan perkara peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah bandar dan luar

bandar yang diberi secara 500 murid pertama sebanyak \$5 seorang. Beliau menyarankan patut dilebihkan sedikit bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini didapati kurang jelas kerana tidak dinyatakan dengan setepat-tepatnya jenis peruntukan yang beliau maksudkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan kewangan ke sekolah-sekolah terdapat dalam berbagai bentuk yang berdasarkan kepada saiz sekolah sebagai faktor utama. Saiz sekolah ini juga secara langsung dapat menjelaskan keadaan lokasi sesebuah sekolah itu iaitu sama ada ianya terletak di bandar atau di luar bandar. Umpamanya, sekolah-sekolah kecil yang sangat rendah enrolmentnya lazimnya terdapat di luar bandar dan di kawasan peladangan. Dengan yang demikian sekolah-sekolah tersebut diberikan peruntukan yang khas. Saya harap sekurang-kurangnya dapat menjelaskan sebahagian daripada pertanyaan Ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan cadangan beliau supaya maktab-maktab rendah ditubuh oleh Kementerian saya, ingin saya menjelaskan di sini bahawa buat masa ini Kementerian saya belumlah bercadang mewujudkan satu peringkat atau hirarki lagi iaitu maktab rendah dalam sistem persekolahan kebangsaan kita. Pertamanya, ianya pada hemat saya belum lagi dirasakan begitu perlu. Kedua pada masa ini Kerajaan telah sekian lama mewujudkan rancangan kelas metrikulasi dan rancangan ini masih terus dipergiatkan lagi dalam proses perkembangannya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan pelajaran teknik dan vokesyenal.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah mencadangkan supaya pelajar-pelajar yang telah lulus

peperiksaan SRP, SPM dan STP diberi kemahiran teknikal. Suka saya menjelaskan di sini bahawa di samping kursus-kursus ketukangan di sekolah-sekolah menengah vokesyenal untuk kelulusan SRP, Kementerian Pelajaran telah dan akan menjalankan sekumpulan kursus-kursus kemahiran di bawah skim kursus pendek untuk lulusan SRP dan SPVM dan SPM.

Kursus pendek dibahagikan kepada dua kategori. Yang pertama, 8 bidang dari kursus ketukangan asas untuk pelajar-pelajar yang menduduki SRP. Yang kedua, 13 bidang dari kursus ketukangan (specialised) untuk pelajar-pelajar yang menduduki SPVM dan SPM. Tempoh untuk kedua-dua kategori kursus tersebut ialah tidak lebih dari satu tahun.

Pada tahun 1982 seramai 125 orang telah dilatih dan seramai 1,060 orang pelatih dijangka akan diambil pada tahun 1986. Bilangan pengambilan kursus ini akan terus meningkat apabila kemudahan bengkel dan lain-lain dapat ditambahkan. Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya semua sekolah vokesyenal dijadikan politeknik dan mengambil pelajar-pelajar tingkatan V.

Suka saya menjelaskan di sini bahawa Sekolah Menengah Vokesyenal dan Politeknik adalah dua institusi pengajian yang berlainan sama sekali dari segi konsep mahupun matlamat penubuhannya. Politeknik diwujudkan bagi melatih murid-murid yang telah tamat pengajian mereka di peringkat menengah, sementara Sekolah Menengah Vokesyenal bertujuan untuk melengkapkan murid-murid dengan asas-asas kemahiran amali yang dapat membantu mereka mendapatkan pekerjaan di bidang perusahaan serta boleh dilatih seterusnya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari kawasan Batang

Lupar, untuk membina sebuah sekolah vokesyenal bagi tiap-tiap bahagian di negeri Sarawak, suka saya menjelaskan di sini bahawa pada masa ini di Sarawak terdapat sebanyak 4 buah sekolah menengah vokesyenal dengan bilangan penuntutnya sebanyak 523 murid. Sebuah sekolah dalam pembinaan ialah SWV Betong dan dijangka dimulakan dalam tahun 1984. Sebanyak 5 buah lagi sekolah menengah vokesyenal sedang dirancangkan bagi negeri Sarawak. Apabila siap kelak akan terdapat 10 buah sekolah menengah vokesyenal di Sarawak.

Berhubung dengan persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih mengenai peruntukan untuk pembinaan 34 buah sekolah menengah vokesyenal, 9 buah sekolah menengah teknikal dan 4 buah politeknik serta kekurangan bilangan sekolah SME dan SWV serta politeknik untuk keperluan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya peruntukan sebanyak \$81,042,860/- bagi tahun 1984 adalah termasuk kos pembinaan pengambilan tanah bagi 35 buah SMV, 5 buah politeknik dan juga projek tambahan di beberapa buah sekolah menengah vokesyenal dan sekolah menengah teknik. Kementerian saya akan sentiasa menambah bilangan sekolah menengah vokesyenal dari masa ke semasa mengikut keperluan negara.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Ahli dari Lambir untuk menambahkan bilangan pelajar-pelajar di politeknik, suka saya menjelaskan di sini bahawa Kementerian saya pada ketika ini sedang berusaha menambahkan bilangan politeknik daripada 3 yang ada sekarang kepada 7 pada tahun 1988. Djangka jumlah penuntut bagi kesemua politeknik menjelang tahun 1988 ialah sebanyak 6,292 orang. Kementerian saya juga akan berusaha

lagi menambah bilangan politeknik dalam Rancangan Malaysia Kelima mengikut keperluan tenaga terlatih di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Lumpur Bandar, Parit, Kepong, Betong dan Kota Melaka telah mendesak Kerajaan membina lebih banyak lagi universiti. Suka saya menjelaskan di sini bahawa bilangan universiti perlu dikawal di negara ini untuk mengelakkan kejadian seperti di setengah negara-negara sedang membangun yang mana beribu-ribu graduan telah dikeluarkan setiap tahun daripada berpuluh-puluh universiti yang mana taraf dan mutu akademiknya tidak terjamin dan mengakibatkan beribu-ribu graduan yang tidak mendapat pekerjaan. Keadaan ini perlu dielak dan dikawal di negara ini. Dengan tujuan yang sama Kerajaan tidak dapat menambahkan penubuhan universiti swasta yang dicadang oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Lambir memandangkan ianya akan membawakan berbagai masalah baikpun dari segi mutu, perbelanjaan ataupun dari segi sosial dan dasar-dasar negara yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai Dasar Pelajaran Tinggi, suka saya menjelaskan di sini bahawa Dasar Pelajaran Tinggi di negara ini adalah liberal. Semua pelajar-pelajar yang berkelayakan mempunyai peluang yang sama untuk melanjutkan pelajaran tinggi di negara ini berdasarkan kepada kuota-kuota kemasukan yang telah ditetapkan.

Mengenai cadangan Ahli yang Berhormat dari kawasan Sungai Besi supaya Kerajaan mengkaji semula permohonan penubuhan Universiti Merdeka, perkara ini tidak dapat diadakan kerana keputusan Mahkamah Tinggi telah pun dibuat dan perkara ini hendaklah dianggap sebagai muktamad dan telah selesai.

Mengenai Universiti Islam Antarabangsa, saya perlu mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa konsep, prinsip-prinsip serta tujuan menubuhkan Universiti ini tidak serupa dengan cadangan penubuhan Universiti Merdeka. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa adalah berasaskan dengan prinsip-prinsip Islam.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Betong telah merayu supaya lebih banyak pelajar-pelajar dari Sarawak diberi tempat di Institut Teknologi MARA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar dari Sarawak memasuki ITM memang telah dipertingkatkan dari setahun ke setahun. Umpamanya pada tahun 1978 bilangan kemasukan pelajar-pelajar Sarawak ke semua kampus ITM yang berjumlah 568 orang telah dipertingkatkan kepada 653 dalam tahun 1980; 765 dalam tahun 1981; 1,307 dalam tahun 1982 dan 1,657 dalam tahun 1983. Bagi kampus ITM Cawangan Sarawak sendiri, daripada 478 pelajar pada tahun ini, 452 orang pelajar adalah merupakan pelajar-pelajar dari Sarawak. Saya juga suka memaklumkan bahawa berdasarkan pelajar-pelajar ITM adalah dianggarkan kira-kira 3,250 orang pelajar Sarawak akan diambil masuk ke ITM pada tahun 1990.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang terhormat itu supaya pelajar-pelajar ke ITM diberi peluang mempelajari bahasa Jepun dan Korea, sebenarnya pada masa ini bahasa Jepun memang telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar di ITM bermula kira-kira dalam tahun 1975 lagi iaitu sebagai kursus pilihan.

Mengenai masalah pelajar-pelajar di luar negeri yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parit, Kementerian Pelajaran memang sedar akan masalah yang dihadapi itu dan pegawai-pegawai yang sesuai serta

yang terlatih telah sedia ditempatkan di negeri-negeri yang berkenaan untuk membantu dan membimbing pelajar-pelajar kita sebagaimana disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Di samping itu mulai tahun ini pelajar-pelajar yang akan dihantar ke luar negeri dikehendaki mengikuti kursus persediaan selama 6 bulan terlebih dahulu.

Mengenai kegiatan dakwah ekstrim yang disebut oleh Yang Berhormat dari Parit, Kerajaan memang sedar kegiatan ini. Oleh itu Pegawai Agama Kementerian saya di Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri telah memainkan peranan penting menyekat kegiatan tersebut dari menular di kalangan pelajar-pelajar kita. Kementerian saya juga adalah menghantar Pegawai Agama ke luar negeri untuk meninjau kegiatan tersebut di samping memberi ceramah. Untuk maklumat Yang Berhormat, pihak Kerajaan memang mengambil tindakan menarik balik pemberian biasiswa sekiranya didapati mana-mana pemegangnya yang mengambil atau melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan menentang Kerajaan. Kuasa ini memang ada di dalam peruntukan syarat-syarat perjanjian.

Mengenai pemberian biasiswa untuk pelajar-pelajar tempatan, suka saya jelaskan di sini bahawa mereka adalah juga dihadiahkan biasiswa, dermasiswa mengikut disiplin pengajian yang diperlukan oleh Kerajaan. Bagi tahun ini sebanyak \$2.8 juta dibelanjakan untuk pemberian ini.

Mengenai bantuan kepada pelajar-pelajar Metrikulasi Asasi pula, sebagai maklumat Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Pelajaran memang telah memperuntukkan sebanyak \$1.9 juta tiap-tiap tahun bagi tujuan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah mencadangkan supaya

Kementerian Pelajaran mengkaji semula cara-cara pemilihan pelajar-pelajar yang dihantar ke seberang laut mengikut kuota negeri-negeri. Suka saya terangkan di sini bahawa Kementerian saya sememangnya membuat kajian mengenai perkara ini dari semasa ke semasa dan pemilihan adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditentukan di dalam program ini yang merangkumi prestasi akademik dan sosio-ekonomi. Oleh itu adalah sukar bagi Kementerian untuk menentukan pelajar-pelajar mengikut negeri supaya pemilihan ini dianggap adil kerana kalau keputusan peperiksaan pelajar itu tidak memuaskan, maka ia mungkin tidak diterima oleh universiti di luar negeri.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh aktiviti pembangunan di bawah Kementerian Pelajaran dan saya ingin memberi sedikit penjelasan mengenai perkara-perkara yang disentuh itu. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang, Beruas, Kuala Lumpur Bandar dan Larut mencadangkan supaya peruntukan pembangunan yang mencukupi diberi untuk membolehkan pembinaan sekolah-sekolah, rumah guru, bilik darjah tambahan dan asrama. Kementerian saya sedar bahawa pembinaan sekolah-sekolah adalah penting, dengan sebab itu sebahagian besar daripada peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keempat diluluskan untuk pembangunan sekolah-sekolah. Akan tetapi dalam keadaan jimat-cermat Kerajaan sekarang, potongan peruntukan telah dikenakan kepada beberapa projek dan ini akan sedikit sebanyak menjejaskan pencapaian matlamat yang dirancangkan.

Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran telah pun mengambil langkah bagi mengatasi masalah ini dengan melancarkan projek pembinaan kilat untuk 754 buah bilik darjah bagi sekolah-sekolah rendah

dan 1,192 buah bilik darjah bagi sekolah-sekolah menengah dalam tahun ini untuk menampung keperluan bilik darjah bagi tahun 1984.

Berhubung dengan menyediakan kemudahan rumah guru pula, sukalah dinyatakan bahawa aspek ini memang diberi perhatian oleh Kementerian saya khususnya bagi mengatasi masalah tempat kediaman guru di luar bandar. Untuk tujuan ini dalam Rancangan Malaysia Keempat sejumlah 497 buah projek rumah guru di Semenanjung diluluskan oleh Kementerian saya, Setakat ini sebanyak 242 buah rumah guru telah pun siap dibina dan bakinya dalam proses pembinaan.

Mengenai pembinaan kemudahan asrama pula, sukita dinyatakan bahawa aspek ini memang diberi perhatian khususnya di sekolah-sekolah luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Keempat misalnya, sejumlah 137 buah asrama di Semenanjung bagi menempatkan seramai 22,950 orang murid dirancangkan pembinaannya. Setakat ini sejumlah 48 buah asrama telah pun siap dibina dan bakinya dalam proses pembinaan.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas telah meminta Kerajaan membina lebih banyak sekolah-sekolah agama. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 10 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang baru telah dirancangkan di seluruh Malaysia termasuk 7 buah di Semenanjung, 2 di Sabah dan 1 di Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan persoalan mengenai pembangunan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dasar

pembangunan sekolah adalah berpandukan kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan. Oleh yang demikian, pembangunan Sekolah-sekolah Kebangsaan adalah diberi keutamaan, akan tetapi di mana perlu pembangunan serta pembaikan bagi SRJK (C) dan SRJK (T) diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran.

Hakikat ini jelas dengan adanya projek baru gantian tambahan serta pembaikan sekolah yang dijalankan bagi SRJK (C) dan SRJK (T) selama ini misalnya dalam tempoh tahun 1981 hingga 1983 untuk SRJK (C) dan SRJK (T) dalam kategori sekolah bantuan penuh milik Kerajaan sejumlah \$55,370,895 juta disediakan untuk SRJK (C) dan sejumlah \$13,702,966 untuk SRJK (T) bagi membina bangunan gantian dan tambahan.

Di samping itu SRJK (C) dan SRJK (T) dalam kategori bantuan penuh bukan milik Kerajaan pula bantuan modal sebanyak \$15 juta bagi membiayai sebahagian daripada projek mereka disediakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Yang Berhormat dari Jerai ada membangkitkan persoalan mengenai pembinaan sekolah-sekolah di Kedah yang mana kontraknya diberi kepada sebuah syarikat sahaja dan menyebabkan pemborong-pemborong kecil tidak diberi peluang.

Suka saya jelaskan di sini oleh kerana sistem pembinaan sekolah-sekolah tersebut menggunakan satu sistem yang baru, sistem pasang siap maka kesemua sekolah terpaksa disatukan di bawah sebuah kontrak sahaja. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengurusan projek. Walau bagaimanapun, sukalah dimaklumkan juga iaitu dalam kontrak tersebut telah ditetapkan bahawa kerja-kerja sub-kontrak hendaklah diserahkan kepada pemborong-pemborong kecil bumiputera. Yang demikian adalah tidak benar bahawa

pemborong-pemborong kecil tidak mendapat faedah daripada kontrak tersebut.

Tuan Yang Dipertua, program-program di bawah Kementerian saya telah menarik perhatian banyak Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berkesempatan mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai program-program Kementerian saya. Teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah merupakan teguran-teguran yang membina. Kementerian saya akan mengambil ingatan mengenai kesemua cadangan-cadangan tersebut serta memberi perhatian yang sewajarnya di mana-mana yang perlu. Kementerian saya akan terus berusaha untuk memperbaiki serta mempertingkatkan prestasinya demi kepentingan rakyat dan negara.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

5.24 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin dengan hormatnya untuk mengambil bahagian menggulung perbincangan yang berkaitan dengan belanjawan negara yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh tentang Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah menyentuh

mengenai dasar galakan perindustrian kecil di luar bandar di mana terdapat masalah bersabit dengan jenis barangan yang akan dikeluarkan, design dan penyelarasan pembangunan industri kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai kajian galakan dan penyelarasan pembangunan industri kecil memang ada agensi pusat tertentu yang telah diberi tanggungjawab menyelaraskannya. Seterusnya berkaitan dengan perkara yang telah dikaitkan dengan pisau getah yang telah dibuat oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di mana didapati negara kita telah mengimport pisau getah dari Thailand yang bernilai lebih dari \$2 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek kilang besi KEDA adalah salah satu projek yang diusahakan dan digalakkan untuk membangunkan industri kecil dengan menggunakan bahan-bahan tempatan. Dengan usaha-usaha KEDA ini kemahiran yang ada itu dapat dikendalikan dengan berkesan dan lebih luas lagi. Berhubung dengan ini Yang Berhormat juga menyentuh mengenai alat menoreh getah elektronik dari negara Jepun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selain daripada pisau getah kilang besi KEDA juga mengeluarkan peralatan-peralatan pertanian yang lain seperti pisau, parang, golok dan lain-lain. Disebabkan alat menoreh getah elektronik ini masih lagi di peringkat awal dan memerlukan kajian serta penyesuaian tertentu maka penggunaannya secara besar-besaran akan memakan masa yang agak panjang.

Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh mengenai dakwaan berkaitan dengan penyelewengan kewangan Tabung Ses RISDA. Dalam masalah ini sebagaimana Ahli-ahli Dewan maklum, Kementerian telah pun mengubahsuai organisasi RISDA

dan penyusunan semula mengenainya telah pun selesai. Beberapa pengumuman dan juga prestasi bagi tahun-tahun akan datang telah pun dibuat. Adalah diharapkan dengan penyusunan semula itu maka masa depan pekebun-pekebun kecil adalah lebih cerah.

Saya telah membuat satu pengarahannya yang khusus berkaitan dengan syarikat-syarikat RISDA sendiri yakni atas dasar bahawa sekiranya syarikat-syarikat tertentu terus-menerus rugi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan maka ianya hendaklah ditutup. Pada masa ini ada 3 buah syarikat RISDA yang dianggap memberi keuntungan besar dan ianya akan dikumpulkan sebagai bahan-bahan atau sumber ekonomi bagi seluruh pekebun-pekebun kecil.

Yang Berhormat dari Julau telah membangkitkan masalah memperluaskan agensi-agensi di bawah Kementerian saya seperti FELDA dan FELCRA ke Sarawak, dalam perkara ini saya menyatakan bahawa FELDA sedang giat di negeri Sarawak dalam usaha membuka beberapa kawasan untuk ditanam dengan kelapa sawit dan koko. Oleh kerana kegiatan FELDA di Sabah ini cuma baru mula, saya percaya tidak banyak lagi kemajuan yang dapat ditunjukkan. Walau bagaimanapun, oleh kerana kawasan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada FELDA di Sabah adalah luas kemungkinan kemajuan FELDA di sana di masa-masa akan datang akan lebih pesat dan besar lagi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum sebelum FELDA dapat menjalankan kegiatannya di mana-mana negeri ia perlulah diperuntukkan kawasan hutan terlebih dahulu. Tugas utama FELDA adalah untuk membuka kawasan-kawasan baru untuk dimajukan dan dimasukkan dengan peneroka-peneroka yang tidak mempunyai tanah dari luar.

Berkenaan dengan FELCRA pula, agensi ini telah memperluaskan kegiatannya di Sarawak dengan melibatkan diri dalam kegiatan pembukaan tanah dalam kawasan RASCOM. Buat jangka ini Kementerian tidak ada rancangan untuk memperluaskan kegiatan agensi ini ke Sabah lebih-lebih lagi setelah agensi tersebut diarahkan supaya agensi ini tidak lagi melaksanakan kegiatan-kegiatan pembukaan tanah baru tetapi mempergiatkan tugas untuk memulihkan kawasan-kawasan tanah terbiar di kampung-kampung tradisional. Selain dari itu saya dapati bahawa di kedua-dua buah negeri iaitu Sabah dan Sarawak telah pun mempunyai agensi tertentu yang sedang melaksanakan kegiatan-kegiatan pembukaan tanah ala FELDA.

Yang Berhormat dari parit menyentuh tentang terdapatnya kawasan sawah terbiar dalam kawasan Seberang Perak dan menimbulkan hasrat supaya Kementerian mengambil tindakan-tindakan yang positif bagi memajukan kawasan ini. Sebenarnya Kerajaan sedar masalah ini dan telah mengambil tindakan yang begitu positif dengan mendapatkan pinjaman dari Bank Dunia khas untuk memajukan kawasan tersebut. Bagi makluman Yang Berhormat penggunaan pinjaman ini sedang berjalan bagi membangunkan kawasan ini dan pembangunan kawasan tersebut adalah dibahagikan kepada dua jenis. Pertama ialah untuk memulihkan kawasan-kawasan sawah yang telah sedia ada di kampung tersebut. Kedua, ialah bagi kawasan-kawasan baru untuk ditanamkan dengan padi dan tanaman kekal seperti kelapa sawit dan koko.

Masalah tanah terbiar sebagaimana yang telah dinyatakan beberapa kali oleh Kementerian boleh diberikan kepada dua.

Pertama ialah tentang sawah yang tidak dijayakan dengan memuaskan; dan

Kedua, kampung-kampung tradisional yang juga terbiar. Bagi kawasan-kawasan sawah yang boleh diteruskan dengan penanaman padi atau dipulihkan semula dengan padi ini adalah tugas Kementerian Pertanian dan segala tindakan sedang dirangka dan diteruskan oleh Kementerian tersebut. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan sawah yang tidak lagi boleh diteruskan dengan tanaman padi, Kementerian saya melalui agensi FELCRA akan mengambilalih tugas ini dan akan mendapat persetujuan daripada tuan tanah supaya dapat kawasan-kawasan ini dimajukan dengan tanaman-tanaman kekal.

Berkenaan dengan memulihkan kawasan-kawasan terbiar di kampung-kampung tradisional ini juga akan dilaksanakan oleh FELCRA di masa-masa akan datang. Rancangan serta perbincangan dengan pihak-pihak tuannya tanah dan Kerajaan Negeri sedang pesat dijalankan dan adalah dijangkakan bahawa sejumlah kira-kira \$36 juta akan dibelanjakan oleh agensi ini bagi tahun hadapan sahaja dalam usaha pemulihan.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjawab masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Batang Padang yang khusus telah mengemukakan syor untuk memberi keistimewaan kepada bekas-bekas pekerja lombong untuk menyertai rancangan tanah FELDA. Untuk makluman Yang Berhormat mereka ini bolehlah dipertimbangkan sekiranya mempunyai kelayakan untuk menjadi peneroka biasa. Saya tidak dapat mengadakan suatu skim tertentu bagi mereka ini kerana ada kemungkinan mereka ini akan meninggalkan rancangan FELDA sekiranya keadaan atau kedudukan perusahaan bijih

timah bertambah baik di masa-masa akan datang, tambahan pula kebanyakan mereka ini adalah penduduk-penduduk tempatan yang telah berkeluarga dan mempunyai rumah dan tanah sendiri. Oleh yang demikian adalah sukar bagi mereka untuk meninggalkan kampung halaman masing-masing memandangkan kemudahan yang sedia ada, sedangkan memasuki rancangan ini adalah sebagai suatu penghijrahan yang baru bagi mereka.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas segala teguran dan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mana-mana perkara yang tidak tercatat di dalam jawapan ini insya Allah akan diberi penjelasan dan juga pandangan khas oleh Kementerian ataupun atas tindakan-tindakan dari masa ke semasa.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

5.33 ptg.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh di dalam perbahasan Anggaran Belanjawan tahun hadapan bagi Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Betong dan Jasin telah menyentuh mengenai MARA sementara Ahli Yang Berhormat dari Betong telah menyentuh lagi mengenai Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Mengenai elektrik luar bandar, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Sungai Petani, Kinabatangan, Parit

Buntar, Parit, Ulu Nerus, Ulu Muda, Kuala Kedah dan Matang telah menyentuh mengenai tajuk yang sama.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, Ulu Rajang, Padang Rengas, Kinabatangan, Parit Buntar, Parit, Batang Lular, Ulu Muda, Kuala Kedah dan Matang telah juga menyentuh mengenai rancangan air luar bandar. Mengenai jalan luar bandar pula Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, Padang Rengas, Bukit Mertajam, Kinabatangan, Parit Buntar, Parit, Ulu Muda, Kuala Kedah dan Matang.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyentuh mengenai rancangan pemodenan Kampung, sementara Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah menyentuh mengenai Koperasi Pembangunan Daerah. Mengenai Koperasi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Kepong telah turut membahas.

Mengenai MARA Ahli Yang Berhormat dari Betong telah mencadangkan supaya MARA memberi penerangan mengenai perannya supaya boleh dimanfaatkan oleh rakyat di Sarawak. Saya akan terus melaksanakan rancangan penerangan ini dengan lebih pesat di masa-masa yang akan datang.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Jasin supaya Amanah Saham MARA diberhentikan kerana sudah ada Amanah Saham Nasional. Saya rasakan kita akan menjadi lebih mewah dengan adanya lebih banyak institusi pelaburan seperti Amanah Saham MARA dan Amanah Saham Nasional.

Mengenai Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Ahli Yang Berhormat dari Betong telah mencadangkan supaya Kementerian memperbanyakkan pusat-pusat kraftangan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas perhatian dan

galakan daripada Ahli Yang Berhormat. Saya akan menyelidiki projek kraftangan di tempat Ahli Yang Berhormat yang dikatakan telah terkandas sekarang ini, insya Allah keadaan itu akan diperbaiki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat gerai ataupun rumah Sarawak di perkampungan pemasaran Karyaneka di Jalan Raja Chulan akan dibuka tidak lama lagi, insya Allah hasil-hasil Kraftangan daripada negeri Sarawak akan dapat dibawa ke situ untuk dipasarkan bersama-sama dengan hasil kraftangan dari negeri-negeri lain.

Mengenai elektrik luar bandar, saya ingin menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar mengenai keperluan elektrik di kampung-kampung di luar bandar baik di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Dengan adanya elektrik di luar bandar, maka banyak usaha yang boleh dijalankan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan meningkatkan mutu hidup rakyat, tidaklah susah bagi Kementerian untuk melaksanakan projek-projek elektrik luar bandar asalkan negara tidak menghadapi kemelesetan ekonomi akibat dari kemelesetan ekonomi dunia. Saya sedar banyak rakyat masih menunggu elektrik sejak merdeka.

Mengenai air luar bandar Kerajaan juga sedar masalah perlunya air bersih dan air tidak cukup perlu dicukupkan untuk kegunaan masyarakat luar bandar baik untuk keperluan di rumah, di sekolah bagi keperluan pertanian dan perindustrian, sama ada Kerajaan dapat menyegerakan bergantung kepada wang negara yang ada dan susunan priorities. Saya bersyukur kerana kesabaran masyarakat luar bandar menunggu giliran sampainya bekalan air ada sehingga masa ini, usaha akan terus dijalankan untuk mengadakan air luar bandar mengikut kemampuan-kemampuan semasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai jalan luar bandar yang banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya menyatakan usaha untuk mengtarkan jalan yang sudah ada, membesarkan jalan yang kecil, menyambung jalan yang pendek, mengadakan jalan di tempat yang belum ada jalan untuk kegunaan anak-anak, orang-orang dewasa dan orang-orang tua di mana juga di seluruh negara bergantung sekali lagi kepada susunan priority dan kemampuan kewangan negara.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengingatkan saya mengenai tugas-tugas ini, begitu berat mata memandang, lebih berat bahu memikul. Tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat menyampaikan kehendak rakyat sungguh mengkagumkan jika dibandingkan dengan ahli-ahli Pembangkang yang tidak begitu minat mengenai perkara-perkara yang berkait dengan pengundi-pengundi mereka. Setakat ini semua kehendak rakyat yang Ahli-ahli Yang Berhormat nyatakan mendapat perhatian, pihak Kementerian saya, insya Allah dari masa ke semasa program ini akan dilaksanakan sehingga ianya memuaskan hati semua pihak, tetapi ianya memakan masa.

Mengenai rancangan pemodenan kampung yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, ingin saya menyatakan bahawa rancangan ini sudah diganti dengan rancangan industri kampung. Adalah menjadi pendapat Kerajaan lebih baik kita mengajar seseorang itu mengail dari kita memberi kepadanya seekor ikan. Oleh itu peluang untuk mendirikan industri di kampung-kampung perlu disambut oleh rakyat jelata dan wang peruntukan untuk membeli mesin-mesin untuk usaha industri di kampung—ada. Jika sekiranya, rakyat di kampung ingin mengadakan industri kampung, mereka boleh menubuhkan

koperasi dan peraturan ataupun undang-undang kecil Koperasi Industri Kampung sudah siap untuk digunakan apabila pendaftaran perlu dibuat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendirikan industri kampung melalui Koperasi Industri Kampung, pihak Kementerian telah membatalkan syarat perlu ada 100 orang sebelum Koperasi didaftar, walau 10 orang sekalipun Koperasi Industri Kampung akan didaftar supaya tidak perlu penduduk luar bandar cuba mendaftarkan Syarikat-syarikat Sdn. Bhd., yang mempunyai banyak perkara-perkara lain yang diperlukan oleh undang-undang.

Mengenai Koperasi Pembangunan Daerah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas keyakinan Ahli Yang Berhormat mengenai potensi Koperasi Pembangunan Daerah ini. Koperasi Pembangunan Daerah adalah satu konsep koperasi gotong-royong yang sedang diperkenalkan selaras dengan cita-cita Kerajaan untuk mengadakan program yang ada seperti di Korea yang disebutkan "Saemul Undong".

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menyebut mengenai koperasi di Sarawak. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa usaha untuk mengemaskan koperasi di Sarawak berlandaskan kepada pengalaman baik yang telah kita lalui di Malaysia sedang dilaksanakan sekarang ini. Insya Allah, usaha yang pesat ini akan memberi hasil yang sama baik, bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di Sabah.

Perkara-perkara lain yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah sebutkan telah pun dicatat dan telah pun dimasukkan di dalam fail kawasan masing-masing untuk tindakan Kementerian selanjutnya.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya menjemput Timbalan Menteri Buruh menjawab bagi pihak Menteri.

5.41 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil peluang mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi segala pandangan, teguran dan cadangan berhubung dengan beberapa perkara di bawah Kementerian Buruh. Kementerian saya akan memberi perhatian yang teliti kepada semua pandangan, teguran dan cadangan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh mengenai masalah kekurangan tenaga pekerja yang sedang dialami oleh negara kita sekarang ini dan telah mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya memang sentiasa memberi perhatian yang berat atas masalah ini. Kementerian saya telah mencadangkan langkah-langkah jangka pendek dan juga langkah-langkah jangka panjang bagi menyediakan tenaga pekerja mahir dan separuh mahir bagi memenuhi keperluan di setiap sektor pekerjaan.

Buat masa sekarang ini hanya terdapat 2 buah sahaja institut latihan perindustrian yang bergerak cergas dalam memenuhi keperluan tenaga mahir, iaitu Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur dan Institut Latihan Perindustrian Perai. Dari tahun 1975 hingga 1983 seramai 8,198 orang telah tamat latihan dalam berbagai bidang ketukangan di kedua-dua institut tersebut. Bagi tahun 1983 ini sahaja seramai 1,658 orang akan

menamatkan latihan. Selain dari itu sebuah lagi Institut Latihan Perindustrian di Pasir Gudang, Johor telah pun memulakan kursus dalam ketukangan binaan sejak akhir tahun 1982. Institut tersebut dan 2 buah lagi, iaitu di Kuala Terengganu dan Labuan dijangka akan berfungsi dengan sepenuhnya pada pertengahan tahun 1984 akan datang ini. Menjelang tahun 1988 adalah dijangka 5 buah institut latihan perindustrian lagi akan siap dibina dan memulakan kursus-kursus latihan.

Tempat-tempat di mana institut-institut itu akan diadakan dan tarikh-tarikh siap adalah seperti berikut:

- (1) di Alor Setar dijangka siap pada bulan Januari, 1986;
- (2) di Ipoh pada bulan Januari, 1986;
- (3) di Kuantan pada bulan Januari, 1986;
- (4) di Melaka pada bulan Januari, 1988; dan
- (5) di Kota Bharu pada bulan Januari, 1988.

Tuan Yang Dipertua, dengan siapnya kesemua institut latihan perindustrian itu kelak jumlah tenaga pekerja mahir dan separuh mahir akan dapat dipertingkatkan lagi sehingga menjelang tahun 1990. Adalah dijangka bahawa jumlah pelatih yang akan dikeluarkan oleh institusi tersebut dari tahun 1983 sehingga tahun 1990 adalah seperti berikut:

Dalam jurusan Bahagian Mekanikal seramai 4,604 orang.

Bahagian Kejuruteraan Letrik seramai 2,154 orang.

Bahagian Pembinaan seramai 2,292 orang.

Bahagian Percetakan seramai 232 orang.

Jumlah dijangk semua ialah 9,282 orang.

Di samping kursus-kursus biasa yang terdapat di institut-institut latihan perindustrian, Kementerian saya juga sedang mengelolakan kursus-kursus khas di tapak binaan sebagai langkah jangka pendek bagi menyediakan tenaga mahir dalam industri binaan. Kursus ini yang telah bermula pada bulan Mac, 1981 telah berjaya melatih seramai 460 orang.

Dalam menggalakan latihan perindustrian di peringkat tinggi, Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Jepun akan menubuhkan sebuah pusat latihan pengajar dan kemahiran lanjutan bertempat di Shah Alam yang mana dijadualkan siap dalam bulan Mac, 1985 dengan kemampuan untuk melatih seramai 375 orang setahun. Dengan adanya pusat latihan seperti ini maka daya usaha untuk meningkatkan kemahiran dan memperbanyakkan tenaga mahir bagi menampung keperluan pembangunan industri sejajar dengan matlamat perindustrian negara akan dapat dicapai dengan lebih berkesan lagi. Tenaga-tenaga pengajar bagi pusat ini akan terdiri dari pakar-pakar yang dibawa dari Jepun melalui Program Kerjasama Teknik. Dengan itu kita bukan sahaja mendapat perpindahan teknologi moden dalam perindustrian, malahan proses ini akan juga dapat menyelamatkan pertukaran wang asing dengan mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri untuk mendapatkan latihan kemahiran.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang tenaga pekerja di ladang-ladang di negara kita dan layanan yang diberikan oleh majikan kepada mereka sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kebanyakan pekerja-pekerja ladang adalah menjadi ahli kesatuan sekerja seperti Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) dan Kesatuan Kakitangan Ladang-ladang

Seluruh Tanah Melayu (AMESU) yang meliputi pekerja-pekerja dalam ladang-ladang getah, kelapa sawit, koko, kelapa dan lain-lain. Jumlah keahlian NUPW dan AMESU pada bulan September, 1983 ini ialah seramai 111,525 orang. NUPW merupakan sebuah kesatuan yang mempunyai keahlian yang terbesar di negara kita dan ianya mengadakan perjanjian-perjanjian bersama di antara pihak majikan dan pekerja bagi sesuatu tempoh yang tertentu untuk memelihara kebajikan pekerja-pekerja. Sebelum sesuatu perjanjian bersama dapat dipersetujui, perkara-perkara mengenai kadar gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan lain-lain kemudahan dirundingkan dan ditetapkan.

Memandangkan NUPW merupakan sebuah kesatuan sekerja terbesar yang mempunyai bilangan ahli yang ramai, tidak dapat dinafikan bahawa kesatuan sekerja bagi pekerja-pekerja ladang itu dapat menjaga kepentingan ahli-ahli kesatuan berkenaan. Oleh hal yang demikian, kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan tidaklah merupakan faktor utama yang menyebabkan kekurangan tenaga pekerja di ladang-ladang.

(Tuan Yang Dipertua,
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ialah mengenai rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Adalah tidak menjadi dasar Kerajaan untuk menyekat pekerja-pekerja Malaysia dari keluar bekerja di Singapura atau di negara-negara lain. Kerajaan memberi kebebasan penuh kepada rakyat untuk memilih tempat pekerjaan mereka sendiri. Oleh itu memang ada pekerja-pekerja Malaysia yang berhijrah ke Singapura untuk bekerja, khususnya dalam perusahaan binaan atas dorongan gaji yang lebih tinggi.

Mengikuti kajian yang dibuat oleh Kementerian Buruh, dalam tahun 1980 bilangan pekerja kita di Singapura dianggarkan di antara 100,000 hingga 120,000 orang. Jumlah tersebut mungkin semakin berkurangan memandangkan Kerajaan Singapura sendiri sedang dalam proses penyusunan semula ekonomi dan polisinya dalam 2 tahun kebelakangan ini dengan mengambil langkah-langkah menuju ke arah menggantikan industri-industri intensif buruh kepada yang menggunakan teknologi tinggi.

Tuan Yang Dipertua, adalah didapati bahawa penghijrahan seumpama ini adalah sementara sahaja. Terdapat ramai pekerja-pekerja tersebut kembali ke tanahair selepas sesuatu tempoh apabila mereka memperoleh pengalaman dan kemahiran yang lebih di bidang masing-masing dan dengan itu berjaya mendapat pekerjaan yang tinggi gajinya di tanahair sendiri. Di antara langkah-langkah persediaan yang sentiasa diambil ialah dengan menyediakan pekerjaan lain sekembalinya mereka ke sini. Ini dapat dilakukan sekiranya mereka mendaftarkan diri di Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh. Dengan pengalaman dan kemahiran yang mereka miliki tidaklah begitu sukar bagi Pejabat Tenaga Rakyat untuk menempatkan mereka atau mendapatkan mereka pekerjaan-pekerjaan yang sesuai di negara sendiri.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin menggesa kepada majikan-majikan supaya memberi kerjasama dengan menggajikan mereka ini dan menawarkan kadar gaji dan lain-lain kemudahan setaraf dengan pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh pekerja-pekerja tersebut. Selain dari itu, Kementerian saya akan sentiasa mengambil tindakan untuk menasihatkan majikan-majikan di tanahair supaya menambahkan kadar

gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja mereka kalau tidak pun sama dengan apa yang dibayar di Singapura oleh majikan-majikan di Singapura tetapi biarlah tidak jauh perbezaannya. Langkah ini dijangka akan dapat menarik balik pekerja-pekerja kita untuk pulang bekerja di negara sendiri.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan masalah pengangguran belia di negeri Sarawak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhorat dari Julau, saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah pencari kerja yang berdaftar dengan Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat di negeri Sarawak telah berkurangan dari 11,675 orang pada bulan Julai, 1982 kepada 2,704 orang sahaja pada bulan Ogos, 1983 ini. Kerajaan memang memberi perhatian yang berat kepada masalah pengangguran di negara kita dan berbagai-bagai langkah positif sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan juga menyediakan latihan-latihan perindustrian untuk para lepasan sekolah dan belia-belia negara di institusi-institusi latihan di bawah Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan di bawah Kementerian Buruh sendiri sebagaimana yang telah saya jelaskan terdahulu dari ini. Dengan adanya latihan perindustrian ini lebih ramai para lepasan sekolah dan belia-belia dapat menikmati peluang untuk mempelajari sesuatu kemahiran. Kemahiran-kemahiran yang mereka perolehi melalui latihan ini akan meningkatkan lagi peluang-peluang untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya mengambil masa sedikit lagi menyentuh perkara yang berhubung dengan soal perluasan Akta Kerja 1955 ke negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

Saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Buruh telah pun menetapkan cadangan pindaan-pindaan dan ubahsuaian-ubahsuaian kepada Akta tersebut dan telah pun mengemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk kajian dan perbincangan sebelum Akta itu diperluaskan ke negeri-negeri tersebut. Buat masa ini kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak masih dalam proses mengkaji dan membincangkan perkara itu dan tindakan untuk memperluaskan Akta tersebut akan diambil sebaik sahaja selesai kajian dan perbincangan-perbincangan itu.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian berat, memberi teguran, pandangan dan syor kepada perkara-perkara yang berhubung dengan Kementerian Buruh dan mana-mana perkara yang tidak sempat saya sentuh di sini, saya berjanji akan memberi perhatian dan akan dilaksanakan apabila didapati sesuai. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua Kementerian selesai menjawab perbincangan dasar Belanjawan 1984.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua Kementerian selesai menjawab perbincangan dasar Belanjawan 1984.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

Perbincangan disambung semula.

Tuan Yang Dipertua: Saya menjemput Kementerian Penerangan.

5.56 ptg.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas ucapan dan pandangan-pandangan yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini semasa membincangkan Dasar Belanjawan 1984 sejak beberapa hari yang lalu, terutamanya perkara-perkara yang menyentuh tentang Kementerian Penerangan. Saya suka tegaskan di sini bahawa semua pandangan-pandangan itu akan diambil perhatian oleh Kementerian ini sebagai satu panduan merancang sesuatu projek atau kegiatan di Kementerian ini.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kegiatan Kementerian ini ialah sebagai penyambung lidah Kerajaan dengan menggunakan media-media elektronik, filem, cetak dan komunikasi bersemuka, untuk memberi maklumat atau penerangan mengenai dasar-dasar rancangan, program dan kegiatan-kegiatan Kerajaan dan membantu memupuk perkembangan kesenian dan kebudayaan serta membantu membentuk masyarakat Malaysia

seperti yang dicita-cita dalam Rukunegara. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini bahawa dasar-dasar Kerajaan dan isu-isu semasa diterangkan dengan jelas kepada masyarakat umum melalui bentuk media-media tersebut.

Kementerian ini juga akan terus bergiat dalam bidang komunikasi luar negeri terutamanya melalui pertubuhan ASEAN, Islamic Conference, Non-Alignment, UNESCO, CANA dan WIPO. Kementerian ini memberi khidmat secara langsung dalam Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (COCI), Asian Broadcasting Union (ABU), AIDB dan OANA.

Dalam tahun 1984, Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya akan cuba meningkatkan prestasinya sejajar dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan supaya jentera pentadbiran di Kementerian ini dilaksanakan dengan licin dan cekap dalam konteks dasar Kerajaan mengurangkan perbelanjaan. Walaupun dalam keadaan perbelanjaan dikurangkan Kementerian ini terus berazam untuk meninggikan perkhidmatannya kepada rakyat. Penerbitan rancangan-rancangan televisyen yang bermutu akan dilakukan dengan wujudnya Bahagian Skrip dan Cereka di Jabatan Penyiaran atau Idea Department. Dengan adanya Akaun Amanah Tajaan, rancangan-rancangan asing yang popular dapat ditayangkan melalui tajaan. Hasil tajaan dapat digunakan untuk membiayai rancangan-rancangan tempatan yang bermutu dan memerlukan perbelanjaan yang besar seperti Drama Bersiri PJ, OPAH, Panggung RTM, Drama Bersiri Sindrom atau Bangsawan dan lain-lain rancangan "ad-hoc" mengikut masa dan keadaan.

Tuan Yang Dipertua, dengan terlaksananya pertukaran berita TV

Asia Vision dalam tahun 1984, akan meningkatkan mutu berita tersebut dan adanya berita luar negeri yang lebih jelas ditayangkan di TV, di samping membolehkan lebih banyak bahan-bahan berita tempatan disiarkan dan dihebahkan ke negara-negara lain.

BERNAMA pula akan menyelaraskan dan mempelbagaikan perkhidmatannya kepada akhbar-akhbar tempatan apabila ianya memainkan peranannya sebagai agensi tunggal kepada berita-berita asing pada 1hb Mei, 1984.

Dari segi projek pembangunan, beberapa projek Kementerian akan siap dan dapat digunakan pada tahun 1984. Stesyen Pemancar Gelombang Sederhana Radio di Grik akan memberi liputan radio yang lebih jelas dan luas di kawasan Utara Perak pada pertengahan tahun hadapan. lain-lain projek akan disiapkan ialah Janakuasa Siap Sedia bagi Stesyen Pemancar Radio di Kajang, Bangunan 16 tingkat Ibu Pejabat BERNAMA, Pejabat Penerangan Daerah Jelevu dan lain-lain kemudahan elektronik di Jabatan penyiaran. Di samping itu, persiapan telah dibuat untuk melaksanakan projek-projek seperti pusat-pusat Penerbitan Wilayah di Johor Bahru dan di Alor Star serta Pusat Penyelidikan RTM.

Bagi semua maksud kegiatan dan projek di atas, Kementerian Penerangan diperuntukkan sejumlah \$216,730,729 iaitu berkurangan sebanyak 8.3% dari peruntukan tahun 1983 sejumlah \$239,754,825.

Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat dari kawasan Tanjong yang menyentuh tentang pendidikan penggunaan melalui radio dan televisyen supaya rakyat dapat berjinat cermat terutama dalam keadaan ekonomi meleset pada masa ini, sukalah saya jelaskan di sini bahawa memang banyak rancangan-rancangan radio dan televisyen yang

menyentuh tentang pendidikan pengguna serta menanamkan kesedaran di kalangan rakyat untuk berjimat cermat. Bahan-bahan itu disiarkan dalam ceramah-ceramah rancangan-rancangan perbincangan seperti Forum dan Ehwat Semasa, rancangan-rancangan Drama serta hiburan dan juga dalam rancangan-rancangan untuk persembahan biasa. Usaha-usaha menyedarkan rakyat tentang kemelesetan ekonomi dan kewajiban rakyat mengatasinya akan diteruskan dan dipertingkatkan mengikut keperluan.

Bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat dari kawasan Betong, Sarawak, mengenai kekurangan rancangan-rancangan TV dalam aspek kebudayaan berbagai kaum dan aspek pembangunan di Sabah dan Sarawak, saya ingin menjelaskan di sini bahawa RTM akan meningkatkan rancangan-rancangan yang bertujuan untuk mengujudkan integrasi nasional antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

Pada masa yang lepas oleh kerana kekurangan kakitangan serta peralatan dan kemudahan dalam bidang Televisyen, maka bahan-bahan liputan dari Sabah dan Sarawak hanyalah dibuat menerusi filem dan oleh yang demikian jumlah yang begitu sedikit adalah begitu ketara. Tetapi mulai tahun ini, RTM telah mengirinkan dua EFP van, dengan izin, Electronic Field Production Van atau Unit Penerbitan Luar Elektronik, satu ke Sabah dan satu ke Sarawak. Dengan pertambahan alat kelengkapan yang terbaharu ini, RTM akan meningkatkan lagi jumlah dan mutu bahan-bahan rancangan dari Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun bahan-bahan bagi rancangan tersebut, yang mengandungi aspek-aspek kebudayaan berbagai kaum di Sabah dan Sarawak akan disampaikan dalam Bahasa Malaysia kerana ciri-ciri

kebudayaan kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak memang sudah dikenali oleh kaum itu sendiri tetapi harus dipaparkan kepada kaum-kaum lain yang tidak bertutur dalam loghat kaum-kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin merujuk kepada teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan dan Lambir mengenai Berita TV Malaysia Rangkaian Nasional. Yang Berhormat Kawasan Kinabatangan telah menyebut bahawa Berita TV Malaysia setakat ini hanya mampu memberi perhatian kepada berita-berita yang mempelupori kepentingan nasional dan juga berita-berita menarik dari luar negeri dan kurang memberi tekanan kepada berita-berita daerah dari Sabah dan Sarawak.

Dalam konteks ini barangkali sungutan yang sama boleh dibuat oleh negeri-negeri lain dalam Persekutuan Malaysia seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan. Sebab utamanya keadaan ini berlaku adalah berkaitan rapat dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 1hb November, 1983. Antara lain beliau menyebut bahawa, mungkin tidak disedari bahawa kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan di RTM masih belum mencukupi. Studio-studio, bilik-bilik rakaman dan alat-alat lain perlu ditambah bagi memudahkan pengeluaran yang bermutu tinggi. Tidak hairanlah kalau rakyat tidak mendapat rancangan yang paling baik disebabkan banyak kekurangan-kekurangan yang masih ada. Itu kata Yang Berhormat daripada Tanjong Karang.

Kementerian saya memang sudah merancang untuk mengadakan pusat-pusat penerbitan televisyen bagi

kawasan utara di Alor Star, bagi kawasan selatan di Johor Bahru, dan bagi kawasan timur di Kota Bahru serta meningkatkan keupayaan pusat-pusat penerbitan televisyen di Kota Kinabalu dan Kuching dengan bekalan alat-alat penerbitan elektronik TV seperti ENG (Electronic News Gathering) dan EFP (Electronic Filed Production) yang telah pun saya sebutkan tadi.

Tujuan utama projek pembinaan pusat-pusat penerbitan TV di peringkat daerah ini ialah untuk mempelbagaikan bahan-bahan rancangan dan Berita TV supaya meliputi dan mencerminkan kegiatan dan peristiwa dari seluruh negara dengan cara yang lebih seimbang daripada hanya KL oriented, dengan izin, tetapi oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi yang ada sekarang, projek-projek ini tidak mendapat peruntukan kewangan yang diperlukan dan pelaksanaan projek-projek tersebut terpaksa ditangguhkan.

Walaupun begitu satu van EFP, Unit Penerbitan Luar TV, telah dihantar ke Sabah dan satu lagi ke Kuching dalam bulan Ogos tahun ini. Ini akan meningkatkan lagi keupayaan penerbitan bahan-bahan rancangan dan berita TV dalam warna dari Sabah dan Sarawak yang akan dimuatkan dalam siaran rangkaian pertama dan kedua dari Kuala Lumpur.

Saya juga suka menjelaskan di Dewan yang mulia ini, meskipun Berita TV Malaysia, Rangkaian Nasional tidak dapat menyiarkan berita-berita Wilayah secara meluas, tetapi kita tidak harus lupa peranan yang lebih pesat yang dimainkan oleh radio dalam penyampaian berita dan penerangan.

Siaran radio lebih padat dan menyeluruh liputannya dan mempunyai kekesan yang lebih dalam peranan penyebaran maklumat

dan penerangan. Sedang TV cuma meliputi ruang-ruang tamu dan bilik-bilik rehat di rumah-rumah yang lebih mewah dan mempunyai bekalan-bekalan elektrik, radio meliputi seluruh pelusuk negara dari rumah-rumah, kereta-kereta hinggakan kepada pendengar-pendengar yang sedang berkelah atau menangkap ikan di lautan dalam.

Siaran Berita di radio, adalah lebih kerap dan lebih luas bidang liputannya dari berita TV. Liputan radio meliputi tiga peringkat utama, iaitu peringkat nasional, peringkat kawasan dan peringkat tempatan. Begitulah juga liputan beritanya, Berita-berita kawasan dan tempatan diberi liputan yang seluas-luasnya menerusi radio. Masa siaran di TV adalah terhad apabila dibandingkan dengan masa siaran radio. Oleh yang demikian adalah menjadi dasar Kementerian saya, menggunakan masa siaran yang terhad di TV itu untuk matlamat-matlamat nasional dan ciri-ciri kawasan dan tempatan disiarkan menerusi radio.

Begitu juga tentang penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa dalam rancangan-rancangan di TV, adalah dihadkan empat bahasa utama yang digunakan di Malaysia, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa nasional, bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa antarabangsa, bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Suku-suku bahasa yang ujud dalam suku-suku kaum di Malaysia diberi tempat yang sewajarnya dalam siaran Radio. Adalah mustahil untuk memuatkan kesemua bahasa dan suku bahasa di Malaysia ini dalam siaran TV.

Kementerian Penerangan memandang berat akan soal integrasi nasional seperti dinyatakan tadi. Satu Jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk meneliti dan melaksanakan

langkah-langkah terhadap kesedaran dan pencapaian intergrasi nasional. RTM akan meningkatkan lagi bahan-bahan rancangan yang sesuai terhadap pencapaian matlamat ini. Pihak Kerajaan mungkin akan menambah lagi banyak lagi bahan-bahan siaran dari Sabah dan Sarawak ke dalam kedua-dua Rangkaian Nasional demi untuk mencapai integrasi negara.

Demikianlah juga mengenai penelarasan gaji kakitangan Jabatan Penyiaran di Sabah dan Sarawak dengan di Semenanjung. Perundingan-perundingan di peringkat pegawai telah pun diadakan dan saya percaya ianya akan dapat diselesaikan tidak lama lagi kerana adanya semangat integrasi nasional di semua pihak.

Tuan Yang Dipertua, jawapan saya tidak akan lengkap tanpa menyentuh soal Dasar Komunikasi Negara, dan saya ingin kemukakan beberapa kemungkinan yang akan wujud apabila Dasar Komunikasi negara ini disiapkan nanti. Saya ingin memetik beberapa pandangan dari Communication Monograph No. 3 East-West Centre, tentang rasional bagi penyelidikan dasar sebagai jolokan.

Bagaimanakah kita mentakrifkan penyelidikan dan perancangan dalam komunikasi? Bagaimanakah hubungannya dengan penyelidikan yang lebih luas di dalam komunikasi? Bagaimanakah kedudukannya berhubung dengan isu-isu utama dan aliran akan datang di dalam penyelidikan komunikasi massa?

Jawapan-jawapan kepada semua persoalan ini merupakan masalah penyelidikan keseluruhannya di dalam bidang ini. Pada masa ini kita tidak dapat memberi jawapan tetapi hanya dapat memikirkan garis-garis kasar mengenai penyelidikan serupa ini.

Keutamaan atau prioritas penyelidikan komunikasi massa, dalam tulisan-tulisan mereka mengenai

penyelidikan massa, masa depan di bidang komunikasi massa, P.W. Davidson dan F.T.C. Yu, 1974 telah memberikan lima bidang masalah utama, apa yang dapat diperolehi oleh media massa dari segi keperluan sosial dan individu.

Apakah hubungan istimewa bagi tiap-tiap masyarakat antara komunikasi massa dan saluran-saluran inter-personal? Adakah jenis media dan kandungannya yang paling sesuai bagi sesuatu tugas tertentu itu? Bagaimanakah mutu prestasi media massa itu dapat dipastikan atau ditakrif. Bagaimanakah media dapat memberi manfaat yang sebanyak mungkin dengan kos yang paling rendah? Yang paling penting mengenai kesemua persoalan ini adalah ia semuanya menyentuh tentang matlamat kemasyarakatan dan cara-cara mencapai matlamat-matlamat ini.

Persoalan-persoalan ini menekankan betapa pentingnya penyelidikan ke atas dasar-dasar dan perancangan mengenai komunikasi.

Seorang lagi pakar komunikasi, Douglas Carter berpendapat penyelidikan dasar komunikasi perlulah berbentuk kemanusiaan, supaya kita dapat mengelakkan komunikasi dijadikan alat pengabdian massa oleh sekumpulan elite.

Penyelidikan hendaklah diperluaskan bagi merangkumi kajian berbagai disiplin mengenai peranan media terhadap masyarakat, analisa dasar dan bentuk humanistic communications, atau komunikasi kemanusiaan di masa depan.

Rasional Tekno-ekonomi:

Rasional yang diberikan untuk penyelidikan dasar dan perancangan komunikasi berkait rapat dengan dua prespektif yang luas:

- (i) Prespektif tekno-ekonomi; dan
- (ii) Prespektif political-economi.

Dalam kes pertama, perhatian tertumpu kepada penilaian teknologi, pembaharuan, pemakaian, kecekapan teknikal dan ekonomi dan keberkesanan dari segi kos atau perbelanjaan. Manakala dalam kes kedua pula perhatian ditumpukan kepada faktor-faktor sosial-politik yang lebih luas termasuk keperluan rakyat dan penyertaan, ekuiti, kuasa, monopoli, kebergantungan dan imperialisma.

Keperluan untuk menyelidikan dasar komunikasi kian meningkat kerana pembaharuan dan perkembangan yang pesat yang berlaku di bidang teknologi komunikasi, kebimbangan masyarakat terhadap kesan komunikasi, dan potensial peranan komunikasi di dalam permodenan negara-negara membangun.

Penyelidikan dasar adalah perlu di dalam usaha masyarakat untuk membentuk sistem komunikasi yang lebih cekap, terbuka dan lebih pelbagai dari segi bentuk. Implikasi dari teknologi komunikasi baru merupakan sumber istimewa di dalam penyelidikan dasar dan perancangan komunikasi.

Masyarakat umum mempunyai kepentingan utama di dalam perubahan-perubahan penting yang berlaku dari segi bagaimana sistem informasi diamalkan, apa yang mengawal atau menguasai pengaliran informasi, dan secara mana informasi, itu boleh didapati oleh pengguna. Dan persoalan yang tidak kurang pentingnya adalah siapa yang menguasai siapa di bidang komunikasi.

Ada juga pendapat yang berkata bahawa penyelidikan dasar dan perancangan komunikasi ini perlu kerana kebimbangan masyarakat terhadap ketidak-setaraan dari segi penyampaian informasi antara kelas-kelas atau kumpulan-kumpulan sosial

yang berbeza di dalam sesuatu masyarakat itu. Satu bulatan atau "vicious circle" ujud di bidang komunikasi di mana orang-orang yang lebih bermaklumat akan lebih mudah mendapat maklumat lebih lanjut manakala kumpulan yang tidak bermaklumat dan tertindas dari segi sosio-ekonomi tidak begitu berkeupayaan mendapat maklumat dan menganggap informasi itu tidak begitu penting.

Corak pengagihan atau penyebaran informasi itu bergantung kepada dasar-dasar media serta perancangan, peringkat pengeluaran media dan ini pula seterusnya ditentukan oleh berbagai faktor seperti keadaan hidup dari segi material, bentuk atau corak sosio-ekonomi dan faktor-faktor ideologi dan kebudayaan.

Penyelidikan dasar dan perancangan komunikasi ini mungkin dirasakan lebih perlu oleh negara-negara yang merasa bimbang terhadap perkembangan yang pesat yang berlaku di dalam sistem komunikasi masing-masing; dan di samping itu mereka berasa bimbang terhadap imperialisma komunikasi dan kebudayaan.

Apa yang nyata berlaku di Amerika Syarikat dan negara-negara lain di samping pembaharuan teknologi yang pesat di bidang komunikasi adalah peningkatan persaingan kuasa di beberapa peringkat. Yang paling nyata adalah persaingan atau "rivalry" antara pemilik-pemilik atau tuan-tuan punya kemudahan komunikasi dengan pelabur-pelabur baru di bidang teknologi baru.

Satu lagi konflik adalah di antara masyarakat-masyarakat nasional dan antarabangsa. Corak pengaliran informasi yang tidak setara dan pertemuan-pertemuan baru di bidang teknologi komunikasi merupakan faktor-faktor yang nyata yang

menyebabkan banyak negara sekarang ini membentuk dasar-dasar komunikasi kebangsaan.

Informasi dan komunikasi merupakan bahan yang begitu penting bahkan merupakan suatu sumber strategi di dalam pentadbiran dan mempengaruhi kuasa syarikat-syarikat multi-national ke atas ekonomi dunia. Dasar-dasar komunikasi kebangsaan serta penyelidikan ke atas dasar dan perancangan menjadi gelanggang bagi pertelingkahan atau persaingan sosial di antara yang berkuasa dan yang dikuasai di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Tanggungjawab atau tugas utama dasar komunikasi dan penyelidikan perancangan adalah untuk memberi pengetahuan yang boleh menyumbangkan ke arah penyelesaian persaingan ini bagi manfaat mereka yang mahu dibebaskan daripada belenggu penguasaan.

Tuan Yang Dipertua, ini adalah serba kemungkinan yang akan timbul setelah Jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal dasar komunikasi tersebut. Dan ini akan lebih mendadak keperluannya apabila pendapat-pendapat seperti yang diterakan dalam satu buku yang futuristik iaitu Megatrends yang ditulis oleh John Naisbitt yang telah mengutarakan kemungkinan 10 bentuk perubahan. Bagaimanapun, pembentukan semula masyarakat Amerika yang menjadi contoh dalam buku ini sudahpun mempengaruhi kehidupan kita sama ada dari segi dalaman atau luaran. Tiap satu daripada kesepuluh bab yang dikemukakan dalam buku ini mengkaji salah satu daripada pembentukan semula yang kritikal:

- (1) Walaupun kita terus beranggapan bahawa kita hidup di dalam masyarakat perusahaan (industrial society) kita sebenarnya telah pun berubah

kepada ekonomi yang berasaskan kepada pengwujudan dan penyebaran informasi;

- (2) Kita sedang bergerak ke arah teknologi baru yang disesuaikan dengan reaksi manusia;
- (3) Kita tidak boleh lagi bertindak di dalam sistem ekonomi negara yang terasing dan berdikari atau self-sufficient, tetapi kita mesti menerima hakikat bahawa kita merupakan sebahagian daripada ekonomi dunia. Kita juga telah mula beranggapan bahawa Amerika Syarikat tidak lagi semestinya merupakan negara industri yang paling terkemuka di dunia ini;
- (4) Kita sedang membentuk semula masyarakat yang berpegang kepada rancangan-rancangan dan keuntungan-keuntungan jangka pendek kepada masyarakat yang merancang untuk jangka panjang yang lebih lama serta hasil yang lebih berkekalan;
- (5) Sama ada di dalam bandar atau negeri pertubuhan-pertubuhan kecil dan bahagian-bahagian yang lebih kecil, kita telah menyedari bahawa kita berupaya untuk membawa pembaharuan yang berhasil dari bawah ke atas;
- (6) Kita sedang beralih daripada bantuan institusi (institutional help) ke arah lebih berdikari (self reliance) di dalam semua bidang kehidupan kita;
- (7) Kita mula sedar bahawa rangka demokrasi perwakilan telah luput di dalam era di mana kita sama-sama berkongsi informasi atau maklumat. Dalam terjemahannya, dengan izin: "We are discovering that the framework of representative

democracy has become absolute in an era of instantaneously-shared information”;

- (8) Kita tidak lagi bergantung kepada struktur hirarki malah kita lebih memilih struktur yang tidak formal. Ini lebih penting terutamanya di kalangan masyarakat perniagaan;
- (9) Lebih ramai orang-orang Amerika bahkan orang-orang di Eropah berpindah dari bandar-bandar perusahaan ke luar-luar bandar;
- (10) Kita sekarang bertukar corak dari masyarakat yang mempunyai pilihan yang terbatas kepada masyarakat yang lebih mempunyai pilihan atau dalam terjemahannya, dengan izin: “From a narrow option of society with a limited range of personal choices, we are exploding into a free-wheeling multiple option society”.

Tuan Yang Dipertua, saya jolokkan kemungkinan-kemungkinan ini kerana kita menghadapi dan kita tidak dapat elak perubahan-perubahan yang berlaku dengan amat pesat dalam dunia dengan ledakan maklumat (information explosion) dan apakah tidak wajar kita menyediakan fikiran kita (condition our minds) dengan kemungkinan pejabat-pejabat tanpa fail dan kertas (paperless offices), usaha-usaha perniagaan yang tidak lagi menggunakan wang melainkan credit cards atau sebagainya. Dengan izin, kalau boleh, saya quote: “One way to think about the fore-shortening of the information float is to think about when the world changed from trading goods and services to standardised currencies. Just imagine how that speeded-up transactions. Now with the use of electrons to send money around the world at the speed of light, we have

almost completely collapsed the money information float. The shift from money to electronics has its basic as when we went from barter to money”.

Tuan Yang Dipertua, dalam konteks inilah Kementerian Penerangan perlu disediakan dengan cukup peruntukan untuk mampu menghadapi keperluan-keperluan perubahan yang datang mendadak. Untuk ini penyediaan pemikiran rakyat amat perlu supaya konflik-konflik yang dibawa oleh perubahan ini tidak meruntuhkan sistem nilai masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya siri PJ misalnya adalah bertujuan antara lain membantu penyediaan pemikiran rakyat. Tuan Yang Dipertua, saya percaya tidak semua yang kita buat dan kita rangkakan ini menepati semangat dasar komunikasi negara. Maka itulah sebabnya Kementerian sentiasa sensitif terhadap teguran-teguran dan pandangan-pandangan dari semua pihak lebih-lebih lagi dari Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk diambil kira membetulkan arah tujuan (sense of direction) bagi Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.20 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit-sebanyak atas Kementerian saya semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1984.

Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah menyentuh soal pengurangan Anggaran Perbelanjaan bagi

Kementerian saya untuk tahun 1984 jika dibandingkan dengan tahun 1983. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita sedang mengalami kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia yang menimpa negara kita dan langkah-langkah berjimat-cermat telah pun diambil untuk mengurangkan perbelanjaan awam, Namun demikian pengurangan tersebut tidak bermakna daya-pengeluaran atau produktiviti Kementerian akan terjejas. Bahkan ia adalah menjadi satu cabaran kepada tiap-tiap pegawai dan kakitangan untuk berusaha lagi bagi meninggikan daya pengeluaran di dalam bidang kemajuan sains dan teknologi serta pengawalan pencemaran dan pengurusan hidupan liar dan taman-taman negara. Masalah pencemaran alam sekeliling tidaklah mempunyai penyelesaian yang serta-merta oleh kerana ia adalah sungguh kompleks dan penyelesaian adalah juga begitu kompleks dan memakan belanja yang tinggi serta tempoh masa yang panjang. Dalam keadaan Malaysia, pengurusan alam sekeliling hendaklah diuruskan dengan tujuan memajukan pertumbuhan ekonomi dan peluang-peluang pekerjaan serta pembahagian pendapatan yang saksama kepada semua rakyat untuk memperbaiki kualiti kehidupan. Dalam pada itu strategi Malaysia ialah untuk melindungi alam sekelilingnya serta menuju ke hadapan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Walaupun demikian, satu seimbangan yang bijak hendaklah wujudkan supaya pembangunan akan terus berjalan dengan tidak membawakan kesan-kesan yang buruk ke atas alam sekeliling. Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah berkembang maju dari segi keupayaan kakitangan serta alat-alat kelengkapan. Enam buah Pejabat Wilayah di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuantan, Butterworth, Kuching dan Kota Kinabalu telah pun

ditubuhkan serta satu unit khas bagi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah atau KETENGAH untuk melaksana dan menguatkuasakan perbekalan-perbekalan Akta Kualiti Alam Sekeliling tahun 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Kini Jabatan Alam Sekitar bersama-sama dengan pihak-pihak Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi Kerajaan adalah terlibat dengan berbagai aktiviti yang bertujuan untuk memulih, melindungi dan memelihara alam sekeliling serentak dengan tujuan untuk menggunakan dengan lebih efektif sumber-sumber alam semula jadi bagi memberikan kehidupan yang lebih selesa kepada rakyat dan generasi-generasi akan datang.

Walaupun Jabatan Alam Sekitar mengalami kekurangan peruntukan semenjak langkah berjimat-cermat dilaksanakan, usaha-usaha jabatan tersebut telah dapat mengatasi dengan berkesan masalah-masalah alam sekeliling yang berpunca dari industri-industri seperti getah dan minyak kelapa sawit. Pengalaman dalam pelaksanaan peraturan-peraturan untuk mengawal pencemaran yang berpunca dari industri-industri tersebut bolehlah dikatakan sungguh menggalakkan oleh kerana industri-industri ini telah berusaha untuk menepati peraturan-peraturan alam sekeliling dan telah dapat mengurangkan effluent ke takat 100 p.p.m. (parts per-million) BOD.

Selain daripada itu, pengeluaran effluent dari lain-lain industri seperti makanan, textile, bahan kimia dan sebagainya serta effluent dari rumah adalah dikawal oleh Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) dan Effluent Perindustrian tahun 1979. Sebanyak 60% daripada 6000 premis industri di negara kita adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan tersebut. Adalah dianggarkan bahawa beban

BOD yang dikeluarkan oleh industri-industri ini ialah sebanyak 110 tan sehari dan penguatkuasaan peraturan-peraturan tersebut telah dapat mengurangkan beban BOD dari industri-industri tersebut ke paras 50 tan sehari.

Negara kita Tuan Yang Dipertua, mempunyai sistem Kerajaan yang mempunyai tiga peringkat iaitu Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Tiap-tiap peringkat ini mempunyai kuasa perundangan dan keupayaan petadbiran untuk mengendalikan hal-hal alam sekeliling. Ini bermakna pendekatan kita untuk menyelesaikan masalah alam sekeliling hendaklah dengan cara mengadakan penyelarasan yang efektif dan kesanggupan bekerjasama di antara satu sama lain supaya sumber-sumber yang sedia ada dari segi tenaga manusia dan kewangan boleh diuruskan dengan lebih berkesan untuk mengelakkan penduaan usaha dan pembaziran sumber-sumber tersebut.

Di negara kita ada tersebut sebanyak 62 perundangan yang ada kaitan dengan alam sekeliling yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Dan undang-undang tersebut mempunyai perbekalan-perbekalan yang sesuai bagi mengendalikan isu-isu alam sekitar sekeliling yang tertentu yang boleh dikuatkuasakan bagi mengendalikan masalah alam sekeliling di dalam bidang pembangunan.

Tuan Yang Dipertua, usaha untuk membina satu alam sekeliling yang selesa bukanlah hanya tugas Kerajaan, ia hendaklah melibatkan semua lapisan masyarakat. Usaha untuk membersihkan alam sekeliling akan memakan belanja yang besar. Namun demikian, perbelanjaan besar boleh dielakkan sekiranya rakyat

mempunyai sikap yang sivik dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk mewujudkan satu alam sekeliling yang sempurna. Rakyat dan Kerajaan hendaklah berganding bahu dan bersama-sama berusaha untuk mewujudkan satu alam sekeliling yang bukan sahaja pelihara kehidupan tetapi juga memperkayakan kehidupan dengan mengadakan hubungan harmoni di antara ciptaan manusia dengan alam semula jadi demi kebaikan rakyat dan negara.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, suka saya menyatakan di sini bahawa lain-lain perkara yang telah dibangkitkan sama ada secara langsung atau tidak sewaktu bahasan ini tetapi tidak disentuh dalam ucapan saya akan diberi perhatian rapi oleh Kementerian saya.

Tuan Yang Dipertua, Saya jemput Menteri Kesihatan.

6.32 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, dalam masa sembilan hari perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1984 diadakan, beberapa teguran telah disuarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Kesihatan dan saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan pandangan yang diberikan oleh mereka terhadap Kementerian saya itu.

Mengenai masalah kesukaran untuk mendapatkan rawatan perubatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir, suka saya menekankan di sini bahawa Jabatan Perkhidmatan Kesihatan di Negeri Sarawak menyediakan cara-cara pengangkutan seperti ambulans, kapal terbang doktor udara, dan bot-bot untuk mengangkut pesakit dan kes-kes kecemasan, tetapi kami sedar bahawa ini tidak dapat menampung keperluan

masyarakat keseluruhannya. Perkhidmatan doktor udara telah terpaksa dikurangkan kerana masalah peruntukan tetapi perkara ini sedang dikaji dan perkhidmatan-perkhidmatan di kawasan-kawasan penting akan diteruskan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan secara ini hanya dapat dibekalkan sekali atau dua kali sahaja sebulan dan ini juga bergantung pada keadaan cuaca. Di antara strategi yang sedang diusahakan oleh Kementerian saya untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada rakyat Sarawak terutamanya di kawasan-kawasan yang terpencil ialah dengan mengadakan rancangan "Primary Health Care" yang sedang dirancang dan dilaksanakan bersama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia di mana pekerja-pekerja kesihatan tempatan (village health promoters) dilatih untuk memberi perkhidmatan kesihatan kasas dan rawatan kecemasan kepada penduduk-penduduk tempatan. Misalnya, mereka ini akan dilatih untuk mendiagnosa jenis-jenis penyakit yang biasa dihidapi oleh penduduk-penduduk tempatan dan seterusnya memberi rawatan dengan ubat-ubat yang telah dibekalkan. Kes-kes yang lebih rumit dirujukkan ke pusat kesihatan atau ke Hospital. Perkhidmatan pekerja-pekerja kesihatan ini dapat menyokong dan membantu kemudahan-kemudahan klinik dan hospital yang sedia ada di negeri Sarawak. Dengan cara ini perkhidmatan kesihatan secara berterusan dapat diberikan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang supaya hospital di Kapit dilengkapi dengan peralatan moden, suka saya nyatakan bahawa sejak 1979 beberapa alat-alat moden telah pun dibekalkan di hospital ini seperti mesin X-ray, mesin autoclave, mesin bius dan meja pembedahan. Lain-lain alat baru akan

digantikan dari masa ke semasa bila diperlukan. Berkenaan dengan alat-alat kelengkapan ini, sukalah saya menambah bahawa pada keseluruhannya, Jabatan Kesihatan di Negeri Sarawak membelanjakan lebih kurang \$1.5 juta setahun bagi pembelian alat-alat kelengkapan di hospital-hospital Sarawak. Alat-alat kelengkapan yang dibeli adalah di atas nasihat Pakar-pakar Perunding dari berbagai disiplin. Cadangan dari Ahli Yang Berhormat itu supaya dibina satu lagi wad yang mempunyai 26 buah katil akan diberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian saya. Kemudahan-kemudahan perkhidmatan kesihatan yang sedia ada di Daerah Belaga yang mempunyai penduduk seramai 12,000 orang adalah seperti berikut:

- Sebuah Dispensari Statik;
- Sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak;
- 5 buah Sub-Dispensario;
- 2 buah Pasukan Kesihatan Bergerak; dan
- 18 buah tempat diberi perkhidmatan perubatan udara.

Oleh itu Kementerian Kesihatan tidak ada rancangan untuk membina sebuah Pusat Kesihatan (Health Centre) di Daerah Belaga pada masa ini memandangkan jumlah penduduk tidak begitu ramai, serta kemudahan yang sedia ada adalah memadai, termasuk peraturan untuk memindahkan kes-kes yang serius.

Bagi menjawab soalan-soalan dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kapit, hujah beliau bahawa peruntukan untuk Kesihatan Luar Bandar di Sarawak untuk tahun 1984 telah dikurangkan tidaklah benar. Sebenarnya, tambahan peruntukan telah diberi bagi Sarawak pada tahun 1983 dan saya percaya kadar

peruntukan ini tidak akan dikurangkan pada tahun hadapan. Saya boleh memberi jaminan bahawa perkhidmatan kesihatan luar bandar di Sarawak akan dijalankan seperti biasa tanpa dijejaskan pada tahun hadapan. Kementerian saya juga akan berusaha meninggikan mutu perkhidmatan yang disediakan itu khasnya di peringkat tempatan supaya perkhidmatan kesihatan asas dapat dibekalkan kepada masyarakat luar bandar. Seperti yang saya telah menjawab kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Lambir tadi, satu daripada strategi ini ialah dengan mengadakan sistem "primary health care" di mana penduduk-penduduk masyarakat yang terpilih dilatih dan dibekalkan dengan ubat-ubat biasa supaya mereka dapat memberi perkhidmatan kesihatan asas dan rawatan kecemasan kepada penduduk-penduduk kampung. Di samping itu, aktiviti-aktiviti pendidikan masyarakat sedang dipertingkatkan supaya masyarakat menyedari dan memahami prinsip-prinsip asas kesihatan dan tidak bergantung kepada pegawai-pegawai perubatan sahaja. Dengan cara ini, semangat berdikari dalam aspek-aspek kesihatan dapat dipupukkan di peringkat kampung-kampung.

Kementerian saya juga sedar bahawa peruntukan perjalanan kepada pegawai-pegawai kesihatan telah dikurangkan. Ini tidaklah disengajakan tetapi terpaksa dibuat dalam keadaan ekonomi masa sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam aspek ini, jadual-jadual lawatan pegawai-pegawai telah dikaji semula dan diaturnya agar lebih bersepadu dan teratur supaya kakitangan kesihatan dapat membuat lawatan secara berpasukan dan beberapa masalah-masalah masyarakat dapat diatasi dalam satu lawatan. Pegawai-pegawai juga diminta membawa pegawai-pegawai yang lain bersama apabila membuat lawatan dengan kereta sendiri bagi

menjimatkan perbelanjaan sambil membolehkan lebih banyak perkara atau masalah diselesaikan. Walau bagaimanapun lawatan pegawai-pegawai peting seperti Bidan-bidan, Jururawat Masyarakat dan sebagainya tidak dikurangkan memandangkan bahawa mereka ini menjalankan urusan atau perkhidmatan yang penting kepada masyarakat di luar bandar.

Berkenaan dengan permintaan Ahli Yang Berhormat supaya sebuah hospital baru dibina di Bintulu, suka saya memaklumkan bahawa sebuah hospital baru telah pun diluluskan untuk mengganti hospital yang sedia ada di Bintulu. Hospital ini dirancang untuk memuat 230 buah katil. Sementara itu Kementerian Kesihatan baru-baru ini telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan projek-projek bagi memperbesar hospital yang sedia ada dengan membina dua blok ward baru dan rumah-rumah kediaman rasmi untuk kakitangan penting. Kerja tapak bagi bangunan ini sudah pun selesai dan kerja-kerja membina ward baru akan dimula tidak lama lagi.

Mengenai saranan Ahli Ynag Berhormat supaya Kementerian mempunyai polisi untuk membina sebuah hospital bagi tiap-tiap daerah, suka saya memberi tahu Yang Berhormat bahawa Kementerian saya memang mempunyai polisi untuk mengadakan sebuah hospital di tiap-tiap daerah tetapi polisi ini dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil kira, pertama, keperluan dan prioriti sesebuah daerah itu; kedua, keupayaan pelaksanaan Kementerian; dan ketiga, peruntukan yang cukup.

Daerah Song mempunyai 18,000 penduduk dan bandar yang terbesar ialah bandar Song. Bandar Song boleh dihubungi dengan bandar Kanowit dan bandar Kapit dengan motobot dan

perjalanan motobot memakan masa satu setengah jam sahaja. Kemudahan-kemudahan yang sedia ada dalam daerah Song adalah seperti berikut:

- Sebuah dispensari statik;
- sebuah sub-dispensari;
- 3 pasukan kesihatan bergerak.
- dua buah klinik desa dengan 6 katil;
- dan

Dan selain daripada itu, 4 buah kawasan di daerah Song adalah diliputi oleh perkhidmatan perubatan udara. Dalam Rancangan Malaysia Keempat sebuah lagi klinik desa telah diluluskan untuk daerah ini.

Mengenai perkhidmatan kesihatan kawasan Mukah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah itu, pada masa sekarang terdapat sebuah hospital, 3 buah klinik desa, sebuah dispensari dan berbagai-bagai klinik-klinik ibu dan kanak-kanak di kampung-kampung di sekitarnya. Kemudahan-kemudahan ini akan ditambah mengikut cadangan-cadangan yang telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keempat. Ini termasuk perbekalan air luar bandar yang mana hingga sekarang 130 projek gravity feed dan telaga-telaga disiapkan dan juga berdiri tandas-tandas yang sesuai yang mana hingga sekarang 2,932 unit telah disiapkan.

Kedua-dua aktiviti ini akan membantu mengatasi penyakit-penyakit berjangkit yang dibawa oleh sumber air. Juga aktiviti pendidikan kesihatan telah ditambahkan selaras dengan kempen kebersihan sekarang yang mana satu "plan of operation" telah disediakan untuk seluruh negara termasuk negeri Sarawak.

Berhubung dengan nisbah penyakit T.B. yang dikatakan paling tinggi di Kelantan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, mengikut statistik-statistik Kementerian untuk tahun

1982 Kelantan menduduki tempat keenam dalam keadaan kes-kes T.B. di Semenanjung Malaysia. Kedudukan ini boleh dikatakan baik kerana kegiatan mencari kes adalah sangat aktif dan memuaskan bagi negeri Kelantan itu.

Menyentuh cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh supaya Kerajaan menswastakan hospital bagi kelas satu, sukalah saya memberi tahu bahawa Kementerian saya sedang mengkaji perkara penswastakan kemudahan-kemudahan perubatan pada amnya dari beberapa aspek. Kajian ini dijangka siap tidak lama lagi.

Akhir kata, Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas perhatian dan pandangan yang diberikan terhadap Kementerian Kesihatan dan Kementerian saya akan mengambil perhatian terhadap masalah-masalah yang ditimbulkan itu dan tindakan sewajarnya akan diambil di mana-mana perlu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan menjawab.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran, syor-syor dan cadangan-cadangan semasa membahaskan mengenai dasar-dasar am Belanjawan Kementerian Wilayah Persekutuan. Seperti biasanya tiada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara dalam bidang kuasa Kementerian saya. Namun demikian dalam dua tiga perkara yang dibangkitkan, sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dengan memberi

penjelasan dalam hal-hal yang dibangkitkan berdasarkan pada dasar-dasar yang berkuatkuasa di Kementerian saya.

Sukacita di sini saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa perumahan dan pengangkutan awam adalah salah satu-satu keperluan rakyat yang utama di Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur. Dalam konteks ini di Kuala Lumpur perumahan merupakan perkara penting, khususnya tempat kediaman yang dimiliki sendiri dan terletak di kawasan yang selesa. Justru itu perumahan adalah perkara penting di antara usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan. Pada masa-masa yang lalu pengeluaran rumah-rumah kos rendah oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan swasta adalah tidak mencukupi. Kementerian saya akan berusaha untuk menentukan bilangan rumah yang lebih banyak lagi bagi penduduk-penduduk di Kuala Lumpur. Walaupun Kerajaan sahaja tidak akan berupaya untuk memenuhi kesemua pembinaan rumah-rumah kos rendah, peranan dan sumbangan sektor swasta untuk memenuhi dan mencapai matlamat ini adalah sangat penting. Kedua-dua sektor Kerajaan dan swasta adalah sama-sama penting bagi menyediakan keperluan perumahan yang cukup kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkara penting yang dititikberatkan oleh Kementerian saya adalah pengangkutan awam. Isu pengangkutan yang utama bagi Wilayah Persekutuan ini ialah sama ada sistem pengangkutan awam dapat dimajukan untuk mengatasi masalah penggunaan yang kian bertambah atau sama ada bentuk-bentuk baru dalam pengangkutan awam seperti transit laju ringan (Light Rapid Transit) dan aerobus adalah sesuai. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat

sekalian, pertambahan penduduk di Wilayah Persekutuan memerlukan satu program perbelanjaan yang besar dalam pembinaan jalan-jalan baru dan membesarkan jalan-jalan yang sudah ada. Kemampuan untuk menambah muatan atau menambah laluan adalah terhad sekali. Oleh itu adalah perlu dikurangkan jumlah kemasukan kereta persendirian ke kawasan-kawasan yang sibuk dengan lalulintas khususnya di pusat bandar. Salah satu usaha bagi mengatasi masalah ini ialah pembinaan projek aerobus. Penglibatan Kerajaan dalam projek aerobus yang sedang diusahakan adalah merupakan salah satu cara pengangkutan yang difikirkan terbaik dalam usaha mengurangkan kesesakan lalulintas.

Tuan Yang Dipertua, di sini suka saya mengucapkan terima kasih atas perhatian dan syor yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak supaya Kementerian saya menubuhkan satu badan khas bagi memajukan dan membangunkan Tanah-tanah Simpanan Melayu di Wilayah Persekutuan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Setapak, Kementerian saya memang sedar akan perlunya pembangunan Tanah Simpanan Melayu di Wilayah Persekutuan diberi perhatian yang lebih bagi memperseimbangkan dengan kawasan-kawasan lain yang telah maju di sekitarnya. Dalam usaha ini beberapa langkah dan tindakan yang sebenarnya telah dan sedang diambil bagi memperbaiki keadaan ini.

Dalam Kajian Pelan Induk Kuala Lumpur yang telah siap dijalankan, isu pembangunan Tanah Simpanan Melayu memang telah pun dimasukkan kira dalam usaha-usaha memajukan Tanah Simpanan Melayu supaya seimbang dengan pembangunan kawasan-kawasan lain di Wilayah Persekutuan. Beberapa cadangan utama yang telah digariskan dalam Kajian tersebut mencadangkan agar

Kerajaan memberi keutamaan terhadap pembangunan Tanah-tanah Simpanan Melayu, meninggikan taraf infrastruktur yang ada sekarang di kawasan-kawasan tersebut, menubuhkan satu perbadanan yang khusus untuk memajukan Tanah-tanah Simpanan Melayu, serta mewujudkan dan menempatkan projek-projek utama di kawasan Tanah Simpanan Melayu atau di kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya.

Dalam hal ini ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa cadangan-cadangan ini sedang dikaji oleh Kementerian saya. Seperti saya telah maklumkan sebentar tadi memang telah ada usaha-usaha yang telah dibuat untuk memajukan kawasan-kawasan Tanah Simpanan Melayu, misalnya pada tahun 1979 terdapat usaha-usaha yang dibuat bagi memajukan kawasan Kampung Bahru. Langkah-langkah yang telah diambil untuk memajukan kawasan Kampung Bahru ini ialah dengan menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Kampung Bahru yang dikendalikan oleh Kementerian saya. Di samping itu satu Jawatankuasa lain ditubuhkan khas bagi pembinaan Kompleks Pasar Minggu Kampung Bahru yang diuruskan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Jawatankuasa Pasukan Petugas bagi membangunkan Tanah-tanah Simpanan Melayu di Wilayah Persekutuan di mana Jabatan-jabatan penting yang terlibat seperti UDA, Dewan Bandaraya, Perancang Bandar yang menjadi anggota Jawatankuasa ini telah dihidupkan semula sejak bulan Mac, 1983 yang lalu. Jawatankuasa yang ditubuhkan ini adalah bertujuan untuk merancang dan memandu ke arah membangunkan semula kawasan Tanah Simpanan Melayu di seluruh Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Setapak dan Dewan yang mulia ini, cadangan untuk menubuhkan satu badan khas bagi membangunkan kawasan-kawasan Tanah Simpanan Melayu di Wilayah Persekutuan sebagaimana yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak, memang telah dipandang berat dan diambil kira oleh Kementerian saya. Dalam hal ini saya ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan yang begitu mengambil berat di atas kerumitan yang dihadapi oleh Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan Tanah Simpanan Melayu. Perkara ini sebenarnya memang sedang dikaji oleh Kementerian saya dan jika didapati sesuai dan perlu, satu badan khas bagi menguruskan tumpuan-tumpuan yang sepenuhnya di dalam usaha-usaha membangunkan kawasan-kawasan Tanah Simpanan Melayu akan diwujudkan.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara penting di bawah bidangkuasa Kementerian saya dalam perbahasan Belanjawan 1984 dan saya sukalah memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya akan senantiasa berusaha untuk menentukan supaya kepentingan-kepentingan di Wilayah Persekutuan dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjawab.

6.55 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang Dipertua, sukacita saya

mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat dari Julau telah menimbulkan masalah pengangguran di kalangan belia-belia di negara ini. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk melengkapkan para belia dengan berbagai kemahiran vokasional, perniagaan dan pertanian untuk membolehkan mereka bekerja dengan Kerajaan, swasta atau berdikari. Kementerian ini menyediakan latihan vokasional secara formal dan tidak formal. Pusat-pusat Latihan Belia di Dusun Tua, Kuala Terengganu, Pertak dan Rancangan Latihan Sambil Bekerja di seluruh negara telah membekalkan pengetahuan dan pengalaman asas kepada para belia untuk memperbaiki keadaan diri mereka sendiri.

Kementerian ini juga telah mengambil beberapa langkah yang konkrit untuk menyusun semula corak latihan yang dijalankan di institusi-institusi latihan belia. Ini termasuk mengemaskinikan pentadbiran, bahan dan teknik pengajaran serta peralatan-peralatan latihan. Kementerian ini tidaklah bertanggungjawab untuk mencari pekerjaan kepada setiap bekas pelatih tetapi tetap membantu mereka dalam mencari pekerjaan bagi lantikan jawatan pertama yang sesuai sahaja. Bekas-bekas pelatih diberi bantuan melalui Rancangan Belia Niaga dan Projek Belia Peladang yang merupakan bantuan menyeluruh untuk memastikan kejayaan yang lebih baik dalam projek-projek yang dijalankan. Rancangan-rancangan ini sedang disusun semula dengan kerjasama SERU dan universiti-universiti tempatan untuk menilai serta mencadangkan perubahan baru untuk melaksanakan dengan lebih rapi dan efektif.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Julau, Sarawak, Kementerian ini sentiasa mengadakan kerjasama erat dengan agensi-agensi Kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan sukarela dari segala lapangan pembangunan, sosio-ekonomi belia. Cadangan untuk mengadakan kerjasama antara Kerajaan dan swasta menerusi rancangan pembangunan pertanian untuk mengatasi pengangguran di Sarawak telah pun ada dan perlaksanaannya boleh dipertingkatkan lagi, insya Allah. Walau bagaimanapun Projek Belia Peladang Kementerian ini adalah dalam penyusunan semula untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikesan.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Kota Belud supaya meningkatkan usaha bagi memupuk integrasi kaum di antara belia-belia Semenanjung dan Sabah/Sarawak, suka dijelaskan bahawa program pertukaran belia Semenanjung/Sabah/Sarawak merupakan program yang dijalankan tiap-tiap tahun. Bilangan program ini tidak dapat dibanyakkan lagi oleh kerana peruntukan Kementerian yang terhad dan tidak ditambah. Tetapi dari segi penglibatan belianya Kementerian telah menambahkan daripada 20 belia bagi satu-satu negeri kepada 40 belia dan itu telah dijalankan sejak tahun 1981. Selain daripada itu latihan di Institusi Latihan Belia sentiasa disertai oleh belia-belia dan pegawai-pegawai di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat dari Betong telah menimbulkan mengenai kekurangan kemudahan-kemudahan sukan di Bintulu. Kementerian sedar bahawa kemudahan-kemudahan sukan di setengah-setengah daerah selalu berkurangan. Langkah-langkah mengatasinya akan dibuat secara berperingkat-peringkat.

Wakil-wakil dari Sungai Besi, Kota Belud, Tenggaroh dan Pengkalan

Chepa telah menyentuh sedikit sebanyak tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud dan Tenggaroh di atas kesedaran dan kefahaman mengenai Dasar tersebut. Bagi Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi yang meragukan tentang konsep Kebudayaan Kebangsaan berulang kali, sukalah saya menarik perhatian iaitu jikalau Ahli Yang Berhormat itu menyingkap kembali lembaran sejarah, Dasar yang ditetapkan pada tahun 1971 iaitu adalah sebenarnya ekoran dari rumusan Kongres Kebudayaan Melayu sejak tahun 1957. Kongres Kebudayaan Melayu 1957-1958 merupakan wasiat suci daripada bangsa dan para pejuang Melayu di ambang pintu kemerdekaan. Kongres ini telah merangkakan Dasar Kebudayaan bagi negara merdeka selepas 31hb Ogos, 1957 yang akan merangkumi warganegara baru yang bukan Melayu.

Konsep yang diajukan itu menegaskan kesinambungan sejarah dan tradisi bangsa peribumi dan di samping itu mebukakan diri pula menyerapkan tradisi-tradisi imigran yang baru. Konsep ini malahan adalah penjelmaan dari jiwa serta semangat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sendiri. Jadi Wadah Kebudayaan Kebangsaan Malaysia tidak mungkin yang lain dari wadah kebudayaan peribumi.

Ciri-ciri kebudayaan masyarakat non-peribumi hanyalah sebagai tambahan baru. Keadaan semasa kemerdekaan ini telah dicerminkan semula pada tahun 1971 dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Perkara ini telah tidak pernah dipersoalkan sehingga akhir-akhir ini.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidaklah mengancam sebarang kebudayaan kaum dan sukuan di

negara ini. Setiap kumpulan bebas untuk mengamalkan budaya sukuan, (private culture) sendiri seperti juga bahasanya. Hakikat ini juga telah dijelaskan berkali-kali di Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian tidak sepatutnya mana-mana pihak jua pun cuba mengungkit-ungkit atau membangkit-bangkitkan tentang perkara tersebut. Jika kita semua sudah memahami konsep dan prinsipnya dengan jelas maka tidak ada sebab untuk sesiapa pun meragui tentang perlaksanaannya.

Menyentuh tentang usaha-usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan sosio-budaya rakyat, perkara ini hendaklah dilihat dari sudut pembinaan disiplin dan identiti bangsa, bukannya sebagai satu proses memaksakan agama Islam ke atas rakyat yang bukan Islam. Aspek ini tidak menyentuh langsung urusan-urusan ibadat, keagamaan yang menjadi hak asasi masing-masing golongan dan individu. Langkah ini memang sesuai dengan konsep pengutaraan nilai-nilai universal yang baik.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa cuba mengelirukan persoalan kebudayaan ini dengan apa yang disebutkan sebagai pertelagahan di antara Melayu nasionalis dan Melayu Islam tanpa sebarang alasan atau contoh seperti biasa. Kenyataan-kenyataan melulu seperti inilah yang sebenarnya lebih mempersulitkan usaha-usaha kita bersama memupuk nilai-nilai budaya murni dan membentuk kebudayaan kebangsaan.

Adalah tidak benar andaian bahawa mempertahankan kebudayaan Melayu bererti mempertahankan unsur-unsur khurafat. Kerana sesungguhnya Kementerian ini tidak bertujuan untuk mengekalkan apa-apa jua unsur khurafat dalam masyarakat kita.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya jemput Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menggulung perbahasan.

7.03 mlm.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, seperti kita perbuat dalam tahun-tahun yang sudah, belanjawan 1984 yang telah diterima dengan baik oleh semua lapisan masyarakat adalah hasil dari beberapa siri dailog pra-Belanjawan yang saya dan Kementerian saya telah adakan pada pertengahan tahun ini dengan berbagai golongan masyarakat termasuklah pengguna-pengguna, pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga, pertubuhan wanita, iktisas, akademik, pelombong, bank, pekebun kecil, peladang dan kesatuan buruh. Banyak cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh mereka telah diterima dan sedikit sebanyak dipinda untuk disesuaikan dengan strategi keseluruhan belanjawan.

Dalam ucapan menggulung ini, saya akan menyentuh hanya beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya bersabit dengan Belanjawan tahun 1984 sahaja.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyarankan supaya peruntukan yang lebih diberi untuk kemudahan-kemudahan asas di luar bandar. Sukalah saya menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa semasa menentukan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1984 Kerajaan telah memberi keutamaan kepada projek-projek yang akan memberi faedah secara langsung kepada kawasan-kawasan luar bandar. Ini terbukti dari peruntukan yang diberi kepada projek-projek untuk membasmi kemiskinan berjumlah \$1,994 juta yang pada keseluruhannya

adalah untuk kawasan-kawasan luar bandar. Ini termasuklah peruntukan bagi sektor pertanian yang berjumlah \$1,325 juta dan sebanyak \$326 juta untuk kemudahan-kemudahan asas di luar bandar seperti jalan, bekalan air, elektrik dan perkhidmatan kesihatan.

Selain daripada itu banyak lagi sekolah-sekolah dan industri-industri kecil akan dibina untuk memberi peluang pelajaran dan pekerjaan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Jumlah peruntukan yang diberi kepada perprojek-projek untuk membasmi kemiskinan ini merupakan kira-kira 23% daripada keseluruhan Peruntukan Pembangunan tahun 1984. Peruntukan ini adalah besar jika dilihat dari segi kewangan Kerajaan yang terhad bagi tahun 1984.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji semula peruntukan ini apabila kedudukan kewangan Kerajaan bertambah baik di masa depan.

Dari setahun kesetahun Kerajaan telah menambah peruntukan belanjawan kita melalui anggaran peruntukan tambahan. Amalan ini akan diteruskan jika keadaan mengizinkan. Ini adalah satu bukti bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap kepentingan rakyat terutama sekali yang tinggal di kawasan luar bandar. Di samping itu peruntukan yang secukupnya tetap disediakan untuk membantu peniaga-peniaga kecil walaupun peruntukan bagi tahun 1984 itu terhad.

Soal hutang negara telah juga dibangkitkan dengan saranan supaya Kerajaan berhati-hati dalam dasar pinjaman. Ada juga mencadangkan supaya Kerajaan patut mengurangkan lagi perbelanjaan dalam semua bidang.

Saya suka menjelaskan di sini bahawa sebagai sebuah negara yang sedang membangun, tanggungjawab Kerajaan terutama sekali dalam hal

memperluaskan bidang kebajikan rakyat adalah besar dan berat. Oleh sebab itulah Kerajaan telah dan akan terus mengadakan berbagai-bagai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan awam seperti sekolah, hospital, jalan raya, dan juga rancangan-rancangan pembangunan bagi menunaikan hasrat rakyat.

Sejak merdeka perbelanjaan Kerajaan untuk mengadakan kemudahan dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ini semakin bertambah dan berlipat ganda dari setahun ke setahun. Misalnya dalam tahun 1960 Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan ialah sebanyak \$168 juta tetapi bagi tahun 1979 perbelanjaan ini telah meningkat sehingga \$4.3000 juta dan pada tahun 1981 \$11.4000 juta. Kerajaan kita adalah Kerajaan rakyat dan untuk rakyat. Oleh itu Kerajaan terlibat di dalam berbagai bidang perkhidmatan dan pembangunan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang semakin besar setiap tahun. Perlu diingat bahawa setiap rancangan pembangunan memerlukan tenaga manusia yang terlatih, bahan-bahan dan kelengkapan-kelengkapan yang tertentu. Semuanya ini memerlukan wang. Semakin bertambah perkhidmatan dan projek pembangunan, semakin banyak wang diperlukan untuk membiayainya. Tetapi hasil yang didapati oleh Kerajaan setiap tahun tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan ini oleh kerana negara kita kecil dan ekonomi kita belum cukup maju. Apa-apa hasil yang diperolehi hanya mencukupi untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus sahaja. Tetapi kita perlu terus mengembang dan memajukan lagi ekonomi kita supaya kita dapat meningkatkan taraf hidup rakyat terutama sekali di kawasan luar bandar

selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu terpaksa Kerajaan meminjam wang dari dalam dan luar negeri untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunannya. Oleh sebab Kerajaan telah dapat mengadakan projek-projek pembangunan yang sesuai maka sekarang kita boleh lihat kejayaan yang cemerlang yang telah dicapai selama ini. Negara kita telah mencapai kejayaan yang pesat dalam semua bidang dan pendapatan per kapita juga telah meningkat dari \$1,109 dalam tahun 1970 kepada \$4,079 dalam tahun 1982.

Dengan kejayaan ini kita telah melahirkan golongan berpendapatan pertengahan yang meluas di seluruh negara. Di samping itu kita telah dapat mewujudkan suatu iklim pelaburan yang menarik bagi pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri.

Kerajaan memang sedar bahawa jumlah hutang negara telah meningkat akibat pinjaman dalam beberapa tahun ini. Tetapi kita tidak seharusnya bimbang sangat tentang hal ini kerana kedudukan hutang negara masih lagi terkawal. Dan kalau pun kita terpaksa meminjam kelak, kita akan mengambil kira segala akibat dan manfaatnya dengan penuh cermat dan sehabis-habis teliti sebelum membuat permohonan pinjaman. Nisbah khidmat bayaran hutang negara kita masih lagi rendah iaitu sebanyak 6% sahaja pada tahun ini. Walaupun masih rendah, Kerajaan akan sentiasa mengawasi supaya ia tidak melebihi keupayaan kita. Beberapa langkah telah pun diambil untuk mengurangkan perbelanjaan supaya kita tidak perlu meminjam wang terlalu banyak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hasil dari langkah-langkah yang diambil ini Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1982 telah

dapat dikurangkan daripada anggaran asal yang diluluskan iaitu \$14.6 ribu juta ringgit kepada perbelanjaan sebenar sebanyak \$11.5 ribu juta. Begitu juga dalam tahun 1983, Perbelanjaan Pembangunan dianggarkan dapat dikurangkan kepada \$10.2 ribu juta. Langkah-langkah ini akan diteruskan lagi dalam tahun 1984 di mana paras Perbelanjaan Pembangunan akan dikurangkan kepada \$8.6 ribu juta. Selama ini kita telah berjaya memenuhi segala tanggungjawab kita dan tidak pernah gagal dalam hal membayar balik hutangnya, itulah sebabnya institusi-institusi kewangan antarabangsa serta juga bank-bank perdagangan di dunia mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang penuh terhadap Malaysia dan mereka sentiasa bersedia untuk memberi pinjaman kepada Malaysia, walaupun dalam keadaan kewangan antarabangsa yang kurang baik ini. Kedudukan Malaysia yang baik ini dipandang tinggi oleh masyarakat kewangan antarabangsa.

Mengenai cukai, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa strategi Belanjawan ialah juga untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan. Walau bagaimanapun saya suka menegaskan sekali lagi bahawa dalam mengemukakan cadangan-cadangan cukai ini Kerajaan telah mengambil kira supaya cukai-cukai ini tidak membebankan golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Di samping itu sistem pentadbiran pungutan cukai akan diperkemas dan usaha untuk menambahkan lagi kecekapan Jabatan-jabatan Kastam dan Hasil Dalam Negeri akan terus dijalankan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja atas sokongan dan sambutan mereka yang baik terhadap Belanjawan tahun 1984 ini, tetapi juga

atas pandangan, teguran mereka mengenai berbagai aspek yang berkait dengannya.

Ucapan penggolong kali ini agak ringkas. Ini ialah kerana tidak banyak persoalan mengenai Belanjawan dibangkitkan sewaktu perbahasan, hanya dua tiga perkara sahaja yang saya rasa perlu diberi penjelasan yang lebih lanjut dan ini telah saya tunaikan sebentar tadi.

Satu hal yang mustahak, yang perlu saya tegaskan di sini ialah segala peruntukan perbelanjaan adalah sentiasa disemak sepanjang tahun. Tujuannya ialah hendak menentukan supaya kepentingan golongan yang berpendapatan rendah terus diberi keutamaan yang tinggi. Dalam pada itu kita juga mahu menentukan supaya ketahanan dan pertumbuhan ekonomi negara bertambah teguh.

Saya yakin dan percaya dengan keadaan ekonomi dunia yang dijangka lebih baik dalam tahun hadapan dan berkat keazaman yang kuat serta kerjasama yang penuh dari semua pihak kita bukan sahaja akan dapat sama-sama mengatasi masalah-masalah ekonomi kita, tetapi juga dapat meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita iaitu satu-satunya jalan bagi meninggikan pendapatan taraf dan kualiti hidup rakyat seluruhnya, insya Allah. (*Tepuk*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di atas nama Yang

Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1984, dan

bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruang lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, 9hb November, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.16 malam.